

"KERAJAAN betah tidaklah hanya berpada setakat mengadakan kemudahan-kemudahan semata-mata, tetapi di samping itu juga akan memastikan bahawa semuanya adalah diurus dengan betul sehingga memenuhi kehendak-kehendak pemodenan dan profesionalisme. Dalam makna di samping kuantiti, juga jalak kualiti." - Titah sempena Sambutan Hari Kebangsaan 1999.



پلیتا بروئنی Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 46 BILANGAN 22 RABU 30 MEI, 2001/1422

PERCUMA

<http://www.brunei.bn/news/pelita/pelita1.htm> email:
pelita@brunei.bn Talian penting PELITA BRUNEI :
(02) 383941/(02) 383804 Faks : (02) 381004/(02) 380507

Hubungan mesra Brunei - Jordan sentiasa terjalin

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibni Al Hussein, Raja Jordan dan kepada Tuan Yang Terutama Tuan Ali Abu Al-Raged, Perdana Menteri Negara Jordan bersempena Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Negara Jordan.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Negara Jordan. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibni Al Hussein sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Negara Jordan akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu, di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Tuan Ali Abu Al-Raged, Perdana Menteri Negara Jordan, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Negara Jordan sempena Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Negara Jordan.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda mendoakan ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, semoga Tuan Yang Terutama sentiasa dalam perlindungan Allah, sihat sejahtera dan semoga rakyat Negara Jordan akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera yang berterusan.

Oleh Sahari Akim

TUNGKU, 27 Mei. - Cabaran yang dibawa oleh kesepatan teknologi terkini bukan sahaja memerlukan kemahiran dan pengetahuan baru tetapi juga memberi kesan terhadap sikap dan nilai, di samping menghendaki penglibatan semua sektor dalam masyarakat sama ada di pihak awam dan swasta, komersil atau sukarela.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang juga selaku Penuaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam bertitah demikian ketika berkenan merasmikan Persidangan Serantau Asia Pasifik Ke-7 Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia berlangsung di Dewan Serbaguna, Universiti Brunei Darussalam.

Baginda menambah titah, anggota Pandu Puteri bukan sahaja patut berbangga dengan pencapaian yang lepas, tetapi juga benar-benar komited dalam menghadapi pelbagai cabaran semasa dan akan datang yang begitu pesat.

Titah baginda, anggota Pandu Puteri juga bersedia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima junjung ziarah Ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia sejurus merasmikan Persidangan Serantau Asia-Pasifik Ke-7 Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia yang berlangsung di Universiti Brunei Darussalam. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHOA.

menghadapi kehidupan moden mengikut keperluannya dengan memperlihatkan kesungguhan dalam menjurus bakat-bakat yang mereka miliki ke arah menyumbangkan perkhidmatan kepada masyarakat.

Semasa bertitah, baginda juga menyentuh mengenai kemajuan teknologi baru yang wujud setiap tahun yang begitu dirasakan di Negara Brunei Darussalam, seperti komputer yang kini menjadi keperluan asas di pejabat dan internet yang boleh dilayari oleh ribuan belia.

Dalam pada itu, pegawai-pejawai kerajaan dan masyarakat peniaga, menurut titah baginda, juga hampir semua sering berhubung dengan menggunakan telefon selular, begitu juga penggunaan televisyen satelit yang terdapat di rumah-rumah.

"Semasa Mesyuarat APEC pada tahun lepas, para pemimpin rantaui kita memperakui semua itu sebagai kenyataan kehidupan hari ini," titah baginda.

Sehubungan dengan itu, baginda seterusnya bertitah mengalau-alukan 'fokus' yang telah dipilih dalam persidangan tersebut yang sangat bersesuaian.

an dengan perkembangan semasa.

Di majlis itu, baginda juga berharap agar para peserta akan dapat menjalin kerjasama, berkongsi pengalaman dan kemahiran di samping menggunakan peluang untuk mengenali dan memahami di antara satu sama lain.

"Sebagai Pandu Puteri, sememangnya kamu akan mencari cara-cara meramandu orang lain. Bagaimanapun, beta percaya yang kamu juga akan meramandu diri masing-masing dalam semangat tinggi persatu, iaitu pemeludian, prihatin dan kerjasama," tegas baginda.

Terdahulu baginda bertitah, menyifatkan tahun 2001 merupakan penghormatan khusus kepada Persatuan Pandu Puteri di negara ini selaku tuan rumah

مابین ایات

MNISNYA IMAN

"DAN jangan sekali-sekala engku menyangka orang-orang yang terburuh (yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati, mereka tidak mati bahkan mereka adalah hidup secara istimewa di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki." - Firman Allah Surah Ali 'Imran ayat 169.

Timb. Menteri Pendidikan dilantik Pemangku Menteri Pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa baginda telah berkenan melantik Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat (gambar kanan), Timbalan Menteri Pendidikan menjadi Pemangku Menteri Pembangunan mulai hari Isnin, 28 Mei, 2001 pada menggantikan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri, mulai dari tarikh tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit tidak lagi menjadi Menteri Kabinet dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



ANGGOTA Pandu Puteri bukan sahaja patut berbangga dengan pencapaian yang lepas, tetapi juga benar-benar komited dalam menghadapi pelbagai cabaran semasa dan akan datang yang begitu pesat.



دُعْنَ نَامَ اللَّهِ يَعْمَلُهَا
قُمُورَهُ دَانَ مَهَا قَبْيَغَ

Dari Sidang Pengarang

30 MEI, 2001 BERSAMAAN 1422

٧ ربيع الأول،

BRUNEI UTAMAKAN PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA

MEMANG perlu disedari bahawa bagi mana-mana negara, sama ada yang besar maupun yang kecil, kunci pembangunan dan kemajuannya dalam era globalisasi dan teknologi perhubungan maklumat (Information Communication Technology, ICT) ini terletak kepada warganya yang berkemahiran, berpendidikan dan berpengetahuan tinggi dalam pelbagai bidang, terutamanya dalam bidang yang ada kaitan langsung dalam aspek-aspek pembangunan negara.

Oleh yang demikian, adalah mudah bagi kita untuk memahami dan menerima hakikat mengapa isu pembangunan tenaga manusia ini sering dilaung-laungkan atau diperkatakan oleh pelbagai pihak, kerana ia adalah salah satu daripada faktor utama yang akan menentukan masa depan negara.

Negara Brunei Darussalam amat mengambil berat serta memandang serius tentang pembangunan tenaga manusia sehingga menjadi salah sebuah negara pengesyur agar pembangunan keupayaan manusia dibincangkan dalam Mesyuarat Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) supaya dengan demikian kesemua rakyatnya berkemahiran dan berpengetahuan, lebih-lebih lagi generasi muda yang akan menjadi penggerak utama pembangunan dan kemajuan negara.

Baru-baru ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke ibu negara Republik Rakyat China, Beijing, dengan tujuan mempergerusikan bersama Mesyuarat Peringkat Tinggi APEC mengenai inisiatif pembangunan kapasiti manusia (human capacity building) yang berlangsung selama dua hari, 15 - 16 Mei, di Beijing.

Dalam titah perasmian mesyuarat berkenaan, baginda bertitah menekankan bahawa teknologi akan terus berubah dari semasa ke semasa dan dengan demikian, suasana ekonomi juga akan menghadapi perubahan serta cabaran.

Dalam keadaan sedemikian, setiap ahli ekonomi APEC perlu mencapai kemahiran dan pengetahuan yang berterusan dan serta-merta, seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat itu.

Dengan cara ini, titah baginda, sesebuah negara dapat memperlengkapkan rakyatnya dengan tenaga yang sentiasa terkini seperti tenaga yang perlu dibawa ke peringkat antarabangsa yang kompetitif untuk seterusnya dipergunakan ke arah mendapat keuntungan daripada peluang-peluang ekonomi yang wujud dalam ekonomi baru.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, ia kini sedang berusaha rapat dengan para perwakilan dari institusi-institusi perniagaan, latihan dan pendidikan ke arah membantu rakyat dalam pembangunan keupayaan atau kapasiti manusia yang mana akan dapat mereka pergunakan untuk mengambil peluang baru ekonomi yang terbuka luas. Sehubungan dengan ini, adalah mustahak bagi institusi pengajaran tinggi dan teknikal di negara ini untuk membuat perancangan dan persiapan rapi dalam menyediakan tenaga manusia yang mempunyai daya maju dan daya saing di peringkat serantau dan antarabangsa dengan meningkatkan kursus-kursus dalam bidang teknologi dan perdagangan bagi memajukan 'human capacity', iaitu kapasiti manusia yang diperlukan dalam ekonomi baru, terutama bidang teknologi maklumat dan komunikasi, serta perdagangan dan kewangan.

Perkara ini juga telah ditekankan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dalam sabda Duli Yang Teramat Mulia di Majlis Konvensyen Institut Teknologi Brunei Ke-10 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, pada 26 Mei yang baru lalu.

Proses sedemikian hendaklah berterusan, di mana para graduan dikemaskinikan dengan pengetahuan dan kemahiran atau 'skills' melalui latihan-latihan semula atau 'retraining' agar mempunyai kemahiran yang diperlukan oleh pasaran kerja, yakni 'marketable skills'.

Perkara ini boleh dijalankan dengan kerjasama rapat di antara agensi-agensi latihan dan pendidikan serta pihak swasta yang berkenaan.

Internet membawa pengaruh positif dan negatif LINDUNGI, BIMBING REMAJA KE ARAH UNSUR POSITIF

Bismillahir Rahmani Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH Rabbil Alameen, Wassalatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Ambiyaa Walmursaleen Sayyidina Muhammaddin Wa'alai Alihie Wasahbihie Ajma'een.

Sebahagian masjid-masjid di negara ini tidak mahu ketinggalan dalam arus kemajuan teknologi maklumat. Mereka menggunakan komputer dan membuka kelas komputer, mereka memanfaatkan internet dengan menyediakan laman webnya sendiri. Pada hari ini, Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah mengambil peluang itu dengan mengadakan Majlis Pelancaran Rasmi Laman Webnya sendiri sempena sambutan Awal Tahun Hijrah 1422.

Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah yang mengungkayahkan projek ini.

Sudah barang setentunya, Laman Web Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah akan diisi dengan maklumat-maklumat mengenai hal-hal Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah termasuklah kegiatan-kegiatan takmirnya, jenis-jenis khidmat yang ditawarkannya kepada masyarakat dan seterusnya ia tidak akan mengabaikan fungsinya sebagai pusat ilmu dengan cara menyediakan maklumat-maklumat berhubung dengan ilmu pengetahuan dan hukum-hakam yang bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah, khasnya petunjuk-petunjuk dan bimbingan-bimbingan mengenai amal ibadat sehari-hari yang berupa fardhu ain secara lebih sempurna lagi terbit.

Serta mungkin juga ia akan menyediakan maklumat-maklumat berhubung dengan isu-isu semasa keagamaan: seperti masalah penyeleweng akidah, anasir-anasir yang membawa pengaruh-pengaruh yang ingin memesongkan kefahaman yang betul mengenai dengan ajaran-ajaran Islam yang bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah.

Mengenai dengan perkara ini, sudah tentu ia menghendaki tenaga yang berkeahlian lagi gigih bagi mengungkayahkan, memandangkan kepada kondisi dan potensi Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah ini, saya percaya pihak Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah akan dapat mengungkayakkannya dengan sebaik-baiknya dengan pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sudah lumrah bahawa internet membawa pengaruh yang positif dan juga pengaruh yang negatif. Hal-hal yang negatif itu termasuklah unsur-unsur yang tidak sihat dan unsur-unsur



UCAPAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerja Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Hajji Awang Md. Zain bin Hajji Serudin di Majlis Pelancaran Rasmi Laman Web Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah 1422 bertempat di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah pada 29 Muharam, 1422/23 April, 2001.

yang kurang sihat, seperti boleh meruntuhkan akhlak, mementingkan diri sendiri, penyebaran bahan-bahan lucah, mengeneppikan hidup berkeluarga yang sah, mengganggu keharmonian hidup beragama, unsur-unsur negatif seperti ini memang terdapat dalam internet, maka hendaklah ia dihadapi dengan tabah, dengan berani sebagai suatu cabaran.

HAL-HAL yang negatif itu termasuklah unsur-unsur yang tidak sihat dan unsur-unsur yang kurang sihat, seperti boleh meruntuhkan akhlak, mementingkan diri sendiri, penyebaran bahan-bahan lucah, mengeneppikan hidup berkeluarga yang sah, mengganggu keharmonian hidup beragama, unsur-unsur negatif seperti ini memang terdapat dalam internet, maka hendaklah ia dihadapi dengan tabah, dengan berani sebagai suatu cabaran.

Kebijaksanaan menjadi tanggungjawab semua pihak yang ingin memelihara kepentingan agama, kepentingan nyawa, kepentingan akal, kepentingan harta benda dan kepentingan maruah dan nama baik. Di sinilah letaknya kebijaksanaan ibu bapa dan para penjaga, khasnya bagi memelihara kanak-kanak dan para remaja.

Golongan yang perlu dilindungi itu khasnya kanak-kanak dan para remaja hendaklah dipandu dan dibimbing supaya perhatian mereka diarahkan kepada unsur-unsur yang positif yang terdapat dalam internet itu, kerana kemajuan teknologi maklumat dan wujudnya laman-laman web dalam internet hendaklah dimanfaatkan sebagai sistem perhubungan manusia sejagat yang mudah lagi cepat, yang boleh menyumbang ke arah memperkaya maklumat, meninggikan ilmu pengetahuan dan menambah pengalaman dan ia sebagai saluran bagi menyebarkan ajaran-ajaran Islam dan mendidik akidah dan etika demi kebaikan manusia dan mendukung nilai-nilai kemanusiaan sejagat menurut ajaran-ajaran Al-Quran dan As-Sunnah.

Semoga Allah memberkati Laman Web Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah ini, dan sumbangannya nanti, khasnya dari segi memelihara dan mengembangkan ajaran-ajaran Islam dan syiar Islam akan dapat dirasa dan dimanfaatkan oleh masyarakat.

Dengan mendahulukan kalimah Bismillahir Rahmani Rahim dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala, dengan ini saya lancarkan Laman Web Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah 1422.

Wabilahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

MESYUARAT KE-III MENTERI-MENTERI LUAR ASIA-EROPAH (ASEM)



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berjabat mesra sejurus mengadakan perbincangan dua hala dengan Tuan Yang Terutama Tuan Tang Jiaxuan, Menteri Luar Republik Rakyat China.

Hadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEM di Beijing

BEIJING, 22 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berangkat tiba di Beijing, Republik Rakyat China bagi menghadiri Mesyuarat Ke-III Menteri-menteri Luar Asia-Eropah (ASEM) hari ini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah di Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing telah dijunjung oleh Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke

Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Asmilee.

Juga menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ialah bekas Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Liu Xinheng.

Di samping menghadiri mesyuarat terpenting bagi Asia-Eropah, Duli Yang Teramat Mulia juga menggunakan kesempatan itu bagi mengadakan mesyuarat dan perjumpaan dua hala dengan ketua delegasi daripada beberapa buah negara-negara sahabat.

Duli Yang Teramat Mulia juga mengadakan perjumpaan dengan Menteri Luar Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Tang Jiaxuan.

ASEM III membuka lembarannya dengan upacara ucapan perasmian oleh Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Presiden Jiang Zemin pada 25 Mei, di China World Hotel di sini.

Sepanjang Mesyuarat ASEM yang diadakan selama dua hari bermula 24 hingga 25 Mei, telah dipengerusikan oleh Menteri Luar Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Tang Jiaxuan.

KERJASAMA DUA HALA DIBINCANG

BEIJING, 22 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri mengadakan perbincangan dua hala dengan Tuan Yang Terutama Tuan Tang Jiaxuan, Menteri Luar Republik Rakyat China.

Majlis perbincangan itu berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, di Chaoyang, Beijing.

Perjumpaan Duli Yang Teramat Mulia dengan Tuan Yang Terutama antara lain membincangkan perkara-perkara mengenai kepentingan pelbagai bidang, terutama dalam usaha bagi meningkatkan hubungan kerjasama kedua-dua buah negara.

Selepas mengadakan perbincangan, majlis diikuti dengan Majlis Santap Malam yang diberikan oleh Menteri Luar Republik Rakyat China.

Liputan Samle Haji Jait
dari Beijing, Republik Rakyat China
Gambar-gambar oleh Amat Haji Moksin

Majlis berkenaan juga merupakan salah satu atur cara Duli Yang Teramat Mulia yang sedang menghadiri Mesyuarat Ke-III Menteri-Menteri Luar Asia-Eropah (ASEM) di sini.

Kerjasama politik di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Rakyat China sudah berjalan sejak beberapa tahun melalui forum-forum serantau dan antarabangsa khususnya dalam konteks ASEAN.

Sebelum itu, Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China telah berusaha secara berterusan bagi mempertingkatkan kepentingan dua halanya, dengan membabitkan bidang perdagangan dan perniagaan, pengukuhan kerjasama dalam bidang pelancongan, perkilangan, perikanan, petrokimia serta pertanian.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China juga telah bersetuju bagi meneroka kerjasama baru dalam bidang sains dan teknologi.

Mesyuarat ASEM kali ini juga mengkaji dan melihat cara-cara melaksanakan inisiatif-inisiatif kerjasama seperti yang diluluskan dalam permesyuaratan ASEM melalui bidang-bidang ekonomi dan perdagangan, sains dan teknologi di

samping persekitaran dan pendidikan.

Menteri-menteri Luar yang berperanan selaku penyelaras keseluruhan proses ASEM akan juga mengkaji kemajuan sejak Sidang Kemuncak ASEM yang telah berlangsung di Seoul, Oktober 2000.

Mesyuarat akan disertai oleh Menteri-menteri Luar daripada 15 buah negara Kesatuan Eropah dan 10 negara Asia di samping disertai oleh Pesuruhjaya Hubungan Luar Eropah, Tuan Chris Patten.

Santap Malam di Dioyutai

BEIJING, 23 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sementara Republik Rakyat China diwakili oleh Menteri Luaranya (pada masa itu), Tuan Yang Terutama Tuan Qian Qichen.

Majlis berlangsung di Rumah Tetamu Dioyutai, Daerah Hai Nian, Beijing, di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia telah dijunjung penuh mesra oleh Tuan Yang Terutama Tuan Qian Qichen dan isteri, Puan Zhou Hanqiong.

Sebelum Majlis Santap Malam, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia bersama Tuan Yang Terutama Tuan Qian Qichen dan Puan Zhou Hanqiong mengadakan perbincangan dan beramah mesra di bilik tetamu khas.

Duli Yang Teramat Mulia adalah dalam rangka lawatan kerja ke Republik Rakyat China.

Negara Brunei Darussalam telah menjalankan hubungan diplomatik secara rasmi dengan menandatangani pernyataan bersama di New York pada 30 September, 1991.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sementara Republik Rakyat China diwakili oleh Menteri Luaranya (pada masa itu), Tuan Yang Terutama Tuan Qian Qichen.

Hasil hubungan mantap kedua-dua buah negara, Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China secara berterusan menjana pelbagai usaha bagi faedah bersama termasuk pertukaran lawatan rasmi di peringkat pemimpin kedua-dua buah negara serta pertemuan dua hala.

Dengan memeterai beberapa perjanjian dan kerjasama terutama bagi pengukuhan di bidang ekonomi dan perdagangan, merupakan antara agenda kerjasama yang sangat ketara bagi Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Dalam merangka bagi meningkatkan kerjasama bagi menghasilkan Pembangunan Kapasiti Manusia (HCB), Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China nampak serius agar usaha seperti yang disuarakan dalam pertemuan APEC di Negara Brunei Darussalam dan para Mesyuarat Peringkat Tinggi bagi membincangkan inisiatif HCB dalam APEC di sini baru-baru ini, benar-benar memberi hasil yang berkesan.



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Tuan Liu Xinheng, bekas Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam.

MESYUARAT KE-III MENTERI-MENTERI LUAR ASIA-EROPAH (ASEM)

Isu-isu serantau, antarabangsa, dibincangkan

BEIJING, 25 Mei. - Jemaah Menteri-menteri Luar Asia-Eropah telah mengadakan perbincangan dan bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa pada sesi plenari di Mesyuarat Ke-III Menteri-Menteri Luar Asia-Eropah (ASEM), di China World Hotel, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam juga berangkat menghadiri kedua-dua sesi ini.

Sesi plenari pertama telah dipengerusikan oleh Menteri Luar Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Tang Jiaxuan sebaik saja majlis pembukaan rasmi berakhir.

Selepas Majlis Santap Tengah Hari yang diberikan oleh Naib Perdana Menteri, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Qian Qichen, Duli Yang Teramat Mulia berserta Menteri-menteri Luar ASEAN meneruskan sesi plenari kedua pada sebelah petang.

Hadiri Majlis Makan Malam

BEIJING, 24 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam menyertai menteri-menteri ASEAN serta perwakilan dari Kesatuan Eropah menghadiri Majlis Makan Malam, di Beijing Hotel.

Majlis itu diberikan oleh Menteri Luar Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Tang Jiaxuan.

Sepanjang majlis diadakan, para menteri telah bertukar-tukar pandangan mengenai beberapa isu politik dan keselamatan khususnya bagi kedua-dua buah benua.

Isu-isu keselamatan seperti Semenanjung Korea dan Balkans bakal menjadi antara dialog politik yang akan dibentangkan dalam pertemuan peringkat menteri.

Pertemuan para menteri ASEAN kali ini menumpukan untuk merealisasikan hasratnya bagi meningkatkan Asia-Eropah sebagai rakan kongsi dalam abad baru.



Liputan Samle Haji Jait
dari Beijing, Republik Rakyat China

ASEM banyak memberi faedah kepada negara

BEIJING, 24 Mei. - Menteri-menteri Luar Asia-Eropah (FMM) daripada keahlian 10 negara Asia dan 15 negara Kesatuan Eropah memulakan persidangan bagi pertemuan penting dua benua dalam Mesyuarat Ke-III Menteri-Menteri Luar Asia-Eropah (ASEM), di China World Hotel, di sini.

Mesyuarat ini sudah pasti memberi banyak faedah kepada Negara Brunei Darussalam terutama menerusi beberapa agenda dalam mesyuarat selama dua hari, bermula 24 Mei.

Negara Brunei Darussalam pasti akan mengambil kesempatan bagi meneroka bidang-bidang kerjasama termasuk bidang ekonomi dan kewangan, meningkatkan kebudayaan melalui pendidikan selain membabitkan kerjasama dalam penjagaan kesihatan.

Melalui ASEM, Negara Brunei Darussalam yang merupakan negara kecil berpeluang bagi mempromosikan diri selain dapat mengeratkan kesedaran dan kepentingan politik kepada negara-negara Kesatuan Eropah.

Melalui dialog politik, para jemaah menteri akan melihat semula situasi-situasi keselamatan serantau dalam Asia dan Eropah. Selain itu, isu-isu antarabangsa termasuk bagi meningkatkan peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan mewujudkan mekanisme perundungan bagi perkara yang bersangkutan dengan PBB di kalangan rakan kongsi ASEM.

Perkara-perkara keselamatan yang meliputi kawalan kuasa dan pelucutan senjata, pembangunan ekonomi dan politik antarabangsa dalam order baru, peranan undang-undang antarabangsa dan mekanisme serantau merupakan antara agenda perbincangan yang cukup menarik.

Para menteri juga memandang lebih jauh bagi mengadakan kerjasama-kerjasama mengenai isu-isu global yang meliputi persekitaran, pembangunan sumber manusia dan memerangi jenayah transnational'.

Kerjasama dalam bidang-bidang sains dan teknologi juga dijangka mendapat perhatian dalam pertemuan kali ini.

Selain meneliti hasil Mesyuarat ASEM yang lalu meliputi Laporan-laporan Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan ASEM, Laporan Asia-Europe Environmental Technology Centre (AEETC), Laporan ASEF, para menteri juga akan membuat persediaan bagi Mesyuarat ASEM yang akan berlangsung di Denmark tahun depan.

ASEM merupakan acara terbesar dalam proses kerjasama Asia-Eropah, sementara Republik Rakyat China yang menjadi tuan rumah menyifatkan ASEM III merupakan aktiviti diplomatik penting kepada dirinya.

Kesungguhan Kerajaan Republik Rakyat China dalam mesyuarat kali ini juga terbukti apabila lebih banyak pemimpin-pemimpinnya akan menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang berkait rapat mengenai isu-isu kepentingan negara berkenaan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berangkat ke Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Menteri Luar Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Tang Jiaxuan. - Gambar oleh Amat HM.

DULI Yang Teramat Mulia dinaikan di Majlis Santap Malam yang diberikan oleh Menteri Luar Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Tang Jiaxuan. - Gambar oleh Amat HM.

KERJASAMA ASEM BANTU WUJUDKAN POLITIK ANTARABANGSA YANG RASIONAL

BEIJING, 24 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Mesyuarat Ke-III Menteri-Menteri Luar Asia-Eropah (ASEM) di China World Hotel di sini.

Mesyuarat ASEM dimulakan dengan pertemuan para menteri Asian yang merupakan sebahagian daripada Mesyuarat Ke-III ASEM bagi menyelaraskan kedudukan benua itu sebagai persiapan sebelum bersempena dengan negara-negara ahli dari Eropah.

Perbincangan secara rasmi di antara menteri-menteri Asia dan Eropah telah bermula 25 Mei.

Mesyuarat ASEM mencermin keperluan strategik kedua-dua buah benua yang saling bergantung kepada politik dan ekonomi.

Menteri Luar Republik Rakyat China, TYT Tuan Tang Jiaxuan berkata, meningkatkan kerjasama di antara Benua Asia dan Eropah melalui dialog yang berlandaskan kesamaan akan meningkatkan demokrasi dalam hubungan antarabangsa di samping akan menyumbang keamanan, kemajuan yang stabil dan kemakmuran dunia.

"Kerjasama itu juga akan membantu mewujudkan politik antarabangsa yang rasional,

penyusunan ekonomi selain menolong kepelbagaiannya polar dunia," jelas TYT Tuan Tang Jiaxuan kepada pemberita di sini.

Selain Negara Brunei Darussalam, ketua delegasi dari negara Asia ialah Menteri Luar Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Tang Jiaxuan; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Jepun, TYT Tuan Tanaka Makiko; Menteri Hal Ehwal Luar dan Perdagangan Republik Korea, TYT Tuan Han Seung-Soo.

Juga hadir ialah Menteri Hal Ehwal Luar Malaysia, TYT Tuan Syed Hamid Albar;

Setiausaha Luar Republik Filipina, TYT Tuan Teofisto Guingona; Menteri Luar Republik Singapura, TYT Profesor S. Jayakumar; Menteri Hal Ehwal Luar Thailand, TYT Dr. Surakiart Sathirathai dan

Menteri Hal Ehwal Luar Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tuan Nguye Dy Nien dijangka akan mewakili negara anggota Asia dalam ASEM.

Sementara itu 16 negara ahli dari Kesatuan Eropah turut menyertai mesyuarat kali ini termasuk negara Australia, Belgium, Denmark, England, Finland, Perancis, Jerman, Greece, Ireland, Itali, Luxembourg, Belanda, Portugal, Sepanyol dan Sweden.

Kepentingan kerjasama di antara Asia dan Eropah merupakan sasaran penting dalam

MESYUARAT KE-III MENTERI-MENTERI LUAR ASIA-EROPAH (ASEM)



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama Menteri-menteri Luar Asia-Eropah sejurus Majlis Perasmian Mesyuarat Ke-III Menteri-menteri Luar Asia-Eropah (ASEM) yang berlangsung di Dewan Persidangan China World Hotel, Beijing.

Liputan
Samie Haji Jait
dari Beijing
Republik Rakyat
China
Gambar-gambar
oleh Amat HM



PRESIDEN Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Presiden Jiang Zemin ketika berucap melancarkan Mesyuarat Ke-III Menteri-menteri Luar Asia-Eropah (ASEM).

ASEM PERLU DIJADIKAN CONTOH KERJASAMA DUA BENUA

BEIJING, 25 Mei. - Negara-negara ahli Asia-Eropah perlu sama-sama bertanggungjawab untuk mencari jalan bagi mengembalikan peluang-peluang kemajuan dan mengatasi kesulitan-kesulitan dalam usaha ASEM ke arah kemajuan manusia.

Saranan itu telah dibuat oleh Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Presiden Jiang Zemin ketika melancarkan Mesyuarat Ke-III Menteri-menteri Luar Asia-Eropah (ASEM), di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Perasmian Mesyuarat Ke-III Menteri-menteri Luar Asia-Eropah, di Dewan Persidangan China World Hotel.

Selain dihadiri oleh para jemaah Menteri Luar ASEM, majlis tersebut juga dihadiri oleh perwakilan dari Suruhanjaya Tinggi Eropah, Chirs Patin.

TYT Presiden Jiang Zemin berkata, Asia dan Eropah tidak dapat membangun bersendirian tanpa diiringi oleh dunia luar meskipun kerjasama dalam ASEM boleh membawa faedah kepada dunia.

Menurutnya, ASEM mempunyai pengaruh mekanisme kerjasama serantau yang tinggi. Justeru ia perlu lebih banyak memberi sumbangan kepada keamanan, keselamatan, pembangunan dan kemakmuran

bukan saja Asia dan Eropah tetapi kepada dunia keseluruhannya.

Sehubungan dengan itu, Presiden Republik Rakyat China itu menyarankan agar ASEM perlu dijadikan contoh kepada kerjasama kedua-dua benua berlandaskan kesamaan.

Fakta itu telah membuktikan kesamaan dan demokrasi ASEM yang boleh dilihat daripada kesehamaan yang mendalam, kerjasama yang lebih baik dan hubungan rapat.

"Faedah kerjasama kedua-dua benua yang melengkungi persamaan persahabatan perlu disokong dalam semua hubungan termasuk dua hala dan pelbagai hala," jelas TYT Presiden Jiang Zemin.

Sementara itu, ASEM juga perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam mempromosi semua kerjasama yang ketika ini sejumlah lebih kurang 2.5 billion penduduknya penyumbang setengah daripada GDP dunia.

Melalui bidang ekonomi, saintifik dan kekuatan teknologi, kekayaan sumber manusia dan potensi pasaran yang meluas, Asia dan Eropah mempunyai asas yang kukuh bagi kerjasama yang rapat.

Program jangka panjang perlu diusahakan di bawah prinsip memberi keuntungan bersama, saling bergantung dan saling melengkapi untuk mendalami kerjasama yang berkesan dan komprehensif.

Ia juga diharatkan bagi bertukar-tukar hubungan ekonomi dan perdagangan, kewangan, sains dan teknologi, pendidikan, persekitaran dan sektor lain agar kerjasama Asia-Eropah akan menjadi lebih luas dan berterusan dengan pencapaian-pencapaian baru.

ASEM perlu tegas mempromosi bagi mewujudkan politik antarabangsa dan ekonomi order baru di mana kedua-dua benua memiliki faedah bersama dalam mengekalkan keamanan dunia dan sama-sama meningkatkan kemajuan.

Menurut TYT Presiden Jiang Zemin, adalah mustahak mengetahui asas undang-undang antarabangsa, meningkatkan penyelidikan, penyelaras dan kerjasama yang betul bagi menerajui politik dan keselamatan yang memberi faedah dan tuntutan yang lebih luas kepada negara-negara membangun.

Oleh itu, ASEM perlu berperanan lebih membina bagi membantu keseimbangan politik antarabangsa dan ekonomi order baru serta membawa ke hadapan kepada keamanan dan pembangunan di dunia.

Sempena majlis perasmian itu, TYT Presiden Jiang Zemin berserta para jemaah Menteri Luar ASEM mengabdi gambar ramai sebagai kenangan.

Mesyuarat yang berlandaskan tiga tuggak penting iaitu kerjasama ekonomi, kebudayaan dan dialog politik membawa tema 'Meningkatkan Kerjasama Persahabatan Asia-Eropah Di Abad Baru'.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ketika berkenan mengadakan kunjungan kepada Menteri Luar Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Tang Jiexuan (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Ke-III Menteri-menteri Luar Asia-Eropah.

Kampong Ayer tetap jadi tumpuan

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Mei. - Kampong Ayer satu ketika dulu yang pernah menjadi pusat pemerintahan Kesultanan Brunei terus menjadi kebanggaan orang-orang Brunei, kerana ia sering menjadi kunjungan dan perhatian para pelancong baik dari dalam atau luar negara.

Setiap pelancong yang melanjutkan destinasi mereka ke negara ini merasa tidak sah jika tidak melawat Kampong Ayer yang terbesar di dunia yang lebih dikenali oleh pelancong sebagai 'Venice of The East'.

Begitulah juga dengan kehadiran ketua-ketua dan pemimpin negara luar yang melawat ke negara ini. Mereka pasti memilih Kampong Ayer sebagai kunjungan utama mereka dalam jadual lawatan ke tempat-tempat menarik.



TUAN Yang Terutama Tuan Li Peng dan rombongan tertarik dengan Mushaf Al-Quran yang dipamerkan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Oleh
Abdullah Asgar

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongres Kebangsaan Rakyat, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng dan Madam Zhu Lin yang diiringi oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menyusuri Kampong Ayer dengan meneliti kapal khas menyaksikan keindahan Kampong Ayer. Juga kelihatan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin dan beberapa orang pegawai kanan kerajaan. - Gambar oleh Abdullah HAD.

pegawai kanan daripada kementerian berkenaan termasuk Setiausaha Tetap, Awang Haji Mohd. Yusof bin Mohd. Hassan dan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim.

Juga termasuk dalam rombongan Tuan Yang Terutama ialah 10 orang menteri dan timbalan menteri Republik Rakyat China.

Sekarang Kampong Ayer yang dihuni oleh lebih 30 ribu orang penduduk dalam 10 buah mukim telah menyediakan sebuah rumah persinggahan yang bertaraf hotel, bagi memudahkan pelancong untuk bermalam dan melawat serta mengalami sendiri kehidupan di atas air buat beberapa hari.

Jika kemudahan seperti itu diperluaskan ke beberapa buah kampung yang lain, pasti kedatangan pelancong akan terus meningkat mengunjungi kampung tersebut, serta secara tidak langsung mendorong peningkatan ekonomi penduduk setempat dan membuka lumbang baru buat negara kerana Kampong Ayer disifatkan yang terbesar di dunia yang dilengkapi dengan hotel dan rumah penginapan di samping pelbagai kemudahan yang terkini.



PENGURUSI Jawatankuasa Tetap Kongres Kebangsaan Rakyat, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng dan Madam Zhu Lin dengan diiringi oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menyusuri Kampong Ayer dengan meneliti kapal khas menyaksikan keindahan Kampong Ayer. Juga kelihatan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin dan beberapa orang pegawai kanan kerajaan. - Gambar oleh Abdullah HAD.



KETIBAAN Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng dan rombongan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dialu-alukan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Pembesar China lawat beberapa tempat menarik



BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Mei. - Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongres Kebangsaan Rakyat, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng dan Madam Zhu Lin meneruskan jadual lawatan rasmi mereka di hari kedua dengan membuat lawatan ke beberapa lokasi yang sering dikunjungi oleh para pembesar dan pelawat dari luar negara.

Di sebelah petang lawatan pada 22 Mei, Tuan Yang Terutama mengambil kesempatan melawat Bangunan Alat Kebesaran Diraja di ibu negara.

Sejurus ketibaan, Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng dan Madam Zhu Lin dialu-alukan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dayang Hajah Azizah.

Semasa lawatan, Tuan Yang Terutama dan Madam Zhu Lin serta rombongan diberi taklimat mengenai penubuhan bangunan berkenaan oleh Pengarah Muzium-Muzium Brunei, Awang Haji Metassim bin Haji Jibah.

Bangunan tersebut dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 30 September, 1992, sempena Sambutan Jubli Perak Baginda Meneja Takhta.

Oleh Siti Muslihat HS

Kemudian rombongan pembesar dari Republik Rakyat China itu meneruskan lawatan ke Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah di Kampong Kiarong.

Tuan Yang Terutama dan rombongan dialu-alukan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya dan Datin.

Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah merupakan masjid terbesar di negara ini. Ianya dibuka rasmi untuk kegunaan awam pada 14 Julai, 1994 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-48 Tahun.

Masjid ini mempunyai ruang jemaah lelaki dan perempuan yang berasingan. Ruang jemaah lelaki boleh menampung kira-kira 3,500 orang, sementara ruang bagi jemaah perempuan boleh memuatkan 1,000 orang.

Ianya dilengkapi dengan pelbagai kemudahan antaranya bilik pentadbiran, dewan serbaguna, bilik persidangan dan ruang orang-orang kenaikan dan bilik perpustakaan.

PENGURUSI Jawatankuasa Tetap Kongres Kebangsaan Rakyat, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng dan Madam Zhu Lin melambai merau Republik Rakyat China yang berada di negara ini sejurus sebelum meninggalkan negara ini. - Gambar oleh Haji Maamaleh HMA.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair ketika melancarkan tawaran promosi khas Kad Zippi OLaLa 095 dan pengeluaran edisi khas kad caj semula sempena Sambutan Hari Telekomunikasi Sedunia yang dijanjikan oleh Kumpulan DST. Majlis berlangsung di sebuah hotel di Jerudong. - Gambar oleh Amat HM.

DST raikan Sambutan Hari Telekomunikasi

Kad Zippi OLaLa 095 dilancarkan

JERUDONG, 17 Mei. - Sempena Sambutan Hari Telekomunikasi Sedunia, Kumpulan DST sebagai agensi telekomunikasi swasta di negara ini turut meraikan sambutan berkenaan.

Berlangsung di sebuah hotel terkemuka di sini, Kumpulan DST telah melancarkan tawaran promosi-promosi khas Kad Zippi OLaLa 095 dan pengeluaran edisi kad caj semula khususnya untuk kegunaan para pelanggan.

Tawaran promosi dan edisi khas kad caj semula itu telah dilancarkan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair.

Semasa berucap terdahulu di majlis ini, Pengarah Urusan Kumpulan DST, Pengiran Haji Mohd. Zin bin Pengiran Damit berkata, dari segi peluang-peluang perniagaan ianya bukan saja usaha persendirian dari kumpulan penyedia rangkaian seperti Kumpulan DST, tetapi ianya bersekutu dalam satu konsortium rakan-rakan strategik dalam bidang pembekal perkhidmatan sebenar dan pembekal-pembekal muatan dan aplikasi.

"Adanya perhatian dari semua pihak membolehkan Kumpulan DST membuat pelaburan yang ada sekarang dan akan terus dimajukan bagi peningkatan dan perkembangan peluang-peluang perniagaan yang lain sejauh dengan dunia internet," jelasnya lagi.

Menyentuh mengenai cabaran, Kumpulan DST perlu mengambil kira dan menimbang maklumat-maklumat sozial dan moral yang boleh diterima oleh masyarakat dalam menyebarkan maklumat.

Sementara dari segi prospek pula, Kumpulan DST bersedia mengongsi pengalaman dan kecapakan dalam teknologi info-komunikasi bagi perkembangan berterusan teknologi internet dalam bidang-

Oleh Siti Muslihat HS

bidang seperti pendidikan elektronik atau e-pendidikan, e-dagang dan e-kerajaan.

Produk Kad Zippi OLaLa 095 merupakan satu lagi produk yang menawarkan kadar talian panggilan terus ekonomi antara bangsa ke mana ju destinasi yang dipilih bermula 17 Mei sehingga 16 Jun. Sementara edisi khas kad caj semula dengan jumlah terhad sebanyak 40 ribu keping juga mula dipasarkan.

Dalam siaran akhbar yang dikeluarkan oleh pihak pengajur menyatakan bahawa Kumpulan DST menyedari potensi besar internet dalam membantu aktiviti-aktiviti perkembangan di sebalik pelbagai kesannya yang besar terhadap masyarakat.

Menurut pihak pengajur, berbagai-bagai perkhidmatan yang berhubung kait dengan internet di pertingkatkan dan ditawarkan kepada orang ramai. Ketika ini DST Multimedia Sdn. Bhd. sedang menyediakan perkhidmatan laluang internet bagi meningkatkan penggunaan internet.

Bidang-bidang lain yang turut diambil perhatian ialah bagi melaksanakan perbankan melalui internet dan perkhidmatan-perkhidmatan perniagaan ke arah meningkatkan amalan-amalan e-dagang.

Antara yang hadir di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Metassan bin Haji Daud.

PENGEKSPORT UTAMA GAS ASLI DUNIA BERBINCANG DI TEHRAN

BANDAR SERI BEGAWAN. - Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Seri Awang Haji Mohammad Taib, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah menghadiri Mesyuarat Pertama Peringkat Menteri Forum Negara-negara Pengekspor Gas Asli (Gas Exporting Countries Forum - GECF) yang diadakan selama dua hari dari 19 hingga 20 Mei, di Tehran, Republik Islam Iran.

Yang Berhormat memaklumkan bahawa Forum Negara-negara Pengekspor Gas - GECF, adalah merupakan cadangan bagi satu forum perbincangan secara tidak rasmi (informal) khusus bagi negara-negara pengekspor gas asli dengan tujuan bertukar-tukar pandangan dan pengalaman masing-masing. Dengan cara demikian, negara-negara ahli akan dapat mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan ke arah meningkatkan industri gas asli di negara masing-masing, serta juga memberikan peluang bagi mengeratkan lagi kerjasama teknikal dan komersil di antara negara-negara yang menyertainya.

Mesyuarat peringkat menteri ini, menurut Yang Berhormat, adalah lanjutan daripada mesyuarat peringkat pakar yang telah diadakan pada bulan Mac yang lalu, telah mencadangkan bagi ditubuhkan forum di antara negara-negara pengekspor gas asli. Ke arah itu, Mesyuarat Pertama Peringkat Menteri itu telah meneliti semula cadangan dan sokongan keperluan penubuhan Forum Negara-negara Pengekspor Gas Asli, matlamat, bidang tugas serta juga mekanisme perlaksanaan keputusan forum tersebut di samping membincangkan mengenai perkembangan pasaran dan pembekalan gas antara-bangsa.

Turut menyertai rombongan Yang Berhormat ialah Dato Paduka Awang Haji Hamidullah bin Haji Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, Syarikat Gas Cecair Asli Brunei (BLNG) Sendirian Berhad dan pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Unit Petroleum, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Murid sekolah rendah hadiri Seminar Internet

Oleh
Haji Ahmad HS

BERAKAS, 21 Mei. - Sesuai dengan dunia dalam era globalisasi dan kemajuan siber, pelbagai usaha telah dijalankan terutama Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Telekom Brunei dalam memberi-gakan minda kalangan murid-murid di negara ini mengenai internet.

Sempena Hari Telekom Se-



PENGURUS Produk Jabatan Telekom, Dayang Norfaridah Amani binti Abdulillah Darat (gambar sisipan) menyampaikan seminar mengenai internet kepada murid-murid sekolah rendah di negara ini sempena Hari Telekomunikasi Sedunia. - Gambar oleh Maari Osman.

dunia, Jabatan Telekom Brunei telah mengadakan Seminar Internet kepada murid-murid sekolah rendah di negara ini ke arah memeriahkan sambutan tersebut.

Taklimat disampaikan oleh Pengurusan Produk Jabatan Telekom Brunei, Dayang Norfaridah Amani binti Abdullah Darat, yang menerangkan kemudahan-kemudahan yang terdapat di Jabatan Telekom Brunei antaranya perkhidmatan internet, BruNet dan e-speed. Kebanyakan perkhidmatan tersebut digunakan di rumah.

Dalam taklimatnya, beliau menyentuh penyalahgunaan internet serta apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan di internet. Beliau menasihatkan kepada murid-murid supaya meminta kebenaran terlebih dahulu bila menggunakan internet, bagi mengelakkan ibu bapa mereka terkejut apabila menerima bil telefon yang tinggi. Dengan cara itu penggunaan internet melalui saluran telefon dapat dikawal sepenuhnya.

Di samping itu katanya murid-murid yang berminat dalam melayari internet dan e-mail supaya tidak menyalahgunakan dengan mengedarkan perkara yang tidak berfaedah, menceroboh komputer orang lain, mengubah suai program tanpa tuan punya komputer, mencuri informasi daripada sesbuah rangkaian komputer dan menyalahgunakan akaun.

Beliau juga menyatakan faedah penggunaan internet di mana kita boleh mendapatkan maklumat, boleh berhubung dengan kawan atau siapa sahaja sama ada di dalam atau luar negeri, mendapat kenalan baru melalui 'chatting,' membuka fail melalui http atau menyalin daripada internet dan membeli barang melalui 'online shopping.'

Dalam taklimat tersebut, Sekolah Rendah Jigsaw, Sekolah Rendah Dato Othman masing-masing telah menghantar 80 orang murid. Taklimat yang sama akan diadakan bagi sekolah-sekolah rendah yang lain sehingga 13 Jun ini, dengan mengikuti jadual yang telah ditentukan oleh pihak Jabatan Telekom Brunei.



KEBAWAH
Paduka Seri
Hassanal
Waddaulah
Pertuan Negara
salam, Kebawah
Mulia Paduka
Isteri dan
Saleha, Duli
Pengiran Isteri
ketika berkenan
rusi Jawatankuasa
Kebangsaan
Rakyat.
Terutama
Madam Zhu
Iman (kiri)
kanan, bagaimana
rima mengingat
utama dasar
Berangkat
majlis itu
diraja yang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima cenderamata daripada Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng sebelum Majlis Santap Malam berlangsung.

LAWATAN RASMI TYT TUAN LI PEN

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Mei - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berkenan meraikan Pengurus Jawatankuasa Tetap Kongres Kebangsaan Rakyat, Republik

Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng dan Madam Zhu Lin dan rombongan dengan Majlis Santap Malam.

Sejurus ketibaan TYT Tuan Li Peng dan Madam Zhu Lin di Istana Nurul Iman dialukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri bersama TYT Tuan Li Peng dan Madam Zhu Lin beredar ke Dewan Persantapan.

Setelah mengalu-alukan ketibaan TYT dan isteri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri bersama TYT Tuan Li Peng dan Madam Zhu Lin beredar ke Balai Penghadapan bagi Majlis Mengadap sebelum Majlis Santap Malam.

Di majlis itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan menerima cenderamata daripada TYT Tuan Li Peng dan majlis ini berjalan dengan penuh kemesraan di antara kedua-dua belah pihak.

Berangkat ke majlis tersebut Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.

Berangkat sama termasuklah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan kerabat-kerabat diraja yang lain.

Dari Majlis Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri bersama TYT Tuan Li Peng dan Madam Zhu Lin beredar ke Dewan Persantapan.

Doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

TYT Tuan Li Peng dan Madam Zhu Lin bersama 120 ahli rombongan berada di negara ini bagi lawatan rasmi tiga hari. Juga termasuk dalam rombongan ialah 10 orang menteri dan timbalan menteri kabinet Republik Rakyat China.

Lawatan rasmi TYT Tuan Li Peng dan Madam Zhu Lin adalah bermempena 10 tahun hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China yang dimeterai pada September 1991.

Sejak termeterai perjanjian tersebut, kedua-dua buah negara telah sering mengadakan pertukaran lawatan, baik di peringkat ketua negara dan peringkat menteri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri telah tiga kali melawat ke China. Keberangkatan pertama ialah pada

tahun 1993 dalam lawatan negara, pada 1999 sebagai lawatan kerja dan pertengahan bulan ini, bagi menghadiri Mesyuarat Pembukaan Rasmi Peringkat Tertinggi bagi membincangkan inisiatif Pembangunan Kapasiti Manusia (HCB) dalam APEC di Beijing, China.

Di samping itu pelancong-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berbual mesra bersama Madam Zhu Lin sebelum Majlis Santap Malam berlangsung.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain di Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman (kiri).

Liputan Abdullah AS
dan Abu Bakar HA
Gambar-gambar oleh
Harun HR, Ramli Ten
Haji Masmaleh HM
Pengiran Rafee PDPH
Masri Osman

pelancong dari Republik Rakyat China khususnya mereka yang datang dari Kepulauan Hong Kong juga sering menjadikan negara ini sebagai destinasi pelancongan mereka.

Sementara itu pada hari yang sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah telah berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Pengurus Jawatankuasa Tetap Kebangsaan Kongres Rakyat, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng dan Madam Zhu Lin.

Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng dan Madam Zhu Lin adalah bermempena 10 tahun hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China yang dimeterai pada September 1991.

Sejak termeterai perjanjian tersebut, kedua-dua buah negara telah sering mengadakan pertukaran lawatan, baik di peringkat ketua negara dan peringkat menteri.

Kebawah Duli Yang Maha

Memerlukan
an kehormatan
oleh Penyelidikan
Bersenjata.

Sebelas
panjang te
Terutama
kepada me
net, timba
teri, Pen
Bersenjata
Pesuruhjaya
Brunei se
wakilan
sahabat c
kanan ker
Manaka
Teramat
Teramat
bahkenal
rombongan
Rakyat C
Agung.
Kongres R
Republik F

Tuan Y
Li Peng b
bagi lawa
hari.

Antara
termasukla
untuk mer
majlis Ke
Maha Mu
Baginda S
Bolkiah M
lah, Sultan
tuan Negar
salam, Ke
Maha Mu
Baginda R
Anak Haj
Yang Terar
Isteri Haj
berlangsung
Iman.

TAHUN 46 BILANGAN 22

RABU 30 MEI, 2001

رابو 7 ربیع الاول 1422

PERCUMA

SETIAP 12 Rabiulawal menurut takwim Islam (Hijrah), umat Islam akan menyambut dan merayakan Hari Keputeraan junjungan besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Rasul pilihan dan Nabi yang terakhir diutus oleh Allah Subhanahu Wataala untuk memimpin manusia ke jalan yang benar dan diredai-Nya, pembawa rahmat untuk alam semesta. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Anbiyaa' ayat 107 yang tafsirannya:

"Dan tidaklah Kami menuguskan kamu, melainkan untuk menjadi rahmat kepada sekalian alam."

RIWAYAT HIDUP

Rasulullah diputerakkan pada Tahun Gajah bersamaan 571 Masihi. Bapanya bernama Abdullah bin Abdul Mutalib dan ibunya Siti Aminah binti Wahab, kedua-duanya adalah keturunan golongan bangsawan dan terhormat di kalangan kabilah-kabilah Arab.

Abdullah wafat ketika Rasulullah masih dalam kandungan ibunya dan Siti Aminah pula ketika Rasulullah berumur enam tahun. Rasulullah diasuh oleh datuknya, Abdul Mutalib dengan penuh kecintaan, hanya selama dua tahun kerana selepas itu datuknya pula meninggal dunia. Melalui wasiat datuknya, Rasulullah diasuh pula oleh bapa saudaranya Abu Thalib, juga dengan penuh kasih sayang.

GEMBALA KAMBING

Di zaman kanak-kanak, Rasulullah bekerja sebagai penggembala kambing dan di sini terserlah persoalan budi pekerti - pekerjaan tersebut mengasuh dan membentuk jiwa Baginda supaya tabah menghadapi kesusaahan dan kerumitan. Inilah titik permulaan melatih Baginda untuk menjadi pemimpin dan berkeupayaan menyatupadukan semua manusia yang berbagai-bagai ragam.

Apabila meningkat remaja, Baginda ditawarkan oleh Sayidatina Khadijah untuk menguruskan perniagaannya. Baginda telah berkhidmat dengan jujur dan amanah dalam semua aspek sehingga sedikit pun tidak menimbulkan kerugian dan rasa tidak percaya Sayidatina Khadijah terhadap Baginda. Sifat inilah juga antara lain yang membawa Baginda mendapat gelaran 'Al-Amin'.

Masyarakat Islam hari ini seharusnya mengambil teladan tersebut untuk diamalkan dalam bidang perniagaan dan perdagangan, agar gejala-gejala buruk seperti pecah amanah, penipuan, rasuah serta menggelapkan wang masyarakat tidak akan berlaku.

Sebelum dilantik menjadi Rasul Allah, Baginda telah menyerasikan keperibadian yang

RASULULLAH INSAN TELADAN SE PANJANG ZAMAN

OLEH YATI HS

UTUSAN ALLAH

Setelah dilantik menjadi Rasul, Baginda mengharungi pelbagai fenomena yang berlaku, yang terpaksa dihadapi melalui prinsip dan pegangan hidup serta peribadi yang luhur dan mulia semata-mata untuk membawa manusia kepada kecerlangan dalam semua bidang dan zaman.

Keperibadian Baginda melalui kesabaran yang amat tinggi terserlah apabila Baginda mula menyebarkan Islam (tidak lagi secara bersembunyi). Hampir kesemua masyarakat Arab menentang Baginda, yang mencengkam jiwa dengan ejekan

dan cercaan termasuk tindakan fizikal telah dilakukan oleh Kaum Quraisy. Baginda tetap sabar dan tabah meneruskan perjuangan menyebarkan syiar Islam yang sehingga hari ini tetap bersinar di seluruh pelosok dunia.

Falsafah jihad yang tertanam dalam jiwa Baginda dan juga pengikut-pengikutnya, ternyata telah membawa kemenangan hampir semua pergerangan yang tercesset dengan musuh-musuh Islam. Baginda bijak menyusun strategi bala tentera, tabah dan cekal dalam menghadapi musuh dan yang lebih penting, Baginda bekerja dalam satu pasukan dan menerima cadangan yang baik dan bernes di kalangan para sahabat. Contohnya ketika Peperangan Khandak, Baginda telah

mempersetujui cadangan Salman Al-Farisi untuk membina parit sebagai kubu serta taktik untuk menewaskan musuh.

PERUBAHAN

Risalah (agama Islam) yang dibawa Baginda telah mengubah aspek kehidupan bangsa menuju kemenangan dan kejayaan yang besar dan menakjubkan dalam sejarah dunia.

Baginda telah berjaya membangkitkan dan membebaskan mereka daripada lembah kebodohan dan kejahilan.

Bangsa Arab Jahiliyah menyembah patung dan batu berhala dan tenggelam dalam kemusyrikan, berpecah belah serta saling bermusuhan. Islam telah berjaya mengatur kehidupan mereka menjadi lebih sempurna dalam hubungan antara individu, kaum dan masyarakat dan yang paling penting, akidah mereka telah diperbaiki menyembah hanya kepada Yang Esa. Dengan yang demikian, bangsa Arab telah mencapai kebudayaan dan peradaban yang tinggi dan maju.

Pengaruh Islam yang ketara terhadap mentaliti bangsa Arab ialah timbulnya kesedaran mengenai pentingnya disiplin dan ketaatan demi melahirkan masyarakat yang teratur dan tertib. Islam telah mengharamkan pertumpahan darah dan menuntut bala mestilah diserahkan kepada pihak yang berkuasa. Islam berjaya mengatur dasar-dasar umum hubungan antara individu dengan individu yang lain, individu dengan masyarakat, antara masyarakat dengan kelompok yang lain, hukum keluarga sehingga kepada soal bernegara.

Kalau di zaman jahiliyah, kaum wanita dipandang hina dan anak perempuan ditahan hidup-hidup kerana dianggap sebagai suatu keibaikan, risalah yang dibawa oleh Rasulullah telah mengangkat derajat kaum

wanita ke tempat yang selayaknya, dan mewajibkan supaya tiap-tiap orang Islam sama ada lelaki atau perempuan diberi didikan, pelajaran, hal untuk memiliki dan menerima harta pusaka mengikut bahagian yang telah ditetapkan mengikut Hukum Faraid.

Satu lagi perubahan yang dapat dilihat di kalangan kabilah-kabilah Arab setelah Rasulullah dibangkitkan menjadi Rasul Allah ialah ikatan perpaduan yang kuat di antara mereka. Islam telah berjaya menyatupadukan mereka sehingga menjadi umat yang kuat dan disegani. Semangat mereka berkobar-kobar untuk menebakkan dan meninggikan syiar Islam dan mereka dengan penuh keyakinan dan keimanan, berjuang di jalan Allah untuk mencapai kemenangan menentang musuh. Mereka bersatu di bawah kekuasaan Kerajaan Islam yang pada mulanya berpusat di Madinah.

KESIMPULAN

Keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang mulia, terpuji dan disanjung seharusnya menggamit hati kita masyarakat dan generasi hari ini untuk mencontohinya, seterusnya diserapkan dalam semua aspek kehidupan.

Di bawah pimpinan Baginda, masyarakat Arab Jahiliyah telah bertukar corak - daripada kejahilan dan kemungkaran kepada taat setia terhadap ajaran-ajaran yang dibawa dan ditunjukkan oleh Baginda sendiri, seterusnya yang disampaikan oleh para khalifah setelah Baginda wafat. Islam telah tersebar luas dan terkenal di sekitar Tanah Arab, berkembang hingga ke hari ini ke serata benua dan penjuru alam berlandaskan Tauhid dan syariat yang benar.

SELAWAT DAN SALAM
KE ATAS RASUL
JUNJUNGAN



MERAIKAN hari-hari kebesaran Islam memang menjadi tradisi yang diamalkan di negara ini. Sambutan dan Perhimpunan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam misalnya, diadakan setiap tahun di semua daerah di negara ini dengan berarak sambil melaungkan selawat ke atas Rasul Junjungan.

Hubungan di bidang ketenteraan dipertingkatkan

BERAKAS, 16 Mei. - Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Putera Andrew, The Duke of York ke negara ini mengukuhkan lagi hubungan dua hala yang sedia ada antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom.

Dalam rangka keberangkatan ke negara ini, selain meningkatkan kerjasama di bidang perdagangan dan pelaburan, Duli Yang Teramat Mulia juga berusaha mempertingkatkan hubungan di bidang ketenteraan.

Ini jelas terbukti dengan adanya keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke Kementerian Pertahanan. Semasa berada di negara ini, The Duke of York telah mengadakan pertemuan de-

Oleh Siti Muslihat HS

ngan Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejai Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith.

Terdahulu dari itu, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung untuk memeriksa kawalan kehormatan penuh daripada seramai 107 anggota Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei di bawah perintah Mejai Osman bin Haji Suhaili.

Antara atur cara yang disusun sempena keberangkatan ke Kementerian Pertahanan itu ialah Sesi Taklimat Struktur dan Organisasi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



DULI Yang Teramat Mulia Putera Andrew, The Duke of York ketika mengadakan pertemuan dengan Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejai Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith di Kementerian Pertahanan. - Gambar oleh Amat HM.



KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam, Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin menyampaikan hadiah kepada Rekrut 532 Nurrashid bin Mahari, Terbaik Dalam Semua Jurusan di Upacara Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Lelaki Pengambilan 2/2000 Jabatan Penjara. - Gambar oleh Amat HM.

Bekerja secara berpasukan menghasilkan kualiti kerja yang baik

JERUDONG, 18 Mei. - Kemajuan sesebuah negara terletak kepada pembentukan kualiti sumber manusianya iaitu para pekerja yang baik dalam perkhidmatan awam maupun di sektor swasta.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin berkata jika kualiti sumber manusia tidak dibentuk melalui Rukun Akhlak dan Etika Kerja yang murni, adalah sukar bagi sesebuah negara itu untuk maju dan terus ke hadapan dan disegani.

"Selain dari itu, adalah perlu mengamalkan dan menghayati Rukun Akhlak dan Etika Kerja serta amalan pengurusan menurut ajaran agama Islam seperti mana yang telah digariskan dalam buku Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam," tegas Dato Paduka.

Berucap di Upacara Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Lelaki Pengambilan 2/2000 yang berlangsung di Padang Kawad Jabatan Penjara di sini, Dato Paduka menegaskan dalam sama-sama memainkan peranan dan membantu pihak kerajaan, masyarakat pada umumnya perlu mengambil tahu dan sama-sama berganding bahu memeduli orang-orang yang memerlukan bimbingan.

"Oleh yang demikian, bekerja secara berpasukan adalah perlu bagi melahirkan suasana kerja harmoni, aman dan mengeratkan hubungan silaturahim. Suasana seperti ini akan pasti meningkatkan hasil dan kualiti kerja yang baik."

Kerja yang berat menjadi ringan, dapat disempurnakan dengan lebih cepat, tepat dan



DATO Paduka Awang Haji Zainal ketika memeriksa perbarisan rekrut lelaki Jabatan Penjara yang menamatkan latihan. Majlis berlangsung di Padang Kawad Jabatan Penjara, Jerudong. - Gambar oleh Amat HM.

Oleh
Siti Muslihat HS

Paduka selaku tetamu kehormat menerima tabik hormat dan memeriksa kawalan Perbarisan.

Upacara tamat latihan tersebut juga diteruskan penyampaian hadiah-hadiah kepada empat orang rekrut terbaik dalam pengambilan itu. Mereka ialah Rekrut 523 Nurrashid bin Mahari, Terbaik Dalam Semua Jurusan; Rekrut 530 Saiful bin Sapry, Terbaik Dalam Kawad dan Latihan Jasmani; Rekrut 526 Cassidy anak Wahid, Terbaik Dalam Undang-undang dan Aturan-aturan Penjara dan Rekrut 527 Awang Hamzah bin Haji Musa, Terbaik Dalam Menembak Senjata Pistol.



REKRUT 526 Cassidy anak Wahid dari Kampong Lepong Larra, Temburong ketika menerima Hadiah Terbaik Dalam Undang-undang dan Aturan-aturan Penjara daripada Dato Paduka Awang Haji Zainal. - Gambar oleh HM.

Ahli tentera berpengetahuan, mampu pertahankan agama dikehendaki

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala dengan bersungguh-sungguh serta mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala apa jua larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh rahmat dan keredaan-Nya juga.

Keamanan negara, kesentosaan dan kestabilan hidup rakyat adalah merupakan harapan dan cita-cita yang ingin dicapai oleh setiap negara, baik ianya sebuah negara kecil atau besar, negara Islam ataupun tidak.

Negara Brunei Darussalam tidaklah terkecuali dalam soal ini, bahkan sebagai sebuah negara yang menjunjung tinggi agama Islam sebagai agama rasmi negara, memandang peri mustahaknya mewujudkan pasukan bersenjata yang kuat, bukan saja dari segi peralatan yang serba canggih dan moden, ketahanan fizikal yang kuat dan minda yang waras serta sihat anggota tubuh badannya. Malahan yang tidak kurang pentingnya ialah dari sudut spiritual atau kekuatan rohani, kekuatan iman yang kental dan mantap yang tidak mudah digugat atau diracuni oleh anasir atau pengaruh-pengaruh anti Islam kerana sumber kekuatan hakiki tentera Islam itu bukanlah terletak dari segi keramaian tentera atau kecanggihan peralatan perangnya, tetapi bersumber dari kekuatan iman, berjuang kerana Allah semata-mata dan ketaatan kepada ketua, sebagaimana yang pernah terjadi dalam sejarah awal perkembangan agama Islam iaitu ketika Peperangan Badar, yang mana jumlah tentera Islam dan peralatan perang ketika itu sangatlah sedikit, tetapi mampu mengalahkan tentera kafir Quraisy yang besar jumlahnya dan banyak peralatan perangnya. Ini sudah pasti dengan adanya kekuatan iman, niat yang suci, berjuang kerana Allah semata-mata, maka tentera Islam insya-Allah akan mendapat pertolongan ghaib dari Allah Subhanahu Wataala. Maka inilah contoh atau formula yang perlu dicalakkkan ke dalam diri anggota angkatan bersenjata negara kita, iaitu Negara Brunei Darussalam bagi menjaga dan memastikan keamanan negara, kesentosaan dan kestabilan hidup rakyatnya dapat dicapai dengan jayanya.

Islam memandang kemaslahatan mewujudkan pasukan bersenjata ini bukanlah untuk melakukan pencerobohan atau penganiayaan kepada sesiapa, tetapi Islam mengajar supaya senjata digunakan bagi mempertahankan diri dan negara dari segala macam ancaman dan pengkhianatan yang boleh menggugat keamanan, kesentosaan dan kestabilan sesebuah negara.

Sebagaimana menurut sejarah, bawanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan orang-orang Islam lainnya berhijrah dan tinggal di Madinah, sedang musuh-musuh Islam terus-menerus berusaha dengan sekuat-kuatnya menghapuskan agama Islam serta menghancurkan pemeluk-pemeluknya, maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pun mendapat izin daripada Allah Subhanahu Wataala untuk mengangkat senjata demi mempertahankan kebenaran dan kesucian agama Islam, sebagaimana yang dijelaskan dalam Al-Quran dalam Surah Al-Hajj ayat 39 yang tafsirannya:

"Dizinkan berperang bagi orang-orang Islam yang diperangi oleh golongan penceroboh kerana sesungguhnya mereka telah di-



Suara
dari
mimbar

aniaya dan sesungguhnya Allah Amat Berkusa untuk menolong mereka mencapai kemenangan."

31 Mei merupakan hari bersejarah dan bermakna kepada negara kita, terutama sekali kepada perajurit-perajurit tanah air Negara Brunei Darussalam kerana ianya merupakan hari ulang tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang disambut setiap tahun dengan acara-acaranya yang tersendiri dan tersusun rapi ke arah membuktikan komitmen Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan angkatan tentera atau pertahanan untuk menjaga keamanan, kesentosaan dan kestabilan hidup rakyat.

Di hari tersebut juga kita memperingati bekas perajurit-perajurit negara yang telah mencurahkan bakti dan tenaga ke arah keamanan, kesentosaan dan kestabilan negara yang kembali ke rahmatullah dengan irungan doa semoga roh-roh mereka sentiasa mendapat rahmat dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wataala juga. Tidak lupa kepada yang telah bersara, semoga semangat waja dan keperwiraan dalam menjaga negara yang pernah ditupukan ke dalam diri mereka semasa bertugas dahulu akan terus berkobar dan sentiasa menyala untuk menerangi bumi Brunei Darussalam yang tercinta.

31 MEI merupakan hari bersejarah dan bermakna kepada negara kita, terutama sekali kepada perajurit-perajurit tanah air Negara Brunei Darussalam kerana ianya merupakan hari ulang tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang disambut setiap tahun dengan acara-acaranya yang tersendiri dan tersusun rapi ke arah membuktikan komitmen Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan angkatan tentera atau pertahanan untuk menjaga keamanan, kesentosaan dan kestabilan hidup rakyat.

Bagi perajurit-perajurit ketika ini, yang telah terpilih dan ditakdirkan menjadi penyambung generasi tentera yang telah bersara dan kembali ke rahmatullah, seharusnya menyematkan semangat kental ke dalam diri masing-masing untuk berkhidmat dan mencurahkan bakti dengan penuh kejujuran demi bangsa, negara dan agama, di samping sentiasa membetulkan niat, menambahkan kecekapan dan kebijaksanaan dalam segala bidang yang diperlukan termasuk bidang agama.

Dengan adanya niat suci, bekerja dengan jujur dan tidak menyalahi ajaran-ajaran agama Islam ini, maka sudah pasti perkhidmatan tersebut akan mendapat lindungan, keredaan, pertolongan dan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wataala serta mempertahankan negara, bangsa dan tanah air yang tercinta. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ash-Shaff ayat 10 - 11 yang tafsirannya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya serta kamu berjuang membela dan menebakkan agama Allah dan harta benda dan diri kamu, yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui hakikat yang sebenarnya."

Menurut pandangan Islam, pejuang-pejuang yang terkorban di jalan Allah dan kerana Allah, tidaklah disifatkan sebagai telah mati, bahkan mereka itu tetap hidup di bawah lindungan Allah, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 169 yang tafsirannya:

"Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terburuh (yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati, mereka tidak mati bahkan mereka adalah hidup secara istimewa di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki."

Dari ayat di atas, kita lihat bahawa pejuang-pejuang Islam itu sangat beruntung, bukan hanya di dunia malahan di akhirat, kerana bukan sahaja mendapat ganjaran dari pekerjaan yang dilakukan dalam tentera, akan tetapi mendapat ganjaran yang sangat besar dari sisi Allah Subhanahu Wataala sekiranya ianya terkorban atau gugur semasa dalam menjalankan tugasnya itu.

Sebab itulah, Islam menghendaki setiap ahli tentera harus sedar dan sentiasa menyiapkan diri dengan keperluan-keperluan sebagai seorang tentera, sama ada dari segi pengetahuan, rohani dan jasmani.

Jelaslah Islam mengajar pemeluk-pemeluknya supaya berjuang untuk mempertahankan dan menegakkan agama. Mempertahankan dan menegakkan agama itu sendiri bermakna mempertahankan pemeluk-pemeluknya yang bernaung di bawah negara tempat ber-teduh. Di sinilah maknanya mempertahankan tanah air dan bangsa itu bererti mempertahankan agama.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah At-Taubah ayat 88 yang tafsirannya:

"Mereka tetap tinggal tetapi Rasullullah dan orang-orang yang beriman bersertanya, berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka, dan mereka itulah orang-orang yang mendapat kebaikan dan mereka itulah juga yang berjaya."

وقت سمبليغ، امسال، شوروقي دات ضحي

وقت ٢ سمبليغ، امسال، شوروقي دات ضحي باكي دائرة بروني دائرة موارا هولاي داري هاري رابو،
7 ربيع الأول 1422 برسنات 30 مي 2001 هيلوك كهاري ثلات، 13 ربيع الأول 1422 برسنات 5 جوت 2001 ادارنه سرفت دبادوه اين:-

| مسري | ضحي | شوروقي | صح | امسال | عن | مغرب | عصر | ظهر | هرجه |
|-------|------|--------|------|-------|------|------|------|-------|------|
| 30 | 6.30 | 6.05 | 4.43 | 4.33 | 7.44 | 6.29 | 3.43 | 12.19 | 7 |
| 31 | 6.30 | 6.05 | 4.43 | 4.33 | 7.44 | 6.29 | 3.44 | 12.19 | 8 |
| 1 جون | 6.31 | 6.06 | 4.43 | 4.33 | 7.45 | 6.30 | 3.44 | 12.19 | 9 |
| 2 | 6.31 | 6.06 | 4.43 | 4.33 | 7.45 | 6.30 | 3.44 | 12.19 | 10 |
| 3 | 6.31 | 6.06 | 4.43 | 4.33 | 7.45 | 6.30 | 3.45 | 12.19 | 11 |
| 4 | 6.31 | 6.06 | 4.43 | 4.33 | 7.45 | 6.30 | 3.45 | 12.20 | 12 |
| 5 | 6.31 | 6.06 | 4.43 | 4.33 | 7.46 | 6.31 | 3.45 | 12.20 | 13 |

وقت ٢ سمبليغ باكي دائرة توتوخ نقبه سالو مينيت دائرة دائرة تاكرا بروني دائرة مسال

دمولاي دري فوك تهارى 12.45

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulullah,
Wa'alaa Alaihi Wasabihie Waman Walah.

ISTIDRAJ

ISTIDRAJ menurut Syeikh Abdullah Ali Abdullah bahawa istidraj itu adalah pemberian kepada orang-orang zalm (aniaya) berupa perkara-perkara yang istimewa yang luar biasa sehingga manakala mereka memperolehinya, akan bertambah-tambah pula tamak dan zalm mereka itu. Firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, nanti Kami akan tarik mereka dengan cara yang beransur-ansur (ke arah kebinasaan), secara yang mereka tidak ketahui." (Surah Al-Araf: 182)

Firman-Nya lagi yang tafsirnya:

"Allah akan membalaok-lok mereka dan membiarkan mereka terimbang-imbang dalam kesesatan." (Surah Al-Baqarah: 15)


Apabila jiwa seseorang hamba terlampaui cenderung kepada dunia dan kemudian segala hajatnya diperkenankan oleh Allah, maka tidak boleh tidak akan datanglah lazat atau syok. Apabila datang lazat atau syok nescaya akan bertambah-tambah lahir usaha-usaha yang semakin kuat ke arah mencapai tujuan-tujuan keduniawiandi. Ini akan membawa orang itu sedikit demi sedikit bertambah jauh dari Allah. Itulah dia istidraj.

Oleh yang demikian istidraj itu merupakan umpan untuk mengeluarkan seseorang daripada garis lurus kebenaran dengan tiada disedari. Dipertutur apa-apa yang dia mahu dan dibukakan segala pintu sehinggalah dia lupa diri, yang akhirnya membawa jauh sesat dari mendatangkan azab. Hal ini disebutkan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sabda Baginda yang maksudnya:

"Jika engkau lihat Allah memberikan sebahagian keduniawan kepada hamba-Nya, apa sahaja yang diingininya untuk menderhakai Allah, maka pemberian yang demikian itu adalah istidraj." (Hadis riwayat Ahmad)

CONTOH KERAMAT WALI ALLAH

Allah Subhanahu Wataala telah mengurnikan keramat kepada hamba-hamba-Nya yang bertaraf wali. Di antara contoh-contoh keramat yang dijelaskan di dalam



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunei.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunei.bn
Fatwa@brunei.bn

Al-Quran ialah kisah Maryam. Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya:

"Setiap kali Nabi Zakaria masuk untuk menemui Maryam di Mihrab, dia dapat rezeki (buah-buahan yang luar biasa) di sisinya. Nabi Zakaria bersanya: 'Wahai Maryam, dari mana engku dapat (buah-buahan) ini?' Maryam menjawab: 'Ia daripada Allah, sesungguhnya Allah memberikan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan tidak terkira.' (Surah Ali Imran: 37)

Begitu juga tentang kisah Ashhab Al-Kahfi di mana mereka telah berlindung di dalam sebuah gua dan mereka memohon rahmat serta petunjuk Allah Subhanahu Wataala, iaitu mereka ditidurkan selama tiga ratus sembilan tahun qamariah.

Demikian juga berita-berita mengenai peristiwa luar biasa yang berlaku ke atas beberapa orang sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, seperti Sayidina 'Umar Radiallahuunhu semasa beliau di atas mimbar di

DAKWAAN MENJADI SEORANG WALI ALLAH

Bilangan 121 Bahagian Akhir

berikan penghayatan sepenuhnya dalam mengikut perjalanan hidup Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersama yang maksudnya:

DAKWAAN SESEORANG MENJADI WALI

Dalam dunia sekarang seperti mana yang telah kita dengar ada juga orang perseorangan yang berani mengaku dirinya sebagai wali. Sudah tentu dakwaan ini bertentangan dengan ciri-ciri kewalian yang sebenar. Dalam makna yang lain seorang yang benar-benar wali tidak akan mendakwa ianya sebagai wali.

Mengenai dengan dakwaan menjadi wali ini Abu Said Al-Khadami Rahimahullah, memberikan pendapat bahawa ilmu, amal, pendirian yang teguh dan taqwa adalah lebih utama dan penting daripada keramat. Kerana ilmu, amal, pendirian yang teguh dan takwa itu adalah disuruh melakukannya dan ianya boleh menambah taqarrub kepada Allah di samping sebagai jalan untuk diterima Allah. Ketidaa keempat-empat perkara ini boleh menjadikan seseorang itu jauh dan tersingkir daripada rahmat Allah.

Menzahirkan keramat bukanlah perkara yang disuruh dan meninggalkannya pula bukan suatu yang diharapkan, bahkan meninggalkan atau menyembunyikan keramat itu adalah lebih utama dan lebih baik berbanding daripada memperlihatkannya.

Contoh yang lain pula ialah kisah Khalid bin Al-Walid Radiallahuunhu bagaimana beliau telah meminum racun tanpa berlaku sebarang mudarat ke atas dirinya.

Untuk mengenali seorang wali Allah itu bukanlah setakat melihat kepada kelebihan-kelebihan seperti di atas atau keistimewaan yang luar biasa. Namun perlu dilitili kepada aspek-aspek yang lain seperti:

1. Sentiasa dalam mengerjakan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wataala.

2. Menjauhi segala maksiat.

3. Keramatnya lahir tanpa diikuti dengan dakwaan bahawa dia seorang wali.

4. Beriktikad dengan ikhtikad yang betul.

5. Beramal salah serta mem-

nya kepada sesuatu yang rendah nilainya dengan memperlihat atau menzahirkan keramat itu.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Umamah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersama yang maksudnya:

"Sesungguhnya sesenang-senang wali-Ku disisi-Ku adalah orang mukmin yang sedikit harta benda, mempunyai nasib yang baik pada menyempurnakan sembahyang, dia mengelokkan ibadat kepada Tuhanya, dia taatkan Allah secara tertutup (bersembunyi) dan dia tiada dikenal oleh orang, tiada orang mengambil tahu halnya, rezekinya mencukupi (tidak kurang dan tidak lebih) maka dia bersabar dalam keadaan itu. Kemudian baginda memberi isyarat, lalu bersabda: "Disegerakan kematiannya, sedikit orang yang menangisinya, sedikit harta peninggalannya." (Hadis riwayat Tirmidzi)

Menurut Abu Yazid Rahimahullah katanya: "Jikalau kamu melihat atau mengetahui seseorang diberikan keramat seperti terbang di udara, menghidupkan orang mati dan menyingsingkan perjalanan yang jauh, sehinggakan dia boleh duduk bersila di udara, maka janganlah kamu terputus dengannya, jangan kamu ikutikadkan kewaliannya dan dekatnya kepada Allah, kerana perkara itu boleh jadi istidraj daripada Allah, sehingga kamu dapat mengenalinya bagaimana dia melaksanakan suruhan, larangan dan memelihara hukum-hukum Allah dan bagaimana dia mengamalkan syariat."

Oleh yang demikian, janganlah kita mudah terpengaruh dengan kata-kata seseorang mengenai dakwaan kewaliannya kerana melihat kekebatan atau lain-lain "keajaiban" yang mereka miliki, apatah lagi jika kata-kata atau perbuatan mereka itu boleh memengangkan akidah walaupun ianya

suatu perkara yang menakjubkan. Perkara yang menakjubkan itu seperti perkara yang dianggapnya sebagai keramat itu, boleh jadi ianya perkara istidraj daripada Allah Subhanahu Wataala.

Apa yang disebutkan di atas ini tidaklah pula bercanggah jika adanya tanda-tanda kewalian bagi seseorang itu. Di antara tandanya kewalian itu ialah dalam perbuatan zahir dia patuh tunduk kepada syariat, manakala dalam perbuatan batin dia tenggelam dilubuk hakikat ketuhanan bersama Allah Subhanahu Wataala.

Ada kalanya Allah Subhanahu Wataala memberikan pelbagai keramat kepada setengah orang zahid bagi mententeramkan jiwa mereka dan untuk memperteguh keyakinan hati mereka di samping ada kalanya keramat itu tidak diberikan kepada orang yang lebih tinggi martabatnya daripada mereka, kerana mereka ini tidak memerlukannya disebabkan keyakinan mereka sudah teguh dan ketenteraman jiwa mereka sudah mantap.

RALAT

IRSYAD HUKUM keluaran PELITA BRUNEI pada 23 Mei, 2001 di paru dua baris 9, hendaklah dibaca 'seperti kebal atau'; para empat baris pertama hendaklah dibaca 'Adalah keramat'; baris 5 dan 6 hendaklah dibaca 'dimakan wali-wali Allah'. Semenjak para lima baris pertama hendaklah dibaca 'Wali Allah ialah orang yang beriman dan bertakwa.' Dan baris 16 hendaklah dibaca 'memberikan kemuliaan dan hidayah. Wali Allah adalah sentiasa berdaulampung dengan menjalankan hak-hak kebaiban kepada Allah dan menyuruh orang lain kepada Allah.' - Penyunting.

Memperingati Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam



sendiri, seperti yang didakwa oleh golongan yang anti hadis. Sebagaimana yang beriman dan berakidah jangkarlah mudah terpedaya dengan golongan tersebut. Di dalam Al-Quran amat jelas menerangkan kita agar mengikut dan mengambil ajaran yang diperintahkan oleh Rasulullah dan meninggalkan segala tegahan-Nya. Firman Allah Subhanahu Wataala di dalam Surah Al-Ahzab ayat 36 yang bermaksud:-

"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara, (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata."

Berdasarkan ayat tersebut memberi pengajaran kepada kita bahwasannya setiap apa yang diputuskan oleh Allah dan Rasul-Nya sama ada melalui Al-Quran dan juga hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, hendaklah diikuti dan dilaksanakan dalam kehidupan,

kesediaan melaksanakan hanya akan mendapat laluan mudah kepada orang yang benar-benar beriman dan memiliki akidah Islamiyah yang tulen.

Sebagai umat Islam yang beriman, marilah kita sentiasa memperteguh dan bersedia mempertahankan akidah dan keyakinan kita yang sangat mahal harganya melalui penghayatan ilmu dan amal serta menyuburkan sikap taat dan patuh, tidak berdolak-dalik dalam menghayati ajaran yang dibawa oleh Baginda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Di samping itu juga menunjukkan bahwa yang sebenarnya kita sentiasa menilai atau muhasabah diri kita masing-masing apakah selama ini kita benar-benar memberi ketaatan yang mutlak terhadap Allah? Allah memerintahkan kita menunaikan salat lima waktu lalu kita patuh dan taat terhadap perintah tersebut dan dilakukan dengan penuh cermat mengikut sunnah. Rasulullah bermula mengambil wuduk hingga selepas salat, semuanya mengikut contoh yang ditunjukkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Demikian juga Allah memerintahkan kita untuk melaksanakan Puasa Ramadan, Zakat dan Haji, dikira tidak sah ibadat tersebut sekiranya kita tidak mengikut dan membelakangkan kaifiat atau cara seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam malah dilarang mencipta-cipta dan mengada-adakan urusan yang berkaitan dengan agama.

Bersempena kita menyambut Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini, marilah kita sentiasa berusaha memperteguhkan kefahaman, kesedaran dan keinsafan kita seterusnya bersedia menghayati ajaran Islam secara menyeluruh di dalam seluruh kehidupan kita seperti mana yang dikehendaki oleh Allah dan Rasul-Nya. Mudah-mudahan dengan demikian kita akan memperolehi keselamatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Oleh Kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan utusan Allah maka tidak ada perkataan, perbuatan dan pengakuan Baginda yang berhubung dengan akidah, ibadat dan juga akhlak, semuanya bersumberkan daripada Allah Subhanahu Wataala. Segala ajaran yang dibawa oleh Baginda itu bukanlah hasil daripada pemikiran Baginda

Projek Dakwah Bi-Hal meningkatkan taraf kehidupan saudara baru

TEMBURONG, 13 Mei. - Pusat Da'wah Islamiah melalui Jawatankuasa Kebajikan dan Bantuan Saudara Baru telah dan akan meneruskan melaksanakan Projek Dakwah Bi-Hal yang antara lain membina rumah bantuan bagi saudara-saudara baru bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyerahan Anak Kunci Rumah Bantuan Pusat Da'wah Islamiah di Daerah Temburong telah berlangsung di salah sebuah rumah kediaman penerima bantuan itu di Kampong Sibut di sini.

Anak kunci rumah bantuan tersebut telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimulikan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim menyampaikan anak kunci rumah bantuan kepada Awang Abdul Azim bin Mohd. Wan Abdullah.

Para penerima terdiri dari-

da Awang Mohammad Azim Azizahan bin Abdullah Jingga

Oleh
Aliddin HM

dan Allahyarham Dayang Siti

Hawa binti Abdullah pula telah diterima oleh anaknya Awang Abdul Azim bin Mohd. Wan Abdullah.

Majlis pada hari itu diselanjutkan dengan meraih sekeluarga empat saudara baru yang memeluk agama Islam berlangsung di hadapan para pegawai Pusat Da'wah Islamiah.

Rumah bantuan Pusat Da'wah Islamiah yang berharga lebih \$40,000.00 itu mempunyai dua buah bilik tidur, ruang tamu, dapur dan tandas diberikan kepada saudara-saudara baru mengikut penilaian yang teliti oleh satu Jawatankuasa Kebajikan dan Bantuan Saudara Baru.

Pusat Da'wah Islamiah telah membina lapan buah rumah untuk diserahkan kepada saudara baru yang layak menerima iaitu dua di Daerah Temburong dan selebihnya di daerah-daerah lain di negara ini dan majlis penyerahannya, insya-Allah akan diserahkan dalam tahun ini juga.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimulikan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim menyampaikan anak kunci rumah bantuan kepada Awang Abdul Azim bin Mohd. Wan Abdullah, anak kepada Allahyarham Dayang Siti Hawa binti Abdullah (atas). - Gambar oleh Abdullah HAD.

KADI Besar Negara Brunei Darussalam, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim memberi bunga rampai kepada saudara Baru yang memeluk agama Islam yang diraikan di Kampong Sibut, Temburong (kiri). - Gambar oleh Abdullah HAD.

Penceramah agama tempatan berpotensi diperbanyak

BUNUT, 14 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Da'wah Islamiah sentiasa berusaha bagi memperbaikkan penceramah-penceramah agama tempatan yang berpotensi dan berwibawa bagi menampung kekurangan penceramah tempatan yang masih belum mencukupi.

Perkara ini telah dinyatakan oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Ustaz Haji Adam bin Haji Ahmad di Majlis Penyampaian Sijil Kursus Cara-cara Berceramah Yang Berkesan bagi imam-imam masjid Daerah Brunei dan Muara

sempena Awal Tahun Hijrah 1422 yang berlangsung di Masjid Kampong Bunut di sini.

Dengan meningkatnya kesedaran beragama di kalangan masyarakat di negara ini juga membawa kepada peningkatan kepada permintaan ceramah agama khususnya bersempena dengan hari-hari kebesaran Islam kian bertambah, maka pihak Pusat Da'wah Islamiah telah mengambil beberapa orang guru agama kontrak untuk ditugaskan menjadi penceramah sepenuh masa di Pusat Da'wah Islamiah.

Oleh Aliddin HM

Beliau menambah, walaupun sudah ramai anak Brunei telah berjaya memperolehi ijazah dalam jurusan keagamaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi di luar negeri, tetapi bidang ini kurang mendapat tempat dan diminati oleh mereka yang berkenaan.

Alhamdulillah, jelasnya perkara ini telah dapat diatasi oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan menubuhkan pasukan penceramah tetap yang terdiri daripada 10 orang penceramah tempatan yang berkebolehan dan berpotensi dan ada di antaranya menjadi kesukaan orang-orang kitani dan sekali gus mengurangkan daripada peranan mereka yang berkenaan.

Beliau menjelaskan, mengikut rekod Pusat Da'wah Islamiah terdapat peningkatan produktiviti penceramah tetap tempatan yang dilihat daripada dua segi. Satu kekerapan berceramah dalam sebulan terus meningkat sehingga 26 kali jika dibandingkan sebelumnya hanya lapan hingga 10 kali sahaja.

Dari segi produktiviti penceramah tempatan tambahnya, juga telah meningkat sebanyak 88.25 peratus empat tahun kebelakangan.

Pusat Da'wah Islamiah katanya, memerlukan tenaga penceramah profesional bagi membantu Negara Brunei Darussalam mencapai aspirasi menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna dan meneruskan proses pengislaman sesuai dengan kehendak Perlembagaan yang memartabatkan Islam sebagai agama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu dari itu, ucapan alu-aluan daripada Pengurus Majlis, Awang Haji Abdul Razak bin Haji Md. Tahir, Pegawai Hal Ehwal Masjid, antara lain menjelaskan tujuan kursus ini

diadakan untuk menyahut seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar imam menjadi imam yang mualim. Di samping menambahkan lagi ilmu imam di bidang ceramah, teknik-teknik dan keyakinan diri yang berkebolehan untuk mengisikan kekurangan penceramah tempatan sama ada di televisyen, radio dan di masjid-masjid.

Seterusnya ucapan daripada wakil peserta, Imam Sheikh Haji Edham bin Sheikh Nikman yang antara lain menyarankan kepada pihak pengangur supaya para imam yang mengikuti kursus berceramah ini akan dapat diberikan peluang berceramah secara pertukaran di masjid-masjid (secara exchange) walaupun di luar hari-hari kebesaran Islam dan menjadikan sebagai projek yang berterusan hingga kita berjaya mengejawantahkannya penceramah-penceramah yang berpotensi dan berwibawa.

Kursus dua hari anjuran bersama Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Bunut telah dihadiri oleh 51 orang imam dari Daerah Brunei dan Muara.

Dua orang penceramah telah diundang dalam kursus tersebut iaitu Dr. Ustaz Haji Nik Rahim bin Nik Wajis, Pensyarah dari Universiti Brunei Darussalam mengenai 'Teknik-teknik Penyampaian Yang Berkesan'. Ustaz Haji Mail bin Besar, Pegawai Pusat Da'wah Islamiah mengenai 'Ciri-ciri Da'e (Penceramah) Yang Berkualiti'.

Para peserta kursus juga mendengar ceramah yang bertajuk 'Cara Berceramah Yang Berkesan' daripada Awang Haji Duraman bin Tuah, Pegawai Latihan Kanan Institut Perkhidmatan Awam.

Penyampaian sijil-sijil kepada para peserta kursus telah disempurnakan oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Ustaz Haji Adam bin Haji Ahmad.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah dan disudahi dengan bacaan doa selamat.



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Ustaz Haji Adam bin Haji Ahmad ketika menyampaikan sijil kepada seorang imam yang menyertai Kursus Cara-cara Berceramah Yang Berkesan bagi imam-imam masjid Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Masjid Kampong Bunut. - Gambar oleh Aliddin HM.

PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA

Sentiasa ucapkan selawat

MEMPERINGATI sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sudah menjadi satu tradisi di Negara Brunei Darussalam. Ianya merupakan salah satu hari kebesaran dalam bulan Islam bagi negara kita.

Sebagai sebuah negara 'Melayu Islam Beraja', unsur-unsur dan pengaruh agama Islam begitu kuat sekali. Agama Islam merupakan pegangan hidup hampir keseluruhan rakyat negara ini dan ini menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara.

Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diadakan secara besar-besaran dimulai dengan dikir di masjid-masjid utama di negara kita. Ianya diadakan selama beberapa minggu.

Sesi ceramah juga diadakan bagi membangkitkan kesedaran akan perjuangan junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memimpin umat manusia ke jalan yang benar di samping memupuk perasaan kasih dan cinta kepada Baginda sebagai manusia terulung dan dikasihi oleh Allah.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan Nabi yang terakhir, penyudah sekalian Nabi. Baginda diputerakkan pada 12 Rabiulawal, Tahun Gajah. Kelahiran Baginda ke alam ini telah membawa sinar harapan yang menerangi ke seluruh alam. Baginda menyebarkan agama Islam, agama yang diakui oleh Allah, agama yang menjadi pegangan hidup kita sekarang.

Nabi Muhammad memberi contoh yang terbaik dalam

mengalankan kehidupan sehari-hari. Setiap nasihat dan peringatan Baginda merupakan 'azimat' yang paling berharga sekali. Selain Al-Quran yang menjadi pegangan hidup, hadis Nabi Muhammad juga dijadikan pedoman.

Perhimpunan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dan perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan bagi Daerah Brunei dan Muara merupakan acara kemuncak dalam Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di negara kita yang juga diadakan serentak di daerah-daerah lain.

Di sinilah kita berpeluang menunjukkan rasa kasih kita kepada junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Perhimpunan dan perarakan ini memerlukan kebersamaan dan kecekalan. Sementara perjuangan dan kasih kepada Rasulullah, insya-Allah

dapat mengatasi semua halangan.

Tujuan kita mengadakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ialah untuk memupuk perasaan kasih dan cinta kepada Baginda di samping menunjukkan perpaduan umat Islam dalam memperingati hari kelahiran Baginda.

Walaupun begitu, sebagai umat Islam, kita tidak semestinya menunggu tibanya Hari Sambutan Maulud Nabi Muhammad barulah kita menunjukkan rasa kasih kita ter-

hadap Baginda. Seboleh-bolehnya sentiasalah kita berselewat kepada Baginda, kerana setiap selawat itu mendapat ganjaran 10 kali ganda daripada Allah dan pada Hari Kiamat nanti akan mendapat syafaat daripada Baginda, insya-Allah.

Hajah Siti Sofiah binti Haji Salleh,
No. 7A, Simpang 40-175,
Lot. 30162, Kampong
Sungai Akar,
Jalan Kebangsaan Lama,
BC 4115.

PENDAPAT yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Tradisi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Di Negara Brunei Darussalam'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

TAJUK-TAJUK PENDAPAT PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Kesihatan dan Keselamatan Makanan Untuk Kesejahteraan Keluarga'. Tarikh tutup 2 Jun, 2001.
2. 'Belia - Aset Pantas Bagi Negara'. Tarikh tutup 9 Jun, 2001
3. 'Penyalahgunaan Dadah - Huraikan Cara-cara Mengatasi dan Menanganinya'. Tarikh tutup 16 Jun, 2001.

Pendapat awda hendaklah ditarap jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Pendapat Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

Ambil iktibar demi perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

TANGGAL 12 Rabiulawal Tahun Gajah adalah tarikh yang bermakna dalam lembaran sejarah Islam. Kelahiran junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam membawa sinar cahaya baru di kegelapan dan kejahilan bangsa Arab pada masa itu khususnya. Nabi Muhammad, yang membesar dengan sifatnya yang terpuji, berjaya menawan hati para masyarakat Arab ketika itu sehingga Baginda digelar 'Al-Amin' iaitu yang dipercayai. Ini kerana Baginda mempunyai akhlak yang tinggi, bercakap benar, sabar dan pembela kebenaran sesuai dengan kehendak Allah Taala yang menghendaki pemimpin umat yang boleh dicontoh dan dapat dipercayai dengan membawa risalah yang amat berat iaitu menyampaikan ajaran Islam yang suci.

DALAM meniti arus kehidupan di zaman moden ini, kita sebagai seorang Muslim sepatutnya menyediakan diri kita dengan senjata yang ampuh dari segi mental dan fizikal berlandaskan harta peninggalan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk umatnya iaitu Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah. Sambutan Maulud Nabi adalah salah satu tazkirah dalam memperingati junjungan kita yang tercinta di samping merenung kembali sejarah permulaan Islam dan perjuangan Rasulullah dalam menyebarkan agama yang suci ini.

Alhamdulillah, di negara kita, Islam telah bertapak sejak berkurun lamanya, dan Islam telah dijadikan sebagai cara hidup rasmi sehingga termaktub dalam konsep falsafah negara iaitu 'Melayu Islam Beraja'. Kehidupan yang berlandaskan keislaman dapat dilihat melalui cara-cara pergaulan, amalan dan sambutan yang dilakukan oleh masyarakat di sini. Di antara sambutan terbesar ialah Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Malah sudah menjadi ketetapan apabila menjelang tarikh yang bersejarah itu seluruh negara mengadakan cuti awam dan menyambutnya dengan kesyukuran dan berhimpun beramai-ramai dengan melaungkan selawat ke atas junjungan kita Nabi Muhammad yang dicintai.

Tradisi ini menyatakan masyarakat Islam setempat tidak kira bangsa dan darjah. Semuanya bersatu dalam sama-sama melaungkan selawat dengan penuh tawaduk dan keinsafan. Nabi Muhammad adalah utusan yang terakhir diamanahkan untuk menyampaikan Islam ke seluruh pelusuk dunia. Walaupun Baginda telah wafat berkurun lamanya, namun masyarakat Islam tetap menjunjung Baginda dan mengadakan hari peringatan untuk mengabadikan pengorbanan dan ketabahan Baginda di dalam menegakkan kalimah Allah. Sesungguhnya wajarlah kita mengambil iktibar di dalam perjuangan Baginda yang tidak kenal putus asa dan penat lelah, dan menjadikannya inspirasi di dalam mengharungi kehidupan di

akhir zaman yang serba mencabar ini.

Dalam meniti arus kehidupan di zaman moden ini, kita sebagai seorang Muslim sepatutnya mempersiapkan diri kita dengan senjata yang ampuh dari segi mental dan fizikal berlandaskan harta peninggalan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk umatnya iaitu Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah. Sambutan Maulud Nabi adalah salah satu tazkirah dalam memperingati junjungan kita yang tercinta, di samping merenung kembali sejarah permulaan Islam dan perjuangan Rasulullah dalam menyebarkan agama yang suci ini.

Keyakinan kita sebagai umat Islam sepatutnya diperkuatkan lagi dengan kedatangan hari-hari yang bersejarah dalam kalender Islam agar kita termasuk di dalam golongan orang-orang yang bertakwa dan sentiasa beringat-ingat. Firman Allah Taala dalam Surah Al-Ashraf, "Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal salih dan nasihat-menasihi supaya menaati kebenaran dan nasihat-menasihi supaya menetapi kesabaran."

Noraini binti Abdul Hamid,
No. 7, Lot 4455,
Simpang 80, Kampong Sungai Tali,
Lumut, KC 3135,
No. k/p: 264962.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim berserta pegawai-pegawai kerajaan dan para penduduk Kampong Kasat menyaksikan pameran dan jualan barang-barang tradisi daripada para penduduk Mukim Lumapas. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Peraduan Mari Bercerita tingkatkan kesedaran bermasyarakat

TEMBURONG, 12 Mei. - Peraduan Mari Bercerita boleh meningkatkan rasa kesedaran bermasyarakat atau 'civic minded' dan ianya dapat kita budayakan di kalangan anak-anak dan remaja, supaya masyarakat kita akan menjadi masyarakat yang suka membaca dan merebut masa yang terluang dengan banyak membaca buku-buku seperti mana amalan masyarakat di negara-negara yang sudah maju.

Kementerian Pendidikan dalam usahanya untuk membangun membaca di kalangan murid-murid telah memperuntukkan beratus ribu ringgit khusus untuk pembelian buku-buku dan peralatan yang ada hubung kait dengan membaca.

Peraduan Mari Bercerita bagi para murid sekolah rendah

Oleh Aliddin HM

di Daerah Temburong telah bermula pada 12 Mei, yang berlangsung di Sekolah Rendah Puni di sini.

Seramai 10 orang peserta telah menyertai Peraduan Mari Bercerita yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan merupakan projek tahunannya yang antara lain bertujuan bagi memupuk semangat membaca di kalangan kanak-kanak dan meningkatkan daya imiginasi.

Di samping itu, peraduan tersebut melatih kanak-kanak supaya berani berdepan dengan khalayak ramai serta memberi daya inisiatif kanak-kanak untuk memahami segala isi kandungan yang hendak disampaikan.

Johan Peraduan Mari bercerita bagi Daerah Temburong disandang oleh Dayang Siti Nor Fadilah binti Haji Abd. Kadir dari Sekolah Rendah Bokok; naib juara dimenangi oleh Dayang Noorul Hafizah binti Ali dari Sekolah Rendah Piasau-Piasau dan tempat ketiga oleh Awang Delson bin Jumat dari Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi.

Penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Ketua Kegiatan Luar Jabatan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Ali bin Haji Ismail.

Finalis terbaik akan dipilih untuk menyertai peraduan antara daerah dan seterusnya akan mewakili sekolah-sekolah mereka ke peringkat kebangsaan yang akan diadakan kemudian.

**PELITA BRUNEI Akbar Rasa! Kerajaan,
Bentuk hari Sabtu diturbitkan,
Hajj membawa berlambab pengalaman,
Silalah alai pilih jawapan.**

- Siapakah yang merasmikan Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-7 tahun 2000 bertempat di hadapan bangunan Jabatan Perkhidmatan Awam?
 - Dato Paduka Haji Hazrat
 - Dato Paduka Awang Haji Adanan
 - Dato Paduka Awang Haji Alidin
- Bilakah Majlis Penyampaian Sijil Lepasan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan yang berlangsung di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Jalan Tutong yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Jatawan Luar Pekerja Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain?
 - 18 September, 2000
 - 20 September, 2000
 - 27 September, 2000
- Bilakah tarikh Hari Perdamatan 2000 yang dianjurkan Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna serta penghulu, ketua-ketua kampong dan para penduduk di bawah Mukim Berakas 'B'?
 - 18 September, 2000
 - 20 September, 2000
 - 27 September, 2000

Berbalas Pantun antara penyiar RTB, RTM

KASAT, 16 Mei. - Program Berbalas Pantun antara penyiar-penyiar RTB dan RTM telah diadakan di rumah kediaman Penghulu Mukim Lumapas di Kampong Kasat.

Program tersebut adalah di bawah Memorandum Persefahaman di antara RTB dan RTM dan pada tahun ini rombongan pihak RTM bertanding ke Negara Brunei Darussalam.

Sebanyak lapan Rancangan Berbalas Pantun akan dirakamkan sepanjang tahun ini dan akan disiarkan melalui siaran radio RTB dan RTM sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 dan Hari Kebangsaan Malaysia pada tahun ini.

Program Berbalas Pantun ini akan disiarkan melalui radio RTB dan RTM bagi setiap hari-hari kebesaran kedua-dua buah negara ini termasuklah Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Tahun Baru Hijrah dan seterusnya.

Oleh Aliddin HM

Bagi pihak RTB, Program Berbalas Pantun itu dipengerusikan oleh Awang Haji Zaini bin Haji Mohd. Yusof dan pihak RTM pula dipengerusikan oleh Daud bin Abdullah.

Hadir menyaksikan Program Berbalas Pantun ialah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim dan para pegawai kerajaan yang mana program tersebut disempena dengan Tahun Melawat Brunei 2001.

Pelbagai acara juga diadakan seperti persembahan dan tunjuk cara permainan tradisi seperti permainan kuit dengan diiringi bunyi-bunya muzik asli Brunei.

Di samping itu juga diadakan pameran dan jualan barang-barang dan kuih-muih tradisi dari pada penduduk Mukim Lumapas.



RAKAMAN Program Berbalas Pantun antara penyiar-penyiar Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang diadakan di rumah kediaman Mukim Lumapas di Kampong Kasat. - Gambar oleh Abdullah HAD.

PAT-PAT GULAMBIR

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alatulits atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hamarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Pat-Pat Gulambir keluaran 9 Mei, 2001.
- A. 2. C 3. A.

PEMENANG SOALAN PAT-PAT GULAMBIR KELUARAN PELITA BRUNEI 9 MEI, 2001

MD WAEY BIN ABD. RAZAK,
NO. 131, SIMPANG 396,
JALAN KEBANGSAAN,
KAMPONG SUNGAI AKAR BC 4115
UMUR : 11 TAHUN
SEKOLAH PGGBM LAMBAK.

NURHALWANI BINTI HAJI ZAKARIA,
NO. 48, SIMPANG 499,
KAMPONG BATU APOI,
TEMBURONG PC 1151
UMUR : 11 TAHUN
SEKOLAH RENDAH SULTAN HASHIM

MD HASSAMUDDIN BIN ALIASSAN
D/A: MASNI BINTI HAJI METASSIM,
PEJABAT POS MPC,
JALAN BERAKAS BB 3510
UMUR : 11 TAHUN
SEKOLAH NUSA LAILA PUTERI.

BORANG JAWAPAN PAT-PAT GULAMBIR 477

Nama :

Umur :
Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruang Alai,
Pat-Pat Gulambir, 477,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

HARI TELEKOMUNIKASI SEDUNIA

'INTERNET : CABARAN, PELUANG DAN PROSPEK'

**Sumbangan Unit Perhubungan Awam
Jabatan Telekom Brunei
Kementerian Perhubungan**

SEJARAH RINGKAS HARI TELEKOMUNIKASI SEDUNIA

SETIAP tahun iaitu pada 17 Mei, para pentadbir telekomunikasi seluruh dunia akan meraikan satu hari khas yang dinamakan 'Hari Telekomunikasi Sedunia' untuk memperingati perubahan Kesatuan Telekomunikasi Sedunia atau International Telecommunication Union (ITU) pada tahun 1865.

ITU merupakan sebuah pakar agensi dalam bidang telekomunikasi bagi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sejak tahun 1947. ITU bertanggungjawab dalam pengawalseliaan dan perancangan telekomunikasi di seluruh dunia, dan dalam sistem PBB, untuk mempromosi serta memberikan sumbangan kepada pembangunan telekomunikasi dan infrastruktur yang berkaitan.

Pada masa ini, ITU mempunyai sejumlah 187 negara anggota termasuklah Negara Brunei Darussalam.

OBJEKTIF SAMBUTAN

Antara objektif mengadakan sambutan Hari Telekomunikasi Sedunia adalah :

- * Untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap peranan penting yang dimainkan oleh bidang telekomunikasi dalam memberikan perkhidmatan internet.
- * Menyemai minat dalam penggunaan internet di kalangan masyarakat terutama sekali bagi penuntut-penuntut sekolah rendah hingga institusi-institusi pengajian tinggi.

* Menyalurkan maklumat mengenai isu dan peranan ITU dalam telekomunikasi antarabangsa.

* Menggerakkan lagi ITU dengan merapatkan jalinan kerjasama di antara negara-negara ahlinya, dan

* Mendukung objektif strategi-strategi utama ITU.

Sambutan Hari Telekomunikasi Sedunia adalah merupakan sebuah projek nasional di mana setiap anggota ITU adalah digalakkan untuk meraikannya tertakluk kepada keupayaan negara masing-masing.

TEMA

(Sumber : Pesanan daripada Yoshio Utsumi, Setiausaha Agung ITU)

Tema sambutan Hari Telekomunikasi Sedunia tahun ini ialah 'Internet : Cabaran, Peluang dan Prospek' yang bertujuan untuk menunjukkan keistimewaan internet di seluruh dunia serta kesan-kesannya yang meluas kepada masyarakat. Internet menawarkan potensi yang banyak bagi mendukung aktiviti-aktiviti perkembangan dan dalam masa yang sama, mengajukan cabaran serta ancaman ke atas institusi-institusi yang sedia ada dan meningkatkan cabaran dasar disebabkan oleh sifat semula jadinya dan peranannya yang semakin menjadi masa kini.

Internet bukan sahaja telah mengubah cara kita berkomunikasi tetapi ia juga telah mengubah cara kita bekerja, berniaga, berhubung, bermain, mendapatkan maklumat dan belajar. Setujukah awda? Cuba fikirkan lagi. Pengguna internet hanya berjumlah lima peratus dari penduduk dunia. 85

peratus di negara maju di mana terletaknya 90 peratus hos internet. Maka ada masalah yang ketara di sini.

Internet memberi peluang untuk mengembangkan laluang maklumat melalui perkhidmatan yang boleh digunakan di mana-mana adanya kaedah konektiviti di seluruh dunia. Internet adalah cara mengurangkan kerugian-kerugian tradisi yang dialami oleh negara-negara yang membangun. Peluang perdagangan dapat diperluaskan dengan adanya kaedah perkembangan yang membolehkan mereka menjual produk dan perkhidmatan secara global dan langsung kepada pelanggan. Kesusaian mendatangi pelanggan dan mendapatkan rangkaian pembahagian eksport tidak akan menjadi masalah lagi. Internet juga menawarkan peluang untuk penghantaran perkhidmatan dasar seperti kesihatan dan pendidikan dengan lebih efisien dengan membolehkan orang ramai mengikuti taklimat olah paka-paka dan juga mengadakan pertukaran pembelajaran dari rumah kediaman mereka dan komuniti.

Bagi membolehkan semua ini, penggubal polisi, pengusaha-pengusaha mahupun pengguna perlu mendapatkan cara untuk menghadapi beberapa cabaran.

Cabaran yang utama ialah mengembangkan akses ke internet dengan kadar bayaran yang sangat berpatutan. Hari ini, kos perkhidmatan yang tinggi di kebanyakan negara masih lagi menjadi salah satu halangan ke atas penyerapan internet selain daripada kekurangan talian telefon.

Untuk mengurangkan kos ini, penggubal polisi

hendaklah menentukan harga 'bandwidth' bagi menggiatkan penggunaan internet, cara menggunakan infrastruktur dengan kos efektif dan menentukan teknologi yang terbaik bagi perkembangan rangkaian. Sukat-sukat pengawalseliaan dan undang-undang serta harga yang bersesuaian adalah perlunya bagi memastikan internet dapat dinikmati bersama oleh semua lapisan masyarakat. Sebagai misalan, akses internet yang rendah boleh diberikan ke sekolah-sekolah, universiti-universiti, perpus-takaan-perpustakaan, dewan masyarakat serbaguna atau institusi perkhidmatan awam bagi menggiatkan penggunaan yang lebih meluas dan menghubungkan masyarakat pedalaman.

Program-program hendaklah dimajukan untuk meningkatkan teknologi dan kemahiran komputer di kalangan belia bagi membangun budaya internet di usia yang masih muda. Kesedaran yang meluas mengenai faedah-faedah akses untuk mendapatkan maklumat, produk dan perkhidmatan perlu disebarluaskan secara aktif meliputi masyarakat terutama sekali di kalangan pengguna kecil dan sederhana. Ini adalah sebahagian daripada cabaran-cabaran yang diketengahkan dengan populariti internet. Walau bagaimanapun mungkin itu yang paling mustahak ialah memastikan internet tidak akan menjadi elemen dalam membesar-janji jurang pembahagian 'digital'. Ini menjadi isu dalam agenda masyarakat dunia hari ini.

Salah satu tugas utama ITU ialah untuk menjadi jurang pembahagian 'digital' menjadi keuntungan 'digital'. Walaupun ITU sendiri tidak dapat menyatakan pembahagian ini, namun mereka memainkan peranan utama untuk mendapatkan rakan kongsi yang berpotensi dalam mencapai perkembangan. Mereka membuat komitmen sedemikian dan bersama dengan tindakan positif oleh kerajaan dan peniaga, maka kita akan boleh mencapai matlamat yang diimpikan.

Internet adalah seperti benih, dengan cara-cara yang betul kita dapat membina sekolah dengan akses internet, membangun perniagaan yang berunsur web, membawa imaginasi awam, dan melihat hasil inovasi yang akan berkembang supaya hasil-hasil produk dan perkhidmatan yang disemai dapat dinikmati oleh seluruh lapisan masyarakat.

AKTIVITI-AKTIVITI SEMPENA MENYAMBUT HARI TELEKOMUNIKASI SEDUNIA 2001

Bagi Negara Brunei Darussalam pula, Kementerian Perhubungan adalah organisasi yang bertanggungjawab bagi dasar telekomunikasi dan perkembangan pengawalselia, manakala Jabatan Telekom Brunei (JTB) adalah salah sebuah penyedia perkhidmatan internet di dalam negeri.

Tahun ini, JTB turut sama meraikan hari yang penting ini dengan mengadakan beberapa acara sambutan seperti berikut :

Pembukaan Rasmi Pusat Urusniaga Telekom Labi

Sebuah Pusat Urusniaga Telekom (TBC) baru yang terletak di Labi, Daerah Belait dibuka rasmi



TETAMU kehormat, Awang Haji Bolhassan bin Kalimang mencuba kemudahan telefon awam yang disediakan di Pusat Urusniaga Telekom Labi sembil diperhatikan oleh Pengurus Cawangan Jabatan Telekom Daerah Belait, Awang Haji Roslan bin Othman.



AKSES internet disediakan secara percuma sebagai tarikan kepada pengunjung ke ibu Pejabat Telekom Brunei sempena Hari Telekomunikasi Sedunia 2001, pada 17 Mei, 2001.

oleh Ketua Kampong Labi I, Awang Haji Bolhassan bin Kalimang pada 17 Mei lepas. Pusat Urusniaga Telekom Labi ini ditempatkan di Bangunan Pejabat Pos yang menawarkan perkhidmatan telekomunikasi seperti kaunter-kaunter perdagangan dan tunutan, kafe siber mini dan kemudahan telefon awam.

Objektif utama bagi pembukaan Pusat Urusniaga Telekom Labi ini ialah bagi memudahkan penduduk di sekitar Mukim Labi untuk menikmati perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi tanpa perlu membuat perjalanan yang jauh. (Perjalanan mengambil masa kira-kira satu jam untuk sumpai ke Pejabat Telekom berhampiran di Seria).

Seminar Internet bagi murid sekolah rendah

JTB akan mengadakan Seminar Internet selama kira-kira sebulan bagi murid sekolah rendah darjah lima dan enam. Seminar tersebut diadakan di Dewan Wijaya, Ibu Pejabat JTB, Berakas bermula dari 21 Mei hingga 13 Jun, 2001 dan akan diselenggarakan oleh pegawai dan kakitangan IT, JTB.

Murid-murid akan dapat mempelajari dengan lebih lanjut lagi mengenai internet dan penggunaannya, kebaikan dan keburukannya serta cabaran, peluang dan prospek yang berkaitan dengannya.

Hari Pelanggan JTB

Satu acara perkhidmatan pelanggan diungkayakan oleh pegawai dan kakitangan JTB di seluruh daerah untuk menunjukkan kepraktisanannya ke atas sokongan yang diberikan oleh pelanggan yang dihargai.

Promosi

- Yuran Langganan BruNet Percuma

Pelanggan yang memohon Pelan Ekonomi Perkhidmatan BruNet akan dikecualikan daripada membayar yuran langganan selama enam bulan. Promosi ini bermula dari 17 Mei hingga 16 Jun, 2001 (7.00 pagi).

- Kadar Panggilan Antarabangsa IDD Diturunkan

Pelanggan IDD akan dapat membuat panggilan dengan kadar yang sangat menarik, potongan sehingga 73 peratus selama seminggu bermula dari 17 Mei, 2001 (12.00 tengah malam) hingga 23 Mei, 2001 (7.00 pagi).

- Diskaun Economy Call Hailo Kad

Pelanggan boleh membeli kad \$50.00 dengan harga \$40.00 dan sebatang pen akan diberikan percuma.

- Panggilan Ekonomi '098'

Pelanggan akan dapat menikmati kadar terbaru yang lebih murah dengan Panggilan Ekonomi '098' ke semua destinasi dengan mutu perkhidmatan yang lebih baik.

- ESpeed

Percuma yuran langganan berharga \$200.00 bagi pelanggan paket bisnes dan yuran langganan berharga \$100.00 bagi pelanggan paket persendirian dari 17 hingga 23 Mei, 2001.



TAHUN 46

BILANGAN 22

RABU 30 MEI, 2001

رابو 7 ربيع الأول 1422

PERCUMA



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI**

**JAWATAN KOSONG SEBAGAI
KETUA KAMPONG KUPANG, TUTONG**

PENDUDUK-PENDUDUK Kampung Bukit Tutong dan sekitarnya yang mempunyai kelayakan adalah dipelawa untuk menjadi calon bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung Kupang dengan syarat-syarat berikut:

- Sebagai calon Ketua Kampung hendaklah:
 - Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
 - Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya;
 - Bermastautin di kampung yang akan diketuainya tidak kurang 2 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermakna bahwa calon Ketua Kampung hendaklah benar-benar tinggal di kampung yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut;
 - Berumur tidak kurang 30 tahun dan tidak lebih 60 tahun pada tarikh pencalonannya;
 - Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam sebarang pertubuhan siasat yang difikirkan boleh menjasarkan kepentingan atau keselamatan negara;
 - Mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam, kemanusiaan dan adat resam setempat yang lazimnya dilaksanakan oleh masyarakat kampung berkenaan;
 - Mempunyai perwatakan, ketekunan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedituan; dan
 - Tidak pernah disiyarkan mulfis di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh 2 tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengiyaranan mulfis telah dibatalkan oleh mahkamah.
- Calon yang terdiri daripada Pegawai-Kerajaan akan dipersaraikan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.
- Calon yang terdiri daripada ahli perniagaan atau pengusaha apabila dilantik menjadi Ketua Kampung boleh meneruskan perniagaan atau perusahaannya menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
- Seorang pencadang dan 2 orang penyokong yang mencalonkan Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warga negara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di kampung yang berkenaan. Calon, pencadang dan penyokong-penyokong hendaklah menandatangi borang pencalonan. Borang pencalonan hendaklah dilengkapkan sepuhnya sebelum dihadapkan ke Unit Institusi Penghulu dan Ketua Kampung, Jabatan Daerah Tutong.
- Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung).

Tanggajai : C. 1 EB. 2 lalu \$1,280.00 hingga \$1,930.00.

CARA MEMOHON :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati daripada Jabatan Daerah Tutong melalui Unit Institusi Penghulu dan Ketua Kampung pada waktu pejabat dibuka dan hendaklah disahkan mengikut apa yang dikehendaki dalam borang tersebut dan borang yang tidak disi dengan lengkap tidak akan diterima. Dan borang pencalonan hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Daerah Tutong (UP : Unit Institusi Penghulu dan Ketua Kampung tidak lewat 21 Jun, 2001 (Hari Khamis) jam 2.00 petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/W/3502 : PROVISION AND INSTALLATION OF COMPREHENSIVE CABLE DISTRIBUTION SYSTEM FOR RBAF 3rd BN LUMUT CAMP.
Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/W/3503 : COMMUNICATION TOWER FOR 3BN CAMP AT LUMUT.
Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 18 Jun, 2001. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan seperti alamat yang disebutkan di



**JABATAN DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran : 3/2001

**NAMA TAWARAN : TAWARAN MEMBEKALKAN BATU
BAGI TEMPOH 2 TAHUN UNTUK JABATAN DAERAH TEMBURONG**

Syarat-Syarat Tawaran :

- Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat atau kuari-kuari batu di Daerah Temburong untuk membekalkan batu bagi tempoh 2 tahun kepada Jabatan Daerah Temburong.
- Keterangan dan spesifikasi lengkap bagi tawaran ini boleh diperolehi di Bahagian Teknikal, Jabatan Daerah Temburong pada waktu-waktu bekerja.
- Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup rapi. Di sampul surat hendaklah ditulis nama atau bilangan tawaran di atas tanpa menunjukkan sebarang pengenal diri pengirim.
- Tawaran hendaklah dihantar turus ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara dengan diaalamatkan kepada Pengurus Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
- Tarikh tutup menghantar tawaran lahal pada hari Isnin 11 Jun, 2001 jam 1.45 petang. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran hendaklah dihadapkan melalui borang tawaran yang telah disediakan oleh Jabatan Daerah Temburong.
- Wang cagaran sebanyak \$200.00 hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Temburong semasa waktu-waktu bekerja. Salinan resit wang cagaran tersebut hendaklah disertakan bersama borang tawaran.
- Penawar-penawar mestilah menyatakan tempoh sah laku tawaran (validity) di dalam borang yang disediakan.
- Penawar-penawar hendaklah juga menghadapkan sama salinan pendaftaran perlengaan masing-masing.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang termurah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran : JL/8/2001

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari limbung kapal kategori MEA kelas 2 atau 3 bagi DOCKING SURVEY OF TANJUNG BERAMBANG.
- Butir-butir lengkap tawaran dan syarat am kontrak boleh didapati dengan bayaran yuran dokumen \$10.00 (tidak dikembalikan) semasa waktu bekerja daripada Pejabat Pengaruh Laut, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Serasa, Muara BT 1728, Negara Brunei Darussalam.
- Tarikh tutup tawaran 11 Jun, 2001 jam 2.00 petang.

perenggan (a) di atas semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 18 Jun, 2001 hari Isnin jam 10.30 pagi.

- b) Wang bayaran Tawaran 'Tender Fees' 'Tender Deposit' hendaklah dibayar secara tunai di Bahagian Kewangan, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 189, Kementerian Perhubungan, Boikiah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
- c) Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
- d) Wang bayaran tawaran 'Tender Fees' pembekal adalah dikehendaki membayar tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- e) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kirai sampul surat hendaklah dinyatakan nujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini seperti mana yang diiklankan. Contoh-contoh atau katalog asal yang berkaitan dan bersesuaian dengan jenis tawaran yang diiklankan mestilah dihantar ke Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 189, Kementerian Perhubungan, Boikiah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam sehingga hari Jumaat tidak lewat jam 4.00 petang pada minggu yang sama.



**JABATAN
KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran : JKP/16/2001

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas II ke atas kategori 1 sahaja :

Projek : KAMPONG RIMBA RESETTLEMENT/HOUSING SCHEME INFRASTRUCTURE PHASE 5, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PROPOSED SLOPE PROTECTION WORKS. Projek No : JKP/16/2001.

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapat di Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Bangunan Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 10.00 pagi hari Sabtu 9 Jun, 2001.

Tarikh buka : 23 Mei, 2001 (Rabu)

Tarikh tutup : 11 Jun, 2001 (Isnin) tidak lewat jam 2.00 petang. Tempat tutup : Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam. Cagaran tawaran : \$100.00. Bayaran Dokumen & Lukisan : \$25.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang terutup rapi/sealed dengan menyatakan tajuk dan bilangan projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
- Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Negara Brunei Darussalam.
- Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
- Sebelum dokumentasi tawaran dikeluarkan setiap pemborong mengikuti peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan LTN/4 (39/1997).
- Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.



KEMENTERIAN KESIHATAN

JUALAN LELONG

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu jualan lelong barang-barang yang tersebut di dalam jadual di bawah ini akan diadakan pada 9 Jun, 2001

1. Pembayaran adalah secara tunai sahaja.
2. Pembayaran hendaklah dijelaskan (1) satu jam selepas jualan lelong ditamatkan. Jika sekiranya pembayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, maka kereta-kereta akan menjadi hak milik Kementerian Kesihatan.
3. Penender-pen tender dinasihatkan supaya kenaikan tawaran harga tidak kurang dari \$50.00.
4. Penender-pen tender yang berjaya hendaklah bertanggungjawab memindahkan kereta-kereta yang telah dibeli dalam tempoh dua (2) hari daripada tarikh lelong dan daripada tempat kawasan penarungan, jika sekiranya penender-pen tender tidak memindahkan dalam tempoh tersebut, maka kereta-kereta tersebut akan menjadi hak milik Kementerian Kesihatan.
5. Kementerian Kesihatan tidak akan bertanggungjawab ke atas semua kereta-kereta yang lelong, jika terdapat kerosakan atau barang-barang hilang dalam kereta-kereta tersebut.

| Butir-butir keterangan benda | Tempat lelong | Tarikh dan masa |
|---|--|--------------------------------------|
| Harta benda (Kenderaan Kerajaan) sebanyak 25 buah kenderaan | Bilik Mesyuarat Bahagian Perkhidmatan Kenderaan Hospital RIPAS | Hari Sabtu 9 Jun, 2001 jam 8.00 pagi |



**JABATAN DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran : 2/2001

**TAWARAN MEMBEKALKAN KAYU BAGI TEMPOH 2 TAHUN
UNTUK JABATAN DAERAH TEMBURONG**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat kilang papan atau syarikat-syarikat penjual kayu di Daerah Temburong untuk membekalkan kayu bagi tempoh 2 tahun kepada Jabatan Daerah Temburong.
2. Keterangan dan spesifikasi lengkap bagi tawaran ini boleh diperolehi di Bahagian Teknikal, Jabatan Daerah Temburong pada waktu-waktu bekerja.
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup rapi. Di sampul surat hendaklah ditulis nama atau bilangan tawaran di atas tanpa menunjukkan sebarang pengenalan diri pengirim.
4. Tawaran hendaklah dihantar terus ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran

Negara dengan dijalarkan kepada Pengurus Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

5. Tarikh tutup menghantar tawaran ialah pada hari Isnin 4 Jun, 2001 jam 1.45 petang. Tawaran-tawaran yang lawai diterima daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Tawaran hendaklah dihadapkan melalui borang tawaran yang telah disediakan oleh Jabatan Daerah Temburong.
7. Wang cagaran sebanyak \$200.00 hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Temburong semasa waktu-waktu bekerja. Salinan resit wang cagaran tersebut hendaklah disertakan bersama borang tawaran.
8. Penawar-penawar mestilah menyatakan tempoh sah laku tawaran (validity) di dalam borang yang disediakan.
9. Penawar-penawar hendaklah juga menghadapkan sama salinan pendaftaran pemilagaan masing-masing.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang termurah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Isnin 11 Jun, 2001.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan akan diterima dan dilayan.
3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah tulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti yang dilangkan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengurus Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
6. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran Kecil, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
7. Cagaran tawaran adalah dikehendaki sebanyak \$100.00 dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Salinan Sijil Pendaftaran Pemilagaan hendaklah disertakan bersama.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain.

DA/KSSP/50/2001 - MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BUKU-BUKU TEKS PERINGKAT LANJUTAN ('A' LEVEL) UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH/MAKTAB BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN. \$100.00.

WAKTU-WAKTU MENERIMA WANG CAGARAN

ISNIN - KHAMIS : 8.00 PAGI - 11.30 PAGI. 1.30 PETANG - 2.30 PETANG.

SABTU : 8.00 PAGI - 10.00 PAGI.

**JABATAN PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN ELEKTRIK**

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/BPB/081/2001 : Tajuk Kerja : BANGUNAN TAMBAHAN UNTUK PUSAT KESIHATAN SERIA (PERINGKAT II) - PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN UNIT HAWA DINGIN.

Tarikh tutup : 11 Jun, 2001 hari Isnin jam 2.00 petang.

Harga Tawaran : \$100.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : \$25.00 (tidak dikembalikan).

Tempat tutup : Kotak Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710. Kelayakan : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan, Kelas : III, IV, V & VI (kategori 5) dan mempunyai tidak kurang dari lapan (8) pekerja yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/BPB/70/2001 : Tajuk Kerja : MEMPERBAIKI BANGUNAN DAN SISTEM AIR CONDITION DAN ELEKTRIK DI RUMAH SAKIT SURI SERI BEGAWAN, KUALA BELAIT DAN LAIN-LAIN KERJA BLOK DIAGNOSTIK/WAD DAN PUSAT DIALISIS (BLOK R) - AIR CONDITIONING, VENTILATION & MECHANICAL SERVICES INSTALLATION.

Tarikh tutup : 11 Jun, 2001 hari Isnin jam 2.00 petang.

Harga Tawaran : \$500.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen dan Lukisan : \$85.00 (tidak dikembalikan).

Tempat tutup : Kotak Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas IV, V & VI (kategori 5).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Bangunan, Tingkat Dua (2), Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

Perhatian : Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran dari Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Bahagian Perkhidmatan Bangunan, Tingkat Dua (2), Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.



**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

1. **BILANGAN TAWARAN : JPB/6/2001 - PEMELIHARAAN DAN PEMBERSIHAN KAWASAN PENJARA MARABURONG.**

Syarat-Syarat Tawaran :

- a. Keterangan lanjut dan borang mengenai dengan tawaran bolehlah diperolehi dari Ibu Pejabat, Jabatan Penjara, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu pojebat dibuka.
- b. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam sampul surat bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran seperti yang dilangkan serta tarikh tutup tawaran sahaja tanpa menunjukkan identiti pengirim, dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Pemilagaan. Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Negara di Bangunan Islamic Bank Of Brunei (IBB), Tingkat 8, Bandar Seri Begawan dan ditujukan kepada Pengurus Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
- c. Perkhidmatan ini bolehlah diberhentikan oleh kedua belah pihak dengan memberi dua (2) bulan notis secara bertulis.
- d. Tarikh tutup bagi tawaran tersebut ialah pada hari Isnin 11 Jun, 2001 jam 2.00 petang.
- e. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
- f. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tawaran di atas adalah sebanyak sepuluh ringgit (\$10.00) dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja (tidak dikembalikan). Bayaran ini hendaklah dibuat di Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Penjara pada waktu-waktu berikut : Isnin-Khamis jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.30 petang hingga 2.30 petang. Manakala hari Sabtu jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.
- g. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling murah ataupun lain-lain tawaran.



**JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**PENUTUPAN SEMENTARA PEJABAT POS
LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI**

ADALAH dengan ini dimaklumkan untuk pengetahuan orang ramai bahawa oleh kerana proses kerja pengubahsuaian Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei maka perkhidmatan Pejabat Pos di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ditutup sementara mulai 15 Mei, 2001. Pejabat Pos Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei akan memberikan perkhidmatannya semula setelah kerja-kerja pengubahsuaian tersebut selesai. Jabatan ini memohon maaf atas sebarang kesulitan yang timbul dan orang ramai adalah dinasihatkan untuk mendapatkan perkhidmatan pos di pejabat pos yang berhampiran



**DI DALAM
MAHKAMAH TINGGI
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO : 204/2000

THE HONGKONG & SHANGHAI BANKING BERHAD ... Pemilut Penghakiman/ Pemetsiyen DAN MALAI SHAHRAN BIN HAJI MALAI MANSOR (BYIC NO. 076598)... Penghutang Penghakiman/Pemetsiyen

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a. Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 3 Februari, 2001. Nama dan alamat terakhir diketahui : Malai Shahran bin Haji Malai Mansor, No. 20, Simpang 43-7, Lorong 3, Selatan, Seria, Negara Brunei Darussalam, Tarikh Pettayan : 18 Disember, 2000.
- b. Semua Sil piutang-si plutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerimaan Rasmi dengan segera pa segera yang boleh.
- c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh yang bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerimaan Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bertarikh : 24 April, 2001.

DK HAJAH HANAN PG HAJI METUSAIN - Timbalan Pegawai Penerimaan Rasmi



**JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

SEBAGAI PENJADUAL BERGAJI HARI

ADALAH dengan ini dimaklumkan kepada pencari-pencari kerja khususnya yang berdaftar dengan Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan Jabatan Buruh ketika ini terdapat satu kekosongan jawatan sebagai Penjawat di Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam dengan gaji \$90.45 sehari serta mempunyai kelayakan minimum :-

- a) Mempunyai kelulusan Diploma Tinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang komputer studies atau kelulusan yang diktiraf sebagaimana oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Mempunyai pengalaman dan berkebolehan berikut adalah satu kelebihan dan keutamaan :
 - i) Berkebolehan menggunakan Unix Operating System dan aplikasi Ingres atau Oracle.

Semua permohonan hendaklah mengisikan borang SPA/1 yang boleh didapat dari Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil persekolahan kepada Jabatan Buruh, Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Tingkat 4, Bangunan Imigresen/Buruh, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam BB 3910 tidak lewat pada 7 Jun, 2001 jam 4.00 petang. Sebarang permohonan yang lewat diterima dari tarikh yang disebutkan tidak akan dilayan.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/Z/3005 : TROUSERS RONHILL (5 SIZES).

Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/Z/3006 : VEIL FACE CAMOUFLAGE.

Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/Z/3008 : SARONG REGIMENTAL.

Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/Z/3010 : WATER BOTTLE PLASTIC WITH RBAF LOGO.

Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/Z/3011 : LANYARD (7 TYPES).

Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 11 Jun, 2001. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatananah Kewangan dan Perbekalan seperti alamat yang disebutkan di perenggan (a) di atas semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 11 Jun, 2001 hari Isnin jam 10.30 pagi.

b) Wang bayaran Tawaran 'Tender Fees' 'Tender Deposit' hendaklah dibayar secara tunai di Bahagian Kewangan, Jabatananah Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.

c) Wang bayaran tawaran 'Tender Fees' pembekal adalah dikehendaki membayar tawaran bagi semua tawaran seperti yang dilangkan.

d) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan nujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini seperti yang dilangkan. Contoh-contoh atau katalog asal yang berkaitan dan bersesuaian dengan jenis tawaran yang dilangkan mestilah dihantar ke Unit Tawaran, Jabatananah Kewangan dan Perbekalan, Blok 150, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison BB 3510, Negara Brunei Darussalam sehingga hari Jumaat tidak lewat jam 4.00 petang pada minggu yang sama.



**JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan : 10/2001 (S)

Tarikh berkuatkuasa : Sesi-merta.

Kedudukan : Kawasan sekitar Padang Felfley.

Carta terlibat : BA 2109.

Tempoh berkuatkuasa : 50 hari mulai 8 Mei, 2001.

OPERASI PENGGERUDIAN LUAR PANTAI

SATU operasi penggerudian luar pantai telah mulai dijalankan pada 8 Mei, 2001 untuk selama 50 hari di kedudukan Garis Lintang 04 darjah 48° 09'. Utara Garis Bujur 113 darjah 58° 34' (Timur).

Operasi tersebut akan dijalankan oleh kapel penggerudi "TRIDENT 12".

Semua kapel adalah dinasihatkan untuk menjauhi kawasan berkenaan.

WANG-WANG CAGARAN YANG BELUM DITUNTUT



JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

ADALAH dimaklumkan kepada penyimpan-penyalim wang cagaran bahawa masih terdapat wang cagaran bagi lawaran tahun 1995 belum lagi dituntut. Penyimpan-penyalim dikenyatakan menurut kepada Bahagian Kewangan, Jabatan Kerja Raya, Tingkat Satu, Negara Brunei Darussalam semasa waktu bekerja. Semasa membuat tuntutan, penyimpan hendaklah membawa salinan asal resit berkenaan dalam tempoh 2 (dua) bulan dari perbeitanuan ini.

Mana-mana wang cagaran yang masih tidak dituntut selepas dari tempoh yang telah ditetapkan akan dijadikan milik ke hasil rampasan Kerajaan Brunei Darussalam.

Di bawah ini disenaraikan nama syarikat, no. resit, tarikh dan jumlah wang cagaran berkenaan yang tidak dituntut :-

Majlis Kenaikan Pangkat telah disempurnakan oleh Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Panglima

Oleh Samle HJ

Kolonel (L) Haji Awang Abdul Jalil bin Haji Ahmad, di Mes Pegawai ATLDB, di sini.

Pegawai Kadet berkenaan ialah Awang Mohd. Ubaidi bin Umbu, Awang Mohd. Borhanuddin bin Haji Abdul Manap, Awang Mohd. Khairul Amilin bin Haji Yakub, Awang Mohd. Ezzadin dan Awang Mohd. Azzrin bin Haji Mahmud.



PEMERINTAH Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Panglima Kolonel (L) Haji Awang Abdul Jalil menyempurnakan kenaikan pangkat kepada seorang Pegawai Kadet Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (atas). Sementara gambar bawah, para Pegawai Kadet Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei yang dinaikkan pangkat. — Gambar oleh Hamadi HM.



21 keluarga terima bantuan kewangan dari Yayasan SHHB

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Mei. - Seramai 21 buah keluarga yang terdiri daripada 89 orang yang terlibat dalam kebakaran di seluruh negara menerima sumbangan bantuan kewangan dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Sejumlah \$24,100.00 keseluruhan wang derma tersebut telah disampaikan oleh Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dato Paduka Awang Haji Yaakub di Majlis Penyerahan,

Oleh Samle HJ

di Ibu Pejabat YSHHB.

Sumbangan itu selaras dengan tujuan penubuhan yayasan dalam bidang kebajikan bagi mereka yang kurang berhasrat baik seperti mangsa kebakaran.

Sementara itu, yayasan juga menyumbang bantuan kewangan kepada seorang penuntut,

Awang Haji Yusof bin Haji Salleh bagi membolehkan beliau meneruskan pengajiannya di dalam Jurusan Usuluddin, Syu'bah Akidah dan Falsafah di Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir.

Pihak yayasan melihat jurusan pendidikan merupakan aset penting dalam pembangunan sesebuah negara dan menyedari akan kepentingan untuk memperkembangkan dan mempertingkatkan potensi tenaga manusia.

PENCERAMAH TEMPATAN YANG BERKUALITI, BERWIBAWA DIPERLUKAN

Oleh Haji Ahmad HS

MULAUT, 17 Mei. - Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Ustaz Haji Adam bin Haji Ahmad berkata, kemahiran dalam bidang pengucapan umum sudah menjadi satu kelayakan yang diperlukan untuk memenuhi jawatan-jawatan tertentu pada masa sekarang.

Putus Da'wah Islamiah katanya, kini memerlukan penceramah-penceramah tempatan yang berkualiti, produktif dan berwibawa bagi mengimbangi tenaga-tenaga penceramah luar negara untuk memenuhi permintaan ceramah agama yang semakin meningkat.

Dalam hubungan ini tambahnya, belum ramai orang-orang kita yang mencuebi bidang-bidang tersebut secara serius dan profesional, apatah lagi menjadikannya sebagai kerjaya yang mencabar.

"Kedua-dua ini berbeza dengan luar negeri di mana kerjaya seperti ini sangat popular, berprestij dan memberikan pulangan yang lumayan. Oleh kerana itu, pakar-pakar dalam bidang berkenaan selalu diundang ke negara kita untuk memberikan perkhidmatan dan kepakaran mereka masing-masing," jelasnya di Majlis Perasmian Pertandingan Syarahan Agama Sekolah-sekolah Menengah/Maktab Peringkat Akhir Ke-13 berlangsung di Sekolah Menengah Sayyidina Hassan, Kilanas di sini.

Sehubungan itu, beliau menyatakan penuntut-penuntut yang berbakat dan berpotensi untuk menyampaikan ceramah dengan baik dan menarik, adalah mempunyai peluang yang cerah bukan sahaja dalam bidang ceramah tetapi dalam bidang motivasi, konsaltan hal-ehwal keluarga, pakar dalam latihan dan pengurusan.

"Mereka adalah aset negara yang amat berharga dan bakat yang tidak wajar diabaikan, sebaiknya kebolehan dan bakat yang ada pada mereka perlulah dipupuk dan dikembangkan dan dapat dimanfaatkan sebagai penceramah-penceramah pelapis yang berpotensi dan berwibawa di masa hadapan," terangnya.

Ke arah itu katanya lagi, Pusat Da'wah Islamiah sentiasa bersedia memberikan apa juga kerjasama dan bantuan yang diperlukan mengikut kemampuan yang ada bagi melahirkan lebih ramai lagi penceramah-penceramah tempatan khususnya di kalangan anak-anak muda yang berbakat dan berminat dalam bidang ini.

Dalam pertandingan itu, Dayang Siti Nur Bazilah binti Bujang dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dipilih terbaik keseluruhan dengan tajuk ceramah 'Konsep Berhibur dan Batasannya Menurut Islam'. Beliau juga memenangi tempat pertama dalam bahagian perempuan.

Bahagian lelaki dijuarai oleh Awang Mansur bin Haji Khamis wakil Sekolah Persediaan Arab, Beribi dengan tajuk : 'Pergaulan Bebas Membawa Kepada Keruntuan Akhlak'. Sementara Sekolah Menengah Berakas memenangi teks syarahan terbaik melalui tajuk 'Merokok : Pengaruhnya Bagi Kesihatan dan Faktor Pengharamannya'.

Seramai 10 orang peserta yang mewakili sekolah dan maktab di negara ini masuki peringkat akhir Pertandingan Syarahan Agama Sekolah-sekolah Menengah/Maktab Peringkat Akhir Ke-13. Sebelum ini sebanyak 26 buah sekolah telah menyertai pertandingan di peringkat pemilihan.

Pertandingan tersebut dianjurkan oleh Jabatan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan dan dikendalikan oleh Sekolah Menengah Sayyidina Hassan selaku tuan rumah. Tujuan pertandingan adalah untuk mendedahkan para pelajar yang berbakat dalam menyampaikan syarahan, menggerakkan motivasi dan minda pelajar untuk berhujah dan memberikan kesedaran kepada para pelajar supaya lebih peka dan menghayati konsep MIB.



YANG Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman, Tokoh Bakti Hijrah bagi tahun 1422 Hijrah menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada qari dan qariah yang terpilih memasuki Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi tahun 1422 Hijrah/2001 Masihi (gambar kanan dan kiri). - Gambar oleh Ramlil Tengah.

Tiga qari dan qariah terpilih

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Mei. - Tiga orang qari dan tiga orang qariah telah terpilih memasuki Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi tahun 1422 Hijrah/2001 Masihi yang akan diadakan pada bulan Julai nanti.

Peserta qari yang terpilih terdiri daripada Awang Haji Mat Daud bin Haji Abd. Kadir, Mejari (B) Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Mohd. Salleh dan Awang Haji Manan bin Othman manakala peserta qariah diwakili oleh Dayang Hajah Aminah binti Haji Abdul Manap, Dayang Hajah Siti Wardah binti Mejari (B) Awang Haji

1,000 pelajar hadiri Ceramah Motivasi

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Mei. - Seramai lebih 1,000 penuntut sekolah-sekolah rendah darjah enam yang akan menghadapi Peperiksaan PCE di penghujung tahun ini telah diberikan Ceramah Motivasi yang berlangsung di Masjid Kampong Tamoi.

Penuntut-penuntut tersebut merupakan pelajar-pelajar daripada 15 buah sekolah dari Kawasan Brunei 1 termasuk sebuah sekolah Arab.

Hadir selaku tetamu kehormat pagi itu ialah Pegawai Pelajaran Kanan Daerah, Kawasan Brunei 1 dan 2, Awang Haji Abdullah bin Haji Saidi.

Ceramah Motivasi yang dianjurkan bersama oleh Bahagian Akademi Jawatankuasa Pengurusan-pengurus Sekolah-sekolah Rendah Brunei dan Pegawai Takmir Masjid Kampong Tamoi itu antara lain bertujuan memberi pemahaman terutama semasa menghadapi peperiksaan, di samping memberikan panduan-panduan dalam menumpukan pembelajaran.

Ceramah Motivasi tersebut telah disampaikan oleh seorang penceramah undangan, Awang Mohd. Zahir bin Zainuddin.

Oleh Sahari Akim

Abdul Rahman dan Dayang Hajah Noor binti Haji Ladi.

Penyampaian hadiah-hadiah telah disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman, Tokoh Bakti Hijrah bagi tahun 1422 Hijrah.

Para qari dan qariah yang terpilih akan bertemu lagi dengan peserta menunggu iaitu johan qari dan qariah pada tahun lalu

di Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan nanti.

Seramai 20 peserta terdiri daripada 11 qari dan sembilan qariah telah memerdengarkan bacaan mereka di Pertandingan Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah.

Pertandingan tersebut telah dikendalikan bersama oleh Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong dan Bahagian Perhubungan dan Kemajuan Syiar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Enam syarikat penerbitan tempatan tandatangani kontrak dengan RTB

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Mei. - Enam buah syarikat penerbitan tempatan telah menandatangani kontrak perjanjian penerbitan penswastaan drama bersiri tahun ini dengan Radio Televisyen Brunei (RTB).

RTB memperuntukkan sejumlah \$500,000.00 bagi perlaksanaan projek penswastaan penerbitan drama dan kira-kira \$400,000.00 lagi disediakan bagi mempertingkatkan mutu penerbitan lain di stesen radio dan televisyen.

Melalui projek itu, 78 buah drama tem-

Oleh Haji Ahat HI

patan akan diterbitkan yang menyentuh pelbagai isu seperti perniagaan, kemasyarakatan, keagamaan, sejarah, cerita rakyat dan pendidikan.

Menurut Pengarah RTB, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail, projek itu bukan saja memberi manfaat besar kepada RTB sendiri malahan kepada masyarakat umum dari segi pendidikan dan penyebaran maklumat secara lebih berkesan.

Projek tersebut juga antaranya bagi membanyakkan lagi penerbitan rancangan tempatan serta memberi peluang kepada syarikat penerbitan tempatan mempertingkatkan keupayaan mereka dalam bidang penerbitan melalui bantuan dan bimbingan RTB.

Dalam pada itu katanya, projek tersebut juga dapat menawarkan peluang pekerjaan yang baru kepada anak tempatan selaras dengan seruan kerajaan bagi mempelbagaikan ekonomi negara.



PENGARAH Radio dan Televisyen Brunei, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail ketika menandatangani perjanjian kontrak dengan enam syarikat penerbitan tempatan yang akan menerbitkan drama bersiri. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

اللهم صل على سيدنا ونبينا محمد بن عبد الله



12 RABIULAWAL 1422

"Kita bercita-cita menjelmakan masyarakat yang salih melalui pendidikan. Pendidikan adalah jiwa bangsa. Pendidikan yang baik akan melahirkan bangsa yang baik pula. Kerana itu kita bersatu, supaya pendidikan itu terus dipelihara, dipertahankan dan dikembangkan dasar-dasarnya yang baik lagi islamik."

Tutuh Kebairah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzuddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada hari Rabi 12 Rabiulawal 1422 bersamaan 14 Jun 2000

4 JUN 2001



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

“S

EGALA-GALANYA telah musnah kini, sudah hancur, nasi sudah jadi bubur, menangis air darah sekalipun keadaan tidak akan dapat dipulihkan seperti sedia kala. Semuanya sudah terlambat, tidak dapat diperbaiki lagi. Ibarat orang tertinggal kapal terbang.

“Oh Tuhan! Ampunilah dosa hamba-Mu ini, aku telah melakukan dosa yang besar, ampunilah ya Allah!” Nani sungguh-sungguh minta ampun kepada Allah dengan linangan air mata, dia menyesali perbuatan yang telah terlanjur, perbuatan yang terkutuk, perbuatan yang memulakan dan melakukan hati keluarga hingga rumah tangganya berantakan kucakir akhirnya bercerai-berai.

“Kenapa semua ini terjadi, kenapa semua ini kulakukan, walhal aku sudah berkeluarga dan mempunyai tanggungjawab sebagai isteri. Apa lagi yang hendak kucari dalam hidup ini, hidup yang sementara sebagai persinggahan Hari Akhirat. Kenapa aku harus mengikut rentak suamiku, kenapa aku tidak menjadi isteri yang baik, isteri yang salihah,” bisik Nani, menyesali apa yang telah terjadi, semuanya itu gara-gara mengikut bisikan syaitan, gara-gara ingin membala dendam dengan mengisi kekosongan hati akibat selalu ditinggalkan suami, hati yang kesunyian dan kesepian. Lantaran itu sikap dan hati mula berubah, berubah pandang, berubah selera dan gaya.

Mulalah berpakaian menjolok mata, mengikut tren, setengah perempuan suka berkawan dengan suami orang, alasan mengisi kekosongan atau jadi teman bicara atau mungkin juga untuk mengikis harta, jadi pisau cukur, atau mungkin untuk mengubah selera.

Begitu juga sang suami, suka cari pasangan tidak kira muda, janda atau isteri orang - kebas saja asal dapat keseronokan. Alasan mudah saja, isteri sendiri sudah mula sibuk dengan anak-anak, tidak manis dipandang mata lagi ... sudah comot, sudah inda bisa lagi, mahu cari yang ... seribu alasan.

Itulah alasan yang pernah didengarnya daripada Taufiq, seorang usahawan kaya ketika dia mula-mula keluar malam. Dia tergoda dan tertawan dengan ketampanan Encik Taufiq. Dia bukan calang-calang orang, ada nama dan gaya, mudah saja memikat perempuan dengan kekayaannya, apalagi dia pandai memujuk rayu setiap wanita yang didampinginya, pasti akan cair ... Perkenalan dengan Encik Taufiq sejak akhir-akhir ini cepat mesra, Nani begitu mabuk kepayang dengan cerita Encik Taufiq. Perbuatannya ini dapat dihidu oleh kedua-dua orang tuanya di kampung.

“Aku dengar engkau selalu berjalan keluar rumah,” Haji Rashid bertanyakan kepada Nani untuk mendapatkan kepastikan daripadanya tentang cerita yang diheboh-hebohkan orang kampung. Nani hanya diam membisu, entah apa yang difikirkannya dia sendiri sahaja yang tahu.

“Memang betul ayah, siapa nak tahan asyik kena marah dan bergaduh dengan suami saja, memang perkara ini tidak pernah saya cerita pada ayah hal perangai Abang Lokman, dia asyik keluar rumah dan suka perfoya-foya,” Nani menceritakan apa yang selama ini tersimpan di lubuk hatinya. Sudah lama dia hendak menceritakan perangai suaminya kepada kedua-dua orang tuanya namun setiap kali hendak diucapkan terasa berat lidahnya.

Dia cuba bersabar agar suaminya berubah dan bertanggungjawab terhadap keluarga, namun Lokman tetap dengan perangai lamanya bahkan lebih teruk.

Sekjak kebelakangan ini, rumah tangganya sentiasa bergolak, mereka sudah tidak sehaluan lagi. Lokman dengan feelnya, suka keluar rumah, menghabiskan masa di meja judi dan suka berfoya-foya. Setiap malam pasti ada saja yang tidak kena, asyik bertengkar saja, walaupun berpunca daripada perkara kecil. Ini membuatkan Nani hilang kesabar, setiap malam asyik ada saja yang tak kena.

“Jagalah rumah tangga dan anak-anak, jangan ikut pera-

ngai anak-anak muda yang suka berpeleseran, suka membuang masa, jika nak berkawan pilihlah kawan yang boleh mendatangkan kebaikan dan manfaat bagi diri sendiri dan keluarga,” nasihat Haji Rashid lagi. Nani begitu menghormati ayahnya sebagai orang tua apa lagi ayahnya merupakan orang yang disegani di kampungnya. Nasihat ayahnya itu ada kebenarannya. Memang sejak akhir-akhir ini, dia sudah berubah, tidak seperti dulunya, dia kini kurang memberi tumpuan kepada rumah tangga, fikirannya mula terganggu sejak suaminya Lokman ditangkap dan dijatuhi hukuman selama

**OLEH
HELMI HALIM**

| | |
|---|---|
| C | C |
| E | E |
| R | R |
| P | P |
| E | E |
| n | n |



Cinta Tabloid

ma empat tahun kerana penyalahgunaan najis dadah.

Semua urusan rumah tangga terpaksa ditanggungnya sendiri, bayar bil elektrik, bil air dan perbelanjaan sekolah dan dapur terpaksa dibayar sendiri. Semua gajinya habis untuk menanggung keluarga, kini dia jadi bingung, anak-anak masih kecil perlu kasih sayang, dia pula terasa kesunyian dan kekosongan perlu belaian seorang lelaki. Bingung ... bingung.”

“Kenapa engkau begini bodoh Nani, engkau kan cantik, masih muda, pasang badanlah, lupakan dulu si

Lokman tu, bukankah dia yang menghancurkan hidupmu.” Suliza, kawan sepejabatnya memberi semangat dan perangsang kepadanya.

“Betul juga, aku mesti mempuh hidup ini dengan tabah walaupun tanpa suami, selama ini pun rumah tanggaku aku yang banyak memberi perhatian,” bisik hati Nani. Dia begitu geram mengingatkan perangai suaminya, dia mahu membala dendam kepada suaminya, jika suaminya boleh berfoya-foya dengan perempuan lain kenapa pula aku tidak boleh, aku boleh cari boyfriend, entah syaitan apa yang merasuk fikiran Nani

sanggup mengabaikan rumah tangga.

Peristiwa itu terjadi tanpa diduga, ketika dia sedang pergi shopping di sebuah supermarket. Entah bagaimana hari itu terjadi pertemuan yang tak disangka apabila terjadi kemalangan jalan raya. Keretanya tersorong belakang kereta BMW di hadapan lampu trafik.

Ketika itu dia sedang memandu ditemani kawan baiknya Suliza. Sedang mereka asyik mendengar lagu rancah yang dimainkan di radio, tiba-tiba.

“Bum ... Kreeekkk,” Nani tersentak dan tergamam secara

spontan kaki kanannya melekat brek. Badannya terhuyung ke hadapan. Begitu juga Suliza terbelak matanya sambil muncung mulutnya ke hadapan. Menarik nafas panjang.

“Apa sudah jadi Nani,” jerit Suliza sambil menoleh kepada Nani yang kelihatan pucat. Tangannya masih memegang stereng kereta terketar-ketar sedikit lalu menutup mukanya. Dan mengurut dadanya.

“Bagaimana ni?” Nani ketakutan sambil minta kepastian dari Suliza. Kereta mereka telah menyondol kerta BMW merah tadi. Terbayang di kapalnya di mana hendak cari wang untuk membayar ganti rugi. Kereta BMWlah katakan!

Pemandu kereta itu keluar daripada keretanya dan memandang ke arah Nani. Dia pergi ke belakang keretanya melihat tempat yang kena langgar tadi. Dia menanggalkan kaca mata hitam yang dipakainya sambil geleng kepala seraya memandang ke arah Nani.

Nani kelihatan gugup dan terdiam. Hatinya berdebar-debar, dia memberanikan dirinya keluar dari keretanya

dan melihat kesan terlenggar itu.

“Maaf Encik, tak sengaja,” suaranya terketar-ketar takut pemandu kereta marah dan menengkingnya maklum sajalah dia tak pernah mengalami peristiwa tersebut. Hilang semangat, melayang.

“Oh Tuhan! Apa dah jadi,” badannya mengelelet, tak tentu arah, memandang muka Suliza minta kepastian apa hendak dijawab nanti.

“Tak nampak ke lampu tegah merah?” Pemandu itu meninggikkan suara sedikit kepada Nani dengan tegas.

“Lain kali batih-sikit, jangan nak cepat saja,” pemandu itu menyambung cakapnya agak panas juga cuping telinga Nani mendengarnya.

“Maaf ya encik,” Nani memohon maaf tentang kesalahan itu, memang dia yang bersalah asyik bergurau tengah memandu. Inilah akibatnya.

“Aaa tak apa encik, ini kad saya, encik boleh hubungi saya di pejabat nanti dan kita bincang tentang bayarannya nanti

SEJAK kebelakangan ini, rumah tangganya sentiasa bergolak, mereka sudah tidak sehaluan lagi. Lokman dengan feelnya, suka keluar rumah, menghabiskan masa di meja judi dan suka berfoya-foya. Setiap malam pasti ada saja yang tidak kena, asyik bertengkar saja, walaupun berpunca daripada perkara kecil. Ini membuatkan Nani hilang kesabar, setiap malam asyik ada saja yang tak kena.



PUISI PUISI PUISI PUISI

SELAMAT ULANG TAHUN

31 hari bulan Mei
suatu ristau sejarah nusa
angkara kita
Hari Pahlawan
Hari Perwira.

Jasamu
bakimku adalah budi
pejuang bela demik serikandi
vitra satria
nadi pusaka.

Curahapun
pengorbananmu adalah restu
sanjungan ibunda
bunga bangsa
tunggak negara
engkaulah warisan dijulang.

Bersama doa
engkau dikabulkan
selamat ulang tahun
sejahtera
diraiakan.

Selamat Hari Angkatan Bersenjata
buat dirimu
dahai perwira
tonah air sejati.

RASUL PILIHAN

Rasulullah
Rasul pilihan
yang penghabisan
jadi utusan
pembawa wahyu Al-Quran
ke akhir zaman.

Agama Islam
yang dianjurkan
pada sekalian
jadi pegangan
syiar pemimpin jalan
arah kebenaran
pedoman keimanan.

Nabi Muhammad
Kekasih Tuhan
pemimpin insan
di akhir zaman
yang berkekalan
sinar ketakwaan.

Rasul pilihan
penghulu kehidupan
seluruh alam
Tuhan jadiikan
teladan zaman
tiada bandingan.

Padanya
selawat ke atasnya
Nabi dan Rasul mulia
yang berwibawa
Al-Amin pemimpin umat
Nabi Pesuruh Allah
Tuhan Pencipta Alam.

A. Seroja

BICARA HATI SEORANG BURUH

Tatkala mentari mengorak langkah
beburung berkicauan
sang unggas berterbangan
tersemelintah sebuah pentas kehidupan
berlandaskan pengorbanan
bukan sebuah lakonan
terseriah suatu realiti

Akukah yang berdiri di sini
bertemanan debu yang berterbangan
mengutip dedaan kerang yang berguguran
membersihkan sisu buangan yang bertaburan
menjadi tontonan warga kota yang hipokrit.

Aduhai! Inikah sebenarnya kehidupan yang dicari
ke mana perginya cita-cita yang setingga gunung
ke mana perginya harapan yang sekaian lama
terpendam
ke mana perginya teman-teman yang pernah
sama-sama
berjuang mengejar cita-cita setingga awan.

Apakah daya aku cuma insan biasa
hantu mampu mengayam mimpi
ingin mengutip bintang di langit
tak sedar diri terkapai di bumi
namun Yang Maha Kuasa
penentu segalanya.

Demi sebuah kehidupan
biarlah aku tetap berdiri di sini
bersama musim yang silih berganti
menempuh ombak dan badai
menyusuri anak dan duri
walaupun pada setiap ketika
aku akan melalui jalur-jalur yang basah.

Pada teman yang pernah mengenali diri ini
biarlah mereka mencemuh
biarlah mereka menghinah
aku tetap tidak peduli.

Biarlah keringatku terus membasihi bumi
biarlah segala harapan dan cita-cita
terkubur bersama
namun kehidupan mesti diteruskan.

Dayang Rosnah binti Haji Ahmad

AKULAH TULANG BELAKANGMU

Secara fizikalnya
mentalitimu
tampat kurang matang
tapi sebenarnya
kau adalah mentor
yang terbaik
yang pernah kуkenali.

Mereka yang melihatmu
selalu mengandaikan dirimu
sampah yang tidak berguna
namun pada penilaianku
kau adalah
sebutir berlian berharga
yang dicemari
debu semalam.

Mereka hanya melihat
masa silammu
dan karektormu dahulu
tapi aku tahu
kau tidak lagi begitu.

Kau kini merasa buntu
kerana komuniti tidak mahu
menerima kehadiranmu,
memberi peluang kedua untukmu ...
mereka tidak menyenangimu
mereka menyengirkannu.

Tapi aku
apa sekali pun kata mereka
tetap akan bersamamu
berganding bahu
mengembalikan semula
maruah dan nama baikmu
yang pernah ternoda dahulu.

Aku ingin jadi
tulang belakangmu
bersemangatlah ...

KAU SAHABATKU

Sahabat
masih ada lagikah
memori indah kita yang jadi ristauan
aksi lincah jadi perhatian
tawa dan gurauan
keceriaan dan kegembiraan
rasa kekeluargaan
suka duka kita kongsikan.

Sahabat
di mana kau kini
semakin hari menjauhi diri?
adukah kerana sengketa kecil lalu
kau masih mendendam diri ini?

Sahabat
bukan ini yang aku mahu
masing-masing berlawan hala tuju
ingin menjadi yang terhebat
ingin menjadi yang terkuat
siapa juara
dialah yang berkuasa
sayangnya
persahabatan kita
yang jadi mangsa.

Sahabat
kegoaanku
banyak menguji kesabaranku
seringkali aku mengalah padamu.

Kini tiada lagi
hubungan seakrab dulu
entah bilakah ketemu
dirimu yang dulu
di mana waktu itu
kau anggap aka sahabatmu
dan kau adalah
sahabatku.

Ammie

Dari muka 12

ya," Nani memberi kad tanpa membuang masa kerana orang ramai mula memperlakukan kereta mereka kerana melihat pelanggaran tersebut. Biasalah itu jika ada kemalangan sedikit maka akan berlaku kesesakan lalu lintas bukanlah kerana kemalangan itu tetapi ramai yang memperlakukan kendaraan mereka mengakibatkan kesesakan lalu lintas.

"Tak apalah calar sedikit sahaja, lain kali memandulah berhati-hati," pemandu itu menasihati Nani dan mengambil kad yang diberikan oleh Nani sementara dia juga memberi kadnya kepada Nani. Dia rasa lega bila mendapat pemandu itu tidak marah bahkan memberi nasihat yang berguna kepada dia. Pemandu itu masuk ke dalam keretanya sambil memandang kepada Nani. Pandangan ada makna!

Suliza keluar daripada kereta mendapatkan Nani.

"Ada apa Nani, dia marah ke?" Suliza bertanya Nani yang mula menuju ke kereta.

"Nasib baik tak apa-apa, kalau tidak teruk kita membayar kerosakan kereta itu, BMW katakan!"

Nani terdiam sambil menggenggam kad yang diberi oleh pemandu tadi.

"Ok jom kita jalan, tak ada apa-apa, semua dah selesa sekarang, ini kad diberikan." Suliza membaca kad tersebut tercatat : Encik Taufiq Dato Jalal, Pengarah Urusan ANZEE Corporation Sdn. Bhd.

"Wah, bukan main lagi dia, tadi aku nampak dia pandang kau semacam aje, beri kad kau lagi you! Ada apa-apa ke!, Jangan-jangan dia, dia, dia."

"Dia apa, dia apa, janganlah nak ngada-ngada. Dia tu dah tua barangkali dah kahwin dan mungkin sudah ada cucu pun," jawab Nani selama apabila didesak oleh Suliza apabila melihat kad yang diberi oleh Encik Taufiq.

"Orang tua sekarang ni lain, lagi-lagi dia tu orang kaya pakai kereta BMW, rupa pun apa kurangnya," usik Suliza cuba mengusik Nani.

"Sudahlah janganlah cakap yang bukan-bukan lagi, hati aku masih lagi gelabah ni, jom kita teruskan shopping." Nani mengalihkan cerita supaya Suliza tidak membebali lagi.

Keesokan harinya, Encik Taufiq menghubungi Nani supaya datang ke pejabatnya berbincang tentang kemalangan semalam. Hati Nani berdebar, entah berapalah dia kena bayar nanti.

Semalam kata tak ada apa, tapi kini lain pula ceritanya," bisik hati Nani, dia serba salah sama ada mahu pergi atau tidak. Kalau tak pergi lain pula ceritanya nanti. Entah-entah dia repot polis barangkali, hatinya cuba meneka.

"Ok, ok saya akan datang dalam setengah jam nanti," jawab Nani ketika menerima panggilan daripada Encik Taufiq. Walhal jarak antara ofisnya dengan Encik Taufiq mengambil masa lima belas minit sahaja.

Dia menghubungi Suliza dan memberitahu perkara itu.

"Engkau pergi sajalah, kalau tidak pergi nanti lain pula anggapannya," Suliza menasihati Nani supaya pergi ke pejabat Encik Taufiq.

Setibanya di pejabat Encik Taufiq, hatinya berdebar-debar.

"Assalamualaikum."

"Waalaikumussalam," jawab Encik Taufiq sambil senyum dan mempersilakan Nani duduk.

"Eei apalah hajat orang tua ini," bisik hatinya ingin tahu.

"Begini Cik Nani," Encik Taufiq memulakan perbualan-nya.

"Kereta saya semalam itu telah saya hantar ke Bengkel, entah berapa bayarannya saya pun tak tahu, tapi tak apa, saya mengajak Nani datang ke sini bukan minta bayaran, tapi hanya untuk berkenalan lebih dekat dengan Cik Nani," Encik Taufiq mula pasang taik minyaknya.

"Aik, orang tua ini lain pula ceritanya, kita ingat dia hendak minta bayaran," bisik hati Nani. Tapi dalam hatinya dia tertarik juga dengan orang tua ini, nampak berbudi bahasa dan lemah lembut.

Sejak itu mereka saling berhubung dan bertemu, makan malam dan kadang-kadang pergi berkaraoke, balik ke rumah hingga jauh malam. Nani sudah lupa dia punya anak dua begitu juga Encik Taufiq. Nani tahu encik Taufiq sudah mempunyai isteri dan anak. Bahkan anak lelakinya hampir sebaya dengan Nani, tapi perasaan cinta terhadap Encik Taufiq terlalu dalam hingga sanggup merelakan maruahnya tergadai. Inilah akibat perbuatan yang dilakukannya. Sanggup menconteng arang ke muka orang tuanya.

"Mati lebih baik daripada menunggu malu," keluhnya suatu hari ketika menceritakan peristiwa itu kepada Suliza, dia sudah jauh terlanjur dengan Encik Taufiq.

"Astaghfirullah Nani, apa yang engkau cakapkan ini," sumpah Suliza.

"Syaitan apa yang merasuk firikmu ini, hah!"

"Bawa bertenang, mengucap banyak-banyak Nani, itu semua tidak akan menyelesaikan masalahmu nanti." Suliza cuba memujuk sahabat karibnya itu memang pada saat begini, Nani perlu teman untuk bicara, teman untuk mengadu.

"Oh Tuhan, ampunilah dosa hamba-Mu ini."

Nani betul-betul menyesali perbuatannya itu, dia termenung memikirkan masa depan anak-anaknya apabila dia kini mengandung anak luar nikah.

nikah hasil daripada hubungannya dengan Encik Taufiq. Bagaimana dia hendak berhadapan dengan kedua-dua orang tuanya, mereka orang yang disegani di kampung. Apa kata orang kampung nanti, anak Haji Rashid melahirkan anak luar nikah, anak haram.

Nani menundukkan mukanya malu untuk menatap mukanya yang sejak tadi merenung jauh, entah apa yang difikirkannya hanya dia sendiri yang tahu. Haji Rashid bukanlah orang tua yang cepat panas baran, dia sudah lama hidup sudah lebih enam puluh tahun, pelbagai pengalaman hidup sudah dirasanya, jadi pelaut, jadi tukang membuat rumah hingga galah jadi marbut di masjid ini, orangnya kuat iman, tidak tinggal sembahyang.

"Inilah akibatnya terlalu bebas, sekarang apa sudah jadi," keluh emaknya Mak Endon dengan linangan air mata, sambil memeluk cucunya.

"Sudah mamanya, sudahlah, perkara sudah terjadi, apa yang perlu dilakukan sekiranya ialah bagaimana harus menangani masalah ini," sahut Haji Rashid dengan nada yang tenang tapi tegas, peristiwa ini betul-betul menguji keimannya sebagai orang tua.

"Kenapa engku tergakam berbuat begini Nani," ibunya menyampunk dengan nada kesal. Dia tidak menyangka Nani sanggup menconteng arang ke muka mereka. Walau-pun di hati kecilnya tahu anaknya terlalu kesunyian dan menghadapi masalah hidup kesorangan, suami berada di penjara tentu dia merasa kesunyian. Sunyi seorang isteri yang ditinggalkan.

Nani, Nani, kita orang Timur, orang Melayu, tak usahlah terikut-ikut cara orang barat tu," Haji Rashid bersuara dengan nada kesal, dia membentulkan duduknya sambil menghirup air kopinya yang telah larut.

Nani diam membisu seribu bahasa, kini air mata jadi temannya, memang dia yang bersalah dalam hal ini kerana mengabaikan tanggungjawabnya sebagai ibu kepada dua orang anak-anak yang masih kecil. Lokman telah melepaskan talak satu kepadanya siang tadi.

Semua itu telah dijangkakan oleh Nani, akan berlaku kerana sebelum itu dia telah meminta Lokman untuk melepaskan paskanya semasa dia menziarahinya di penjaga. Dia menceritakan apa yang berlaku kepada Lokman.

Nani terdiam sambil mengesek air mata yang sejak tadi mengalir, tanda kesal. Walhal orang yang diharapkan membawa sinar harapan hanya mempermudahkan dirinya saja, bila sudah terjadi begini dia lepas tangan.

"Oh Tuhan! Ampunilah hamba-Mu ini," pohon Nani dengan nada kesal. Apakah ada sinar kehidupan baginya dan anak-anak?


 سنتیاس برسام بیسکیت
 Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنجاغعن تیلیبیشن

SUSUNAN RANCANGAN TELEVISYEN

 PIHAK RTB berhak
 menukar mana-mana
 jua rancangan

| RABU 30 MEI | | 5.00 PLANET VIDEO | 7.45 AZAN ISYAK | 3.45 AZAN ASAR | |
|----------------------|--|---|----------------------------------|---|--|
| | | 5.45 BERITA | 7.48 BEDUDUN - Sambungan | 3.50 TAYANGAN GAMBAR | |
| | | 5.55 MARI BELAJAR MENGAJI - Ulangan | 8.00 BERITA NASIONAL | MELAYU - Sambungan | |
| PAGI | | 6.29 AZAN MAGHRIB | 9.00 DRAMA: OPIS | 4.30 NADWAH KHAS | |
| 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN | 6.35 DIKIR MAULUD | 9.30 TECHNOLOGY WORLD | 5.15 MEKAR - Ulangan | |
| 6.02 | AL-QURAN | 6.45 DARI MAHKAMAH KADI | 10.00 NEWS AT 10 | 5.30 TOO EXTREME | |
| 6.12 | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung | MALAM | | 5.45 BERITA | |
| | | 10.40 KHUTBAH JUMAAT | 11.55 TELEDRAMA - 'Dalam Dilema' | 5.55 TOO EXTREME - Sambungan | |
| | | 11.55 | 12.25 DOA DAN SIARAN TAMAT | AZAN MAGHRIB | |
| | | | | DIKIR MAULUD | |
| 10.00 | SIARAN TAMAT | 7.44 AZAN ISYAK | | 6.45 THAHARAH | |
| | | 7.50 GEMA ISLAM - Sambungan | | MALAM | |
| PETANG | | 8.00 BERITA NASIONAL | | CHEF WAN | |
| | | 8.50 AN-NUUR - Siaran Langsung | | 7.00 LIPUTAN SEMASA | |
| 4.00 | LAGU KEBANGSAAN | 10.00 NEWS AT 10 | | 7.25 MIND, BODY & SPIRIT - AZAN ISYAK | |
| 4.02 | AL-QURAN | 10.30 PUSSI JATI DIRI | | 7.46 MIND, BODY & SPIRIT - Sambungan | |
| 4.12 | SUSUNAN RANCANGAN | 10.50 WAYANG PILIHAN - 'Commando' | | 7.47 BERITA NASIONAL | |
| 4.15 | ANIMATION HOUR : SABER RIDER AND THE STAR | 12.45 DOA DAN SIARAN TAMAT | | 8.00 DRAMA CO-PRODUCTION: SITI AYU | |
| | SHERIFF | | | 8.50 BERSAMA MUFTI | |
| 5.00 | JUARA - SIARAN LANGSUNG | | | 10.00 NEWS AT 10 | |
| 5.30 | TOYOTA WORLD OF WILDWIFE | JUMAAT 1 JUN | | 10.30 TEKAD - Ulangan | |
| 5.45 | BERITA | | | 10.45 THE LIGHTER SIDE OF SPORTS | |
| 5.55 | TOYOTA WORLD OF WILDLIFE - Sambungan | PAGI | | 11.30 DOA DAN SIARAN TAMAT | |
| 6.29 | AZAN MAGHRIB | 6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN | | SELASA 5 JUN | |
| 6.35 | AL-QURAN | 6.02 AL-QURAN | | PAGI | |
| 6.45 | BIMBINGAN MUKMIN | 6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung | | 6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN | |
| MALAM | | 9.00 BERITA | | 6.02 AL-QURAN | |
| | | 11.40 JEJAK RASUL SIRI 5 - Ulangan | | 6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung | |
| | | | | 7.00 LAGU KEBANGSAAN | |
| 7.00 | LIPUTAN SEMASA | 9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan | | 7.42 AL-QURAN | |
| 7.25 | SIHAT CERGAS - Ulangan | 10.00 SUSUNAN RANCANGAN | | SUSUNAN RANCANGAN | |
| 7.44 | AZAN ISYAK | 10.15 SESAME STREET | | 4.12 ANIMATION HOUR : BETTLE JUICE/YOCKIES | |
| 7.50 | SIHAT CERGAS - Sambungan | 11.15 MEKAR | | 4.15 THE SECRETS OF THE DEEP II - 'The Hunt For Atlantis' | |
| 8.00 | BERITA NASIONAL | 11.30 BERITA | | 5.00 THE SECRETS OF THE DEEP II - 'The Hunt For Atlantis' | |
| 8.50 | TEKAD | 11.40 | | 5.45 BERITA | |
| 9.05 | DRAMA CO PRODUCTION - CATATAN MISTERI | DISCOVER ISLAM: BILAL PHILIPS | | 5.55 WILD DISCOVERY - Sambungan | |
| 9.45 | PERSPECTIVE PLUS | 12.15 SEMBAHYANG FARDU | | 6.00 DRAMA CO PRODUCTION: AZAM - Ulangan | |
| 10.00 | NEWS AT 10 | 12.30 JUMAAT - Siaran Langsung | | 6.31 AZAN MAGHRIB | |
| 10.30 | PERSPECTIVE PLUS - Sambungan | PETANG | | 6.38 AL-QURAN | |
| 10.45 | VENGEANCE UNLIMITED - 'Vendeta' | 1.10 PANGGUNG PETANG | | 6.45 BIMBINGAN MUKMIN | |
| 11.40 | DOA DAN SIARAN TAMAT | 1.10 SABTU: - 'Contact' | | MALAM | |
| KHAMIS 31 MEI | | 1.30 KAMPUNG KITA- Ulangan | | 7.00 MALCOLM IN THE MIDDLE 'The Bots And The Bees' | |
| PAGI | | 2.40 SPECIAL OPS FORCE - 'Charade' | | 7.25 DOKUMENTARI TEMPATAN: GAYA HIDUP | |
| | | 3.10 DOSEN: - 'Deadly Buds' | | 7.46 AZAN ISYAK | |
| | | 3.44 AZAN ASAR | | 7.51 DOKUMENTARI - Sambungan | |
| | | 3.50 TAYANGAN GAMBAR - 'Michael Jordan : The Road To Victory' | | 8.00 BERITA NASIONAL | |
| | | 4.45 ANIMATION HOUR: MARSH POWERPUFF GIRL | | KAMPUNG KITA - Kampong Sukang' Edisi 1 | |
| | | 4.45 DOKUMENTARI - 'Bomba' | | 8.50 KAMPUNG KITA - Kampong Sukang' Edisi 1 | |
| | | 5.45 BERITA | | 9.25 E.R - 'Power' | |
| | | 6.00 DRAMA RTB : OPIS - Ulangan | | 10.00 NEWS AT 10 | |
| | | 6.30 AZAN MAGHRIB | | 10.30 E.R - Sambungan | |
| 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN | 6.37 DIKIR MAULUD | | 10.45 SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD S.A.W. | |
| 6.02 | AL-QURAN | 6.45 BIMBINGAN MUKMIN | | 1422/200HM | |
| 6.12 | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung | MALAM | | ANIMATION HOUR : C.O.P.S/LITTLE BEAR | |
| | | 5.30 SYIAR MASJID | | 11.30 KLINIK KITA - Sambungan | |
| | | 5.45 BERITA | | 12.20 AZAN ZUHUR | |
| 9.00 | BERITA | 7.00 DUNIA ASIA | | 12.30 DRAMA CO PRODUCTION: 'Arah Kembal' | |
| 9.15 | RAMPAI PAGI - Sambungan | 7.25 KLINIK KITA | | 1422/2001 M - Ulangan | |
| 10.00 | SIARAN TAMAT | 7.45 AZAN ISYAK | | DOCS: DOCUMENTARY | |
| PETANG | | 7.48 KLINIK KITA - Sambungan | | 1.50 TAYANGAN GAMBAR | |
| | | 8.00 BERITA NASIONAL | | 2.45 MELAYU - 'Syukur 21' | |
| | | 8.50 VARIASENI | | 12.15 DOA DAN SIARAN TAMAT | |
| 4.00 | LAGU KEBANGSAAN | 10.00 NEWS AT 10 | | | |
| 4.02 | AL-QURAN | 10.30 BOLA SEPAK LIGA | | | |
| 4.12 | SUSUNAN RANCANGAN | MALAM | | | |
| 4.20 | ANIMATION HOUR : DENVER: THE LAST DINOSAUR/FERDY | PERDANA PREMIER 2 - 'Negara Brunei Darussalam Iwn Polis' | | | |
| | | 12.00 DOA DAN SIARAN TAMAT | | | |

Belia Belia Belia Belia

Pemidato yang baik mesti mampu kuasai bahasa

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Mei. - Pertandingan Peringkat Akhir Pidato Belia akan berlangsung pada 9 Jun, 2001, sementara peringkat saringan bermula pada 26 Mei di Pusat Belia di ibu negara.

Sehubungan dengan itu, Bengkel Pidato Belia telah diadakan dengan disertai kira-kira 40 orang peserta yang mewakili sekolah, maktab dan persatuan-persatuan. Bengkel sehari itu dikendalikan oleh seorang pegawai kanan Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Osman bin Pehin Siraja Khatib Haji Tamin dengan nama penanya Mas Osman.

Dalam bengkel itu, beliau membentangkan tiga kertas kerja iaitu mengenai pidato, teknik menyediakan bahan pidato dan teknik pidato/amali.

Menurut beliau, untuk menjadi pemidato yang ulung, baik dan mampu menarik perhatian 'audience' sebenarnya terletak pada diri pemidato itu sendiri. Kemampuannya menguasai bahasa dengan baik dan dikuatkan dengan kemampuan perbendaharaan kata yang cukup banyak, akan menjadikannya mampu menggunakan kata-kata yang berbagai-bagai.

Adalah jelas katanya, bahawa mengumpul bahan, merancang bahan dan seterusnya menyusun/menghuraik teks pidato memerlukan kelutanan bagi hasil memuaskan. Pemidato yang mampu dan berupaya menyediakan teks pidato dengan baik juga mampu meran-

Oleh Haji Ahmad HS

cangnya dengan teliti adalah petanda yang dirinya (pidato) akan terus berjaya dalam bidang pidato, katanya.

"Pemidato yang mampu mengawal dirinya daripada gugup/kebingungan akan berhasil berucap dengan lancar, berkesan, bertenga dan tenang. Tidak merasa gugup sewaktu berpidato akan menjadikan seorang itu lebih yakin dan dia akan mampu memanfaatkan segala ilmu mengenai berpidato ini dengan sebaik-baiknya," ujarnya.

Katanya, di antara perkara yang perlu diingat oleh pemidato ialah konsep menghormati khalayak, iaitu sikap bersopan santun, berbudi bahasa dan tahu menggunakan panggilan hormat pada individu tertentu supaya 'audience' tidak tersinggung.

"Mengawal nada suara supaya bersesuaian dengan 'audience' dan majlis akan menjadikan pemidato itu diterima dan diminati," tegasnya.

Bengkel tersebut adalah anjuran Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Brunei dan Muara dengan tujuan memperbaiki isi kandungan pidato supaya tidak terkeluar daripada tajuk, memperbaiki bahasa yang digunakan supaya tidak bercampur aduk dan menepati dengan bahasa yang dikhaskan dan sebagai persiapan untuk Hari Pengucapan (Pidato) Belia.



PEGAWAI Kanan Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Osman bin Pehin Siraja Khatib Haji Tamin ketika mengendalikan Bengkel Pidato Belia yang dihadiri oleh lebih 40 orang peserta. — Gambar oleh Abdullah HAD.

PERKHEMAHAN BELIA ASEAN (Bahagian I)

NEGARA Brunei Darussalam sebagai salah sebuah negara anggota Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) akan menyertai Perkhemahan Belia ASEAN yang ke-3 yang akan diadakan di Kuantan, Pahang, Malaysia mulai 11 hingga 22 Jun, 2001.

Pada tahun ini, Malaysia selaku tuan rumah telah pun menetapkan tema - 'Perjalanan Ke Arah Kesatuan'. Peserta-perkhemahan ini terdiri daripada kaum belia daripada semua ahli-ahli negara ASEAN.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku penyelaras melalui komiti Nasional ASEAN-COCAI Negara Brunei Darussalam akan menghantar wakil seramai enam orang iaitu seorang ketua rombongan, dua orang 'Visual Arts', dua orang 'Creative Writer' dan seorang 'Performing Artist' ke program tersebut. Mereka terdiri daripada :

1. Awang Haji Duraman bin Haji Chuchu, Pegawai Jabatan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan.
2. Awang Md. Amirul bin Haji Tajuddin, UBD.
3. Awang Den Fadly bin Haji Jawawi, UBD.
4. Dayang Nurulhazwa binti Haji Hasheim, Maktab Duli.
5. Awang Abdul Hafiz bin Haji Ali Hassan, Maktab Duli.
6. Dayang Khairunnisa binti Haji Ibrahim, Maktab Sains.

Perkhemahan Belia ASEAN ini mengetengahkan kaum belia terutama golongan artis di mana peranan mereka adalah mustahak untuk mengekalkan, mendorong dan menyebarluaskan seni dan budaya masing-masing. Ia juga memberi peluang kepada artis belia yang lebih sensitif kepada budaya, sosial antara peserta ASEAN dan sekali gus untuk melatih mereka menjadi pemimpin budaya di alaf baru ini.

Aktiviti rantaun ASEAN ini merupakan salah satu projek ASEAN-COCAI (Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan) sejak 1998, di mana perkhemahan yang pertama telah dikendalikan oleh Republik Filipina dan perkhemahan kedua pula diadakan di Thailand. Pada tahun depan, perkhemahan akan diadakan di Myanmar.

SEJARAH PERKHEMAHAN BELIA ASEAN

* Perkhemahan pertama diadakan pada 21 Jun - 4 Julai, 1998 di San Pablo City, Laguna, Republik Filipina.

* Tema - 'Menghormati Alam Semulajadi Melalui Seni' (Honoring Nature Through The Arts).

* Disertai oleh sembilan negara ASEAN termasuk Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia, Myanmar, Persekutuan Republik Rakyat Lao, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Viet Nam. Peserta perkhemahan terdiri daripada pegawai kerajaan, penuntut dan artis-artis yang mahir dalam seni penulisan dan lukisan.

* Perkhemahan kedua diadakan pada 6 - 20 Mac, 1999 di Thailand.

* Tema - 'Arkeologi Berhubung Dengan Seni dan Alam Sekitar' (Archeology In Relation with Arts and Environment).

* Disertai oleh lima wakil peserta daripada Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia, Myanmar, Persekutuan Republik Rakyat Lao, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Sila ikuti keluaran PELITA BRUNEI minggu depan untuk mengetahui lebih lanjut aktiviti-aktiviti Perkhemahan Belia ASEAN dan syarat-syarat untuk menyertai perkhemahan tersebut.

(Sumbangan daripada Meja Penerangan ASEAN, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Sekretariat Nasional ASEAN-COCAI dan Jabatan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan).



لی. بی. دی. بی. داپد ۲۱ - کاره کرکسون ڈرٹاھن

"ABDB DI ABAD 21- Ke Arah Keberkesanan Pertahanan"



**SEMPENA ULANG TAHUN ABDB
PADA 31 MEI 2001**



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam



MESRA Kemesraan antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng sentiasa terjalin sejak sekian lama (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam ketika berkenan bergambar kenangan bersama Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng dan Madam Zhu Lin sejurus selepas Majlis Santap Malam berlangsung. Juga kelihatan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (atas). Sementara gambar kiri, baginda dan Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng di Majlis Santap Malam yang berlangsung di Istana Nurul Iman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng dan rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



KEMESRAAN antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng memang sentiasa terjalin, lebih-lebih lagi kedua-dua buah negara iaitu Republik Rakyat China dan Negara Brunei Darussalam sendiri sering mengadakan lawatan negara sama ada di peringkat ketua negara dan pegawai-pegawai kanan kerajaan (atas).



GAMBAR kiri, baginda dan Tuan Yang Terutama serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berangkat ke Dewan Persantapan. Manakala gambar bawah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berangkat di Majlis Mengadap.

Dikir Maulud diadakan 12 malam berturut-turut

PERARAKAN MAULUD

4 JUN DEPAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 MEI - Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara akan berlangsung pada 4 Jun depan di semua daerah di negara ini. Taman Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien merupakan tumpuan utama peringkat negara dengan perarakan mengelilingi ibu negara yang akan bermula 7.30 pagi.

Schubungan itu, bagi memeriahkan Sambutan Maulud tersebut, Majlis Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut telah bermula pada 22 Mei di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara di sini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya mengetua bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai di Majlis Dikir Syarafil Anam yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di

Oleh Haji Ahmad HS

Awang Yahya yang juga mengetua bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai hadir selaku tetamu kehormat.

Sesumalah empat buah pasukan yang terdiri daripada pegawai-pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Jabatan Pengajian Islam, guru-guru agama, penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Dewan Bahasa dan Pustaka, masing-masing membawakan Dikir Assalai, Badat, Asyarakal dan Marhaban.

Sementara itu, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah juga mengadakan majlis yang sama.

Tetamu kehormat di majlis itu adalah Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Pengiran Dato Paduka Haji Maidin yang juga mengetua bacaan Surah Al-Faatihah.

Selama 12 malam berturut-turut, lebih kurang 60 buah pasukan lelaki dan perempuan menyertai dikir bagi memeriahkan lagi majlis tersebut.

Selain masjid-masjid utama di negara ini, beberapa buah masjid, surau, balai ibadat dan orang-orang perseorangan juga mengadakan majlis yang sama.

Di samping kita digalakkan memeriahkan sambutan keputeraan Nabi junjungan kita, kita juga dianjurkan untuk memperbanyakkan selawat ke atas Baginda Rasulullah.



CUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah binti Pengiran Anak Dato Laila Utama Haji Abdul Rahim berkenan menaiki kuda ketika Yang Amat Mulia berkenan melawat Trijaya Equestrian Park, Jerudong. Bersama Yang Amat Mulia ialah lebih seratus murid-murid Sekolah YAYASAN SHHB. - Gambar oleh Harun HR.

Sekolah Yayasan SHHB lawat Equestrian Park, Jerudong

Oleh Haji Ahat HI

JERUDONG, 22 Mei. - Serombongan 100 orang kanak-kanak dan murid-murid Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Trijaya Jerudong Equestrian Park di sini.

Menyertai lawatan tersebut ialah cunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah binti Pengiran Anak Dato Laila Utama Haji Abdul Rahim.

Semasa lawatan tersebut, mereka antaranya telah menyaksikan beberapa aksi persembahan menunggang kuda serta berkesempatan menyaksikan bengkel membuat tapak kasut kuda dan melawat klinik haiwan.

Menurut Cikgu Dayang Hajah Zainab binti Wahab, lawatan kali pertama itu bertujuan untuk memperkenalkan dan memberikan pendedahan dan pengalaman ilmiah secara langsung kepada kanak-kanak taman asuhan dan murid-murid sekolah berkenaan.

Selain daripada itu, lawatan tersebut juga bertujuan untuk memberikan pengetahuan kepada orang ramai mengenai aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh sekolah tersebut.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya mengetua bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai di Majlis Dikir Syarafil Anam yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara. - Gambar oleh Abdullah HAD.



MAJLIS Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit sempena Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-40. - Gambar oleh Masri Osman.

Majlis Bertahlil sempena 40 tahun ABDB

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mei. - Seramai lebih kurang 100 orang anggota dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah mengadakan Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Majlis tersebut berlangsung di Kubah Makam Diraja yang disempenakan memperingati Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-40.

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejor Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar mengetua majlis tersebut. Pegawai-pegawai tinggi dan anggota dari angkatan tentera di dalam ABDB juga hadir di majlis itu.

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menyambut hari ulang tahunnya pada setiap 31 Mei.

Menamatkan lawatan negara

BERAKAS, 23 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongres Kebangsaan Rakyat, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng dan Puan Zhu Lin.

Oleh Abu Bakar HAR

Tuan Yang Terutama meninggalkan negara ini setelah mengadakan lawatan rasmi selama tiga hari yang bertujuan bagi meningkatkan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Semasa berada di negara ini, Tuan Yang Terutama telah

mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta berbincang mengenai perkara-perkara dua hala, serantau dan antarabangsa yang menjadi perhatian bersama.

Turut berangkat ke lapangan terbang bagi mengucapkan selamat belayar ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkenan mengucapkan selamat belayar kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongres Kebangsaan Rakyat, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Li Peng dan Puan Zhu Lin. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



PENGARAH Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Dr. Hashim bin Haji Md. Sum menyampaikan sijil kepada seorang guru sains sekolah rendah setelah menamatkan Kursus Singkat Matematik dan Sains. Majlis berlangsung di Kementerian Pendidikan. - Gambar oleh Masri Osman.

Dilantik menjadi Pengarah Keselamatan Dalam Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan Awang Haji Jemal bin Haji Ampal (gambar kanan), Pengarah Penyelidikan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dilantik menjadi Pengarah Keselamatan Dalam Negeri di Jabatan Perdana Menteri mulai 22 Mei, 2001, bagi mengantikan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman bin Kani.

Siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri menjelaskan mulai dari tarikh tersebut, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman bin Kani tidak lagi menjadi Pengarah Keselamatan Dalam Negeri, di Jabatan Perdana Menteri.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersalaman dengan Duta Besar Republik Rakyat China ke negara ini sejurus sebelum berangkat ke Republik Rakyat China. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Berangkat ke R. R. China

BERAKAS, 22 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berkenan berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam bagi lawatan kerja ke Republik Rakyat China.

Menurut siaran akhbar Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam, semasa lawatan itu, Duli Yang Teramat Mulia akan menghadiri Mesyuarat Ketiga Menteri-Menteri Luar Asia-Eropah (ASEM) dan mengadakan beberapa perbincangan dua hala di Beijing, Shenzhen dan Hong Kong.

Guru sains dan matematik terima sijil

BERAKAS, 19 Mei. - Seramai 43 orang guru-guru matematik dan sains fasa II daripada 14 buah sekolah-sekolah rendah kerajaan di seluruh negara telah menerima sijil setelah menamatkan Kursus Singkat Matematik dan Sains dalam dua kumpulan yang berasingan pada bulan Mac 1999.

Majlis yang berlangsung di Bilik Persidangan Utama di Kementerian Pendidikan di sini, penyampaian sijil-sijil kepada 23 orang guru sains sekolah rendah disampaikan oleh Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Dr. Hisham bin Haji Md. Sum, sementara Dekan Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Hajah Zaiton binti Haji Mohd. Taha menyampaikan sijil-sijil kepada 20 orang guru matematik.

Terdahulu dari itu, enam orang guru masing-masing menyampaikan kertas kerja mereka.

Penubuhan Projek Guru-guru Khusus Matematik dan Sains Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan ini adalah hasil daripada perancangan yang berlatarbelakangkan antara lain kepada harat untuk memperkuuh serta mempertingkatkan lagi pengetahuan asas dan pembelajaran murid di sekolah-sekolah rendah kerajaan dalam dua mata pelajaran berkenaan.

Memandangkan kedua-dua bidang pelajaran ini memerlukan asas yang kukuh di peringkat rendah bagi kepentingan selanjutnya pada peringkat menengah dan tertinggi, usaha-usaha dan langkah-langkah ke arah mempertingkatkan dan mengukuhkan asas-asas di bidang matematik dan sains wajar diberi perhatian yang serius terutama oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Dalam menyediarkan kepentingan tersebut, persepsi pihak Kementerian Pendidikan, Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan

Oleh Siti Muslihat HS

melalui Jawatankuasa Projek Guru-guru Khusus Matematik dan Sains Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan (DOSME), dengan usaha sama pihak Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam dan Jabatan Sekolah-Sekolah kemudiannya memberikan kursus intensif selama sebulan pada bulan November 1994 kepada seramai 54 orang guru-guru fasa I yang dikenal pasti berpotensi daripada 12 buah sekolah-sekolah yang menyertai projek tersebut yang dipilih di sekitar Daerah Brunei dan Muara.

Selain diberikan bimbingan yang berupa ilmu pengetahuan dan perkembangan baru dalam mata-mata pelajaran tersebut, guru-guru telah diberikan peluang untuk menjalankan 'penyelidikan tindakan' atau 'action research' yang mereka lakukan melalui bengkel-bengkel yang telah dirancang.

Strategi perlaksanaan Projek Fasa II mempunyai sedikit perbezaan daripada fasa I kerana guru-guru projek dimestikan menyampaikan laporan kertas kerja mereka dalam bengkel-bengkel yang dirancang sebelum dianugerahkan sijil penyertaan kursus.

Adalah diharapkan melalui dialog dan interaksi yang sihat semasa mengikuti bengkel-bengkel seperti ini, guru-guru projek akan lebih dapat meningkatkan dan memperbaiki lagi teknik-teknik pengajaran mereka di sekolah.

Kegiatan membuat penyelidikan tindakan ini telah sedikit sebanyak dapat menimbulkan beberapa peringkat pengetahuan pedagogi, nilai-nilai dan apresiasi dalam bidang matematik dan sains.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Datin Paduka Dayang Hajah Azizah ketika menyaksikan Pameran Sempena 40 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka sejurus merasmikan sambutan tersebut, Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu dan Seminar Kesusastraan III MASTERA. Juga kelihatan hadir ialah Pengarah DBP, Dato Paduka Awang Haji Alidin. — Gambar ihsan DBP.

DBP capai beberapa kemajuan

BERAKAS, 21 Mei. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sejak 40 tahun penubuhannya, telah membuat beberapa kemajuan dalam membina dan mengembangkan bahasa dan sastera di negara ini, di samping penglibatannya di peringkat serantau dan antarabangsa.

Pengarah DBP, Dato Paduka Awang Haji Alidin dalam mengimbas kembali perkembangan yang dicapai menjelaskan, jubahannya telah mewakili negara ini dalam Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia atau MABBIM sebagai anggota penuh sejak tahun 1985 dan Majlis Sastera Asia Tenggara atau MASTERA sejak tahun 1996.

Baru-baru ini, katanya, DBP juga diundang untuk mewakili negara dalam Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu atau MABM dan Forum Kerjasama Penerbitan Serantau (FOKEPS). Dalam bidang perpustakaan pula, DBP jelasnya terlibat dalam Kongres Perpustakaan Bagi Asia Tenggara (CONSAL).

"Sebagai penerbit, DBP telah menerbitkan 800 tajuk buku dan majalah yang antaranya termasuklah Kamus Bahasa Melayu Brunei, Kamus Bahasa Melayu Tutong dan tidak lama lagi ialah Kamus Tiga Negara iaitu satu projek besar yang disumbangkan oleh Negara Brunei Darussalam kepada perkembangan bahasa Melayu yang diusahakan dengan bantuan pakar perkamus dari

Oleh Siti Muslihat HS

Republik Indonesia dan Malaysia," jelas Dato Paduka ketika mendekah antara kemajuan dan pencapaian DBP.

Berucap menyampaikan kata-kata aluan di Majlis Pelancaran Sambutan 40 Tahun Penubuhan DBP, perasmian Seminar Bahasa Sastera dan Budaya Melayu dan Seminar Kesusastraan III MASTERA yang berlangsung di Dewan Sarmayuda DBP di sini, Dato Paduka juga menggariskan beberapa tujuan sambutan diadakan.

Antara tujuan dan faedah sambutan yang dilancarkan katanya, ialah untuk menemukan semula para pegawai dan kakitangan DBP yang dulu dengan para pegawai dan kakitangan yang baru.

Selain itu, ianya juga menurut Dato Paduka, diharatkannya sebagai suatu-satu pencapaian DBP dalam perlaksanaan tugas, peranan dan fungsi sambil memikirkan apakah langkah dan tindakan akan datang yang perlu diambil untuk lebih memantapkan lagi sebagai usaha berterusan.

Di samping itu, sambutan tersebut juga memberikan peluang kepada semua pihak termasuk orang ramai untuk menyaksikan Pameran DBP yang diselenggarakan oleh setiap bahagian.

Mengimbas kembali sejarah penubuhan, DBP diwujudkan adalah untuk melaksanakan kehendak Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dalam Bab 82(1)(a) iaitu untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negeri Brunei.

Di samping melaksanakan kehendak Perlembagaan tersebut, DBP juga melaksanakan lima tujuan dasar iaitu antaranya berusaha dan berikhair mengem-

DBP DISARAN TUBUHKAN KOMITI 'MUHASABAH DIRI'



Oleh Siti Muslihat HS

BERAKAS, 21 Mei. - Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyarankan supaya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), menuhubkan sebuah Komiti 'Muhasabah Diri' yang berfungsi untuk menyelusuri perlaksanaan dasar-dasar penubuhannya sepanjang 40 tahun, khususnya yang melibatkan pengembangan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Berucap merasmikan tiga acara iaitu sempena Majlis Pelancaran Sambutan 40 Tahun Penubuhan DBP, Perasmian Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu dan Seminar Kesusastraan III MASTERA yang berlangsung di sini, Datin Paduka Dayang Hajah Azizah berharap penubuhannya nanti dapat dijadikan sebagai usaha 'berfikir dan mengambil ikhtiar'.

"Saya kira perkara ini dapat dilaksanakan dengan bantuan pakar-pakar dari institusi pendidikan tinggi yang terdapat di negara kita, dan juga kita amat beruntung kerana semua mantan Pengarah DBP masih ada bersama kita, yang mereka ini dapat dijadikan sumber tentang usaha-usaha awal pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi," jelasnya.

Menurutnya lagi, bahasa Melayu pada masa sekarang sudah jauh berubah dibandingkan dengan pada tahun-tahun awal kegiatan pendaulatan bahasa Melayu, di mana ketika itu slogan 'Bahasa Jiwa Bangsa' sentiasa dihidangkan sebagai santapan rohani warga bangsa, dalam pelbagai lagu patriotik yang menyemarakkan kempen-kempen kebahasaan.

"Kita sekarang sudah jarang mendengar slogan 'Bahasa Jiwa Bangsa', tidak ada kempen-kempen penggalakan penggunaan bahasa Melayu, dan komposisi serta kualiti penutur bahasa Melayu itu juga jauh berubah.

Ini disebabkan perubahan-perubahan dalam masyarakat, mobiliti kependudukan, perubahan sistem nilai, keterbukaan kepada pengaruh-pengaruh luar melalui media massa, dan satu faktor yang paling berpengaruh adalah peningkatan kualiti pendidikan yang diterima oleh warga bangsa," tegaskan dengan penuh kepercayaan.

Dalam hubungan ini, Datin Paduka berpendapat, cabaran kepada bahasa Melayu sekarang ialah bukan lagi sama ada ia dapat atau tidak dijadikan sebagai bahasa pengantar di institusi-institusi pendidikan tinggi atau bahasa jentera pentadbiran tetapi yang penting katanya, bagaimana ia dapat bergerak atau maju dengan kadar yang sama dengan perkembangan ilmu pengetahuan yang begitu pantas pertumbuhannya.

Dalam apa juar keadaan dan perkembangan, DBP sebagai mercu tanda perjuangan ke arah pendaulatan bahasa Melayu perlu menanai tanggungjawabnya dengan penuh iltizam.

"Setiap pegawai dan kakitangan DBP hendaklah 'berfikir dan mengambil ikhtiar' bahawa usia akan lebih bermakna dan relevan sekiranya dibubuh dengan perisian yang berkualiti," demikian tegas Datin Paduka sebelum mengakhiri ucapan di majlis ini.

Datin Paduka Dayang Hajah Azizah juga melancarkan sebuah buku yang berjudul 'Bahasa Jiwa Bangsa' Jilid 3 sempena Sambutan 40 Tahun Penubuhan DBP. — Gambar oleh Abdullah HAD.



DATIN Paduka Dayang Hajah Azizah melancarkan sebuah buku yang berjudul 'Bahasa Jiwa Bangsa' Jilid 3 sempena Sambutan 40 Tahun Penubuhan DBP. — Gambar oleh Abdullah HAD.

TOKOH BERJASA DBP 2001

Oleh Siti Muslihat HS

di Majlis Perasmian Sambutan 40 Tahun DBP di sini ialah anak kepada Yang Dimuliakan selaku wakil iaitu Awang Haji Hasanol As'Shari.

Tokoh yang dipilih merupakan penggerak minda dalam memartabatkan bahasa Melayu di negara ini sehingga tertubuhnya institusi kebaasan yang ulung di negara ini dan beliau merupakan Pengarah Lembaga Bahasa, iaitu apabila institusi berkenaan direstui oleh kerajaan.

Apabila Lembaga Bahasa ditukar namanya menjadi Dewan Bahasa dan Pustaka, beliau merupakan Pengaruhnya yang pertama dan memegang jawatan itu sehingga bersara pada tahun 1975. Bagaimanapun beliau tetap dilantik menjadi Penasihat kepada Pengarah pada tahun 1976 hingga 1982.

Yang Dimuliakan pada zaman beliaanya begitu aktif dan bersemangat dalam hal-hal pembangunan agama, bangsa dan negara dan berkecimpung dalam pelbagai pertubuhan yang berkaitan dengan pelajaran, kebutuan, bahasa, sastera dan pentadbiran.

Yang Dimuliakan yang dilahirkan di Kampong



YANG Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri dilantik sebagai Tokoh Berjasa DBP 2001.

Hadir untuk menerima beberapa hadiah sumbangan

Sungai Kedayan pada 10 Disember, 1921 berpendidikan Melayu dan boleh bertutur dalam bahasa Inggeris, Jepun dan Arab.

Antara karya yang berjaya dihasilkan ialah Sejarah Brunei Penggal I (bersama Yura Halim); Syair Rakis : Karangan Al-Marhum Pengiran Shahbandar Pengiran Md. Saleh ibnu Pengiran Sarmayud; Catatan Sejarah Perwira-Perwira dan Pembesar-Pembesar Brunei Jilid I; Rancangan Perlaksanaan Dasar Pelajaran Brunei ; Laporan Suruhanjaya Pelajaran Negeri Brunei; Corak Pendidikan Di Brunei Pada Masa Hadapan; Penyair Diraja, Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien; Tarsilah Brunei : Sejarah Awal dan Perkembangan Islam; Latar Belakang Sejarah Brunei; Liku-liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam; Sultan Tengah Sultan Sarawak Pertama dan Terakhir; Perlaksanaan Dasar Melayu Islam Beraja; Survival Brunei Dari Perspektif Sejarah dan Tarsilah Brunei II : Zaman Kegemilangan dan Kemasyhuran dan Adat Istiadat Diraja (dalam proses penerbitan).

Tokoh yang dipilih dikenali sebagai WIJAYA dalam bidang penulisan kreatif terutama penulisan sajak.

Anugerah yang pernah diterimanya ialah Pingat Guru Berjasa; ASEAN Culture Award; Tokoh Guru Berbakti; Penulis Berjasa dan Pemikir Budaya.



ROMBONGAN perdagangan Kanada yang diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Neil Reeder ketika membuat kunjungan kepada Menteri Perhubungan yang juga Pemangku Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria. - Gambar oleh Halim HS.

Semua pihak diseru bendung kemerosotan pelajaran sains dan matematik

Oleh Haji Ahat HI

GADONG, 18 Mei. - Seramai 93 orang murid daripada 15 buah sekolah-sekolah rendah seluruh negara telah menyertai Program Anugerah Saintis dan Teknologi Muda 2001 anjuran Persatuan Pendidikan Sains Brunei (BASE), bertempat di Pusat Perniagaan Holtikultur Rimba, Gadong di sini.

Program bertemakan 'Keceleikan Saintifik dan Teknologi Untuk Semua' itu dirasmikan oleh Pemangku Pengarah Pertanian Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohiddin. Beliau menyeru semua pihak membendung kemerosotan mata pelajaran sains dan matematik dalam peperiksaan PCE agar tidak berlanjut hingga ke sekolah menengah.

Usaha mempertingkatkan minat di kalangan penuntut dalam mata pelajaran berkenna tambahnya, perlu dilaksanakan agar bilangan mereka dalam aliran sains akan terus meningkat.

Kegiatan merayau-rayau, menonton televisyen dan bermain permainan elektronik hanya membuang masa dan tidak dapat membantu dalam persiapan menghadapi cabaran hidup masa depan, katanya.

Program Anugerah Saintis dan Teknologi Muda 2001 itu antaranya bertujuan untuk meningkatkan sektor pertanian sebagai penyumbang penting kepada perkembangan ekonomi Negara Brunei Darussalam selain memperkaya pendekatan aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru-guru sains di sekolah rendah.

Di samping itu program tersebut juga bertujuan untuk membentuk minat dan sikap positif di kalangan kanak-kanak terhadap pertanian dan menyemai kesedaran di kalangan pelajar-pelajar terhadap kepentingan sains, teknologi serta kemajuan perkembangan sosioekonomi negara.

Program anjuran BASE dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Pusat Kerja-sama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP Centre) dan Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad itu berlangsung selama tiga hari.



PEMANGKU Pengarah Pertanian, Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohiddin ketika menyaksikan Pameran Program Anugerah Saintis dan Teknologi Muda 2001 anjuran Persatuan Pendidikan Sains Brunei (BASE). Majlis berlangsung di Pusat Perniagaan Holtikultur Rimba, Gadong. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPM.

Semua orang berpotensi untuk cemerlang

Oleh Samile HJ

BERAKAS, 17 Mei. - Orang cemerlang mesti menyedari hakikat setiap masalah berpunca daripada diri kita sendiri dan kita yang perlu menyelesaikannya.

"Semua orang mempunyai potensi untuk cemerlang tetapi agak malang jika potensi itu tidak dipraktikkan," jelas Dato Dr. Haji Mohd. Fadzillah Kamsah ketika menyampaikan Ceramah Motivasi 'Kecemerlangan Dalam Motivasi dan Keseronokan Bekerja' di Kementerian Pembangunan, di sini.

Pakar motivasi dari Malaysia itu berkata, sejak pemerhatiannya selama 21 tahun, sifat yang membezakan orang yang cemerlang dan tidak ialah orang cemerlang suka melakukan perkara yang orang gagal tidak suka lakukan.

Menurutnya, antara inti orang cemerlang tidak pernah meninggalkan sembahyang, mempunyai hati yang bersih, tidak membenci orang lain, tidak ada musuh serta mempunyai rezeki yang berkat.

Orang yang cemerlang juga sentiasa berbaik sangka kepada orang lain selain segera bertaubat membersihkan kesilapan diri, sambil sentiasa bermaaf-maafan sebelum berpisah dengan kawan-kawan.

Katanya, pembangunan diri yang berterusan bermakna pembelajaran yang berterusan yang mana orang yang berjaya ialah orang yang tahu menggunakan kekuatan dirinya secara produktif.

Menurutnya, ramai manusia tahu apa yang perlu dilakukan, tetapi terlalu sedikit yang melakukan apa yang mereka tahu.

Ceramah Motivasi anjuran Kementerian Pembangunan itu diharap akan membuka minda ke arah menjadi pegawai dan kakitangan yang cemerlang.

Brunei, Kanada wujudkan hubungan perniagaan

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Mei. - Beberapa kesepakatan perniagaan diwujudkan antara Negara Brunei Darussalam dan Kanada, dalam usaha ke arah meningkatkan lagi hubungan perniagaan antara kedua-dua buah negara.

Serombongan perwakilan perniagaan dan pelaburan dari Kanada kini berada di negara ini dengan harapan bagi meningkatkan usaha kongsi sama, dan mencari peluang baru dalam bidang perdagangan antara syarikat-syarikat Kanada dan tempatan.

Lawatan dua hari itu bertujuan mengembangluaskan lagi kerjasama perdagangan dan pelaburan dua hala antara kedua-dua buah negara, di samping lebih menumpukan kepada perbincangan yang membabitkan sektor seperti perhubungan, kewangan dan pertanian.

Dari pertama lawatan, rombongan perdagangan Kanada yang diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Neil Reeder telah

membuat kunjungan muhibah kepada Menteri Perhubungan yang juga Pemangku Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria yang berlangsung di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di sini.

Dalam pertemuan itu, kedua-dua pihak telah membincangkan mengenai peluang perdagangan dan pelaburan untuk diperkenalkan dan dikembangkan di negara ini.

Pihak Kanada berharap untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan dua hala dengan Negara Brunei Darussalam, di mana negara ini sedang giat berusaha mempelbagaikan ekonominya dan menjadikannya lebih kompetitif di arena ekonomi global.

Misi perdagangan itu juga berusaha untuk memperkenalkan peluang-peluang perdagangan dan pelaburan di antara Kanada dan syarikat-syarikat tempatan di negara ini.

Tuan Yang Terutama Tuan Neil Reeder dalam temu bualnya pihaknya dengan media berakta, ketika ini terdapat dua rakan kongsi niaga dalam sektor minyak dan gas yang dapat membantu mengukuhkan ekonomi Negara Brunei Darussalam di samping mengeratkan lagi hubungan dua

Oleh Aliddin HM

Belait yang telah membuktikan kejayaan bagi kedua-dua buah negara.

Menurutnya mereka juga mempunyai peluang eksport yang baik dalam sektor telekomunikasi.

Kanada katanya, kini berusaha untuk mendapatkan perkhidmatan kewangan setelah perdagangan pertahanannya mendapat saman-but yang menggalakkan.

Tuan Yang Terutama juga menjelaskan bahawa syarikat tersebut juga berminat berkongsi kepakaran dan pengalaman mereka dengan syarikat tempatan yang sekali gus dapat membantu mengukuhkan ekonomi Negara Brunei Darussalam di samping mengeratkan lagi hubungan dua

Tambahnya, lebih penting lagi hasil keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Kanada tahun lalu menunjukkan kesungguhan kedua-dua buah negara kerajaan untuk mengadakan kegiatan perdagangan dan lebih banyak pelaburan.



PAKAR motivasi dari Malaysia, Dato Dr. Haji Mohd. Fadzillah Kamsah ketika menyampaikan Ceramah Motivasi 'Kecemerlangan Dalam Motivasi dan Keseronokan Bekerja'. Majlis berlangsung di Kementerian Pembangunan. - Gambar oleh Hamadi HM.

SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN



SELAMAT BERAKSI Pasukan-pasukan diperkenalkan kepada tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin sejurus sebelum perlawanan bermula. — Gambar oleh Masri Osman.

55 pasukan rebut piala Rakan Tiga Media

SEJUMLAH 55 buah pasukan daripada pelbagai pertubuhan bola sepak dan kelab menyertai Kejohanan Bola Sepak Lima Orang Sepasukan merebut Piala Rakan Tiga Media yang dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin, di Kompleks Sukan Menglait, Gadong.

Kejohanan bagi pemain berumur dari 14, 15 dan 16 tahun itu merupakan salah satu projek pembangunan bola sepak remaja yang dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan,

Oleh Haji Ahat HI

Pertubuhan Bola Sepak Daerah Brunei dan Muara (PBDMB) dan Rakan Tiga Media.

Pengurus Rakan Tiga Media, Awang Ismail bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyatakan, melalui kejohanan itu akan dapat menampilkan lebih banyak pemain muda yang berpotensi untuk diketengahkan.

Dengan penampilan itu tam-bahnya, para pemain akan dapat dilatih dan didedahkan kepada

corak permainan yang bersis-tem dan teratur.

Secara tidak langsung katanya, akan dapat mempersiapkan skuad-skuad muda yang berpengalaman sebagai persiapan bagi penyertaan dalam beberapa kejohanan akan datang yang akan disertai oleh negara.

Hadir di Majlis Pembukaan Rasmi kejohanan itu termasuklah Presiden PBDMB, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran DSLJ Haji Abas dan Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Yussof bin Bakar.

Basikal : Chieng masih di tangga teratas

CHIENG Chiew Lee masih lagi mengekalkan kedudukannya tangga teratas dengan mengutip 122 mata dalam siri perlumbaan sembilan peringkat yang berakhir Disember ini. Beliau muncul juara dalam siri keempat acara lebuh raya 140 kilometer dengan mencatat masa 3:35'46"6 saat menewaskan 47 pelumba yang lain.

Apa yang menarik di perlumbaan itu, seorang pelumba wanita kelab dari Jerman, Kris Borsheim yang bekerja di negara ini menduduki tempat kedua dengan hanya ketinggalan lima minit di belakang diikuti oleh Tony Haji Karim di tempat ketiga 1.13 saat di belakang Kris.

Sementara itu, tempat kedua keseluruhan setelah empat perlumbaan berlalu masih dipegang oleh Abdullah Asgar dengan kutipan 98 mata hanya berjaya di tempat ketujuh, manakala Hatnan Haji Buang di tempat ketiga keseluruhan dengan 91 mata, beliau hanya berjaya di tempat kelima.

Perlumbaan itu hanya disudahi oleh 21 pelumba, manakala selebihnya gagal menamatkan perlumbaan. Kedua-dua panas terik memaksakan pelumba menjimatkan tenaga dengan tidak banyak membuat 'breakaway' namun dua pelumba di awal perlumbaan cuba membuat 'breakaway' tetapi masih dapat diekor oleh kelompok besar.

Kedua-dua berjaya dalam kelompok besar berterusan hingga melintasi persimpangan Sengkarai di Tutong apabila Chieng Chiew Lee dan Hatnan Haji Buang membuat 'breakaway' dan berjaya memisahkan diri, tetapi tidak lama kemudian Abdullah Asgar berjaya mengekori serta meninggalkan kelompok besar lebih tiga minit di

Oleh Haji Ahmad HS

belakang.

Namun setelah mereka memasuki kawasan Kampong Bukit Panggal, lima pelumba daripada kelompok besar berjaya mengekori mereka, dengan keramaian lapan orang pelumba 'pace' mereka semakin mantap sehingga meninggalkan kelompok besar hampir 15 minit di belakang.

Dengan pengalaman yang ada, Chieng Chiew Lee sekali lagi membuat 'breakaway' solo di kawasan Hutan Simpan Berakas meninggalkan tujuh pelumba yang lain lima minit di belakang sehingga ke garis penamat.

Lima lagi perlumbaan akan diadakan bulan Jun, Julai, Ogos, Oktober dan Disember ini bagi menentukan juara keseluruhan individu dan berpasukan.

Seketika ini, kedudukan individu adalah seperti berikut : Chieng Chiew Lee, 122 mata; Abdullah Asgar, 98; Hatnan Haji Buang, 91; Arshad Besar, 68 dan Haji Herman Haji Timbang, 68 mata.

Bagi kategori berpasukan, Pasukan Katok (Chieng Chiew Lee, Abdullah Asgar, Hatnan Haji Buang dan Haji Ismail Pauzi) agak sukar dipintas oleh mana-mana pasukan lain setelah mereka berjaya muncul juara dengan mengutip 13 mata.

Walaupun pada perlumbaan lalu mereka di tempat kedua, juara musim lalu (Paso Bartolo) gagal menamatkan perlumbaan kelmarin, begitu juga dua pasukan yang lain (Pada Bartolo 'A' dan

Sigantarni Alam) dan pada kedudukan seperti ini, Pasukan Katok agak lega bakal dimahkotakan juara berpasukan keseluruhan menjelang penyampaian hadiah penghujung tahun ini.

Akan tetapi baki lima lagi perlumbaan tidak akan disia-siakan kerana juara berpasukan sudah pasti milik mereka. Bagi acara berpasukan diser-

tai oleh empat kumpulan iaitu Katok, Paso Bartolo 'A', Paso Bartolo dan Sigantarni Alam.

Mengikut pihak pengajar perlumbaan bulan Jun ini akan tertumpu pada uji masa perseorangan 45 kilometer, manakala Julai nanti bagi acara kriterium atau 'point race', manakala tiga lagi perlumbaan akan ditentukan kemudian.



PERLUMBAAN basikal sembilan peringkat yang disertai sama oleh pelumba-pelumba lama dan baru. — Gambar oleh Halim HS.

HARI PENERANGAN DI DAERAH BRUNEI-MUARA, 9 JUN

BERAKAS. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri akan mengadakan Hari Penerangan di Daerah Brunei dan Muara bertempat di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas pada hari Sabtu, 9 Jun depan.

Hari Penerangan dikendalikan oleh jabatan berkewenang dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Majlis Perundungan Mukim Berakas 'A' dan Majlis Perundungan Mukim Berakas 'B'. Ianya nanti insya-Allah dijadualkan akan dilancarkan sekitar jam 9.00 pagi oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdulla.

Tujuan Hari Penerangan diadakan antaranya ialah bagi menarik penyertaan orang ramai dalam sama-sama bergerak aktif dalam kerja-kerja penerangan, di samping membina landasan bagi menyampaikan penerangan dan menyebarluaskan maklumat kepada orang ramai dan bagi mendapatkan maklum balas dari

pada orang ramai kepada kerajaan.

Hari Penerangan yang bertemakan 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' juga bertujuan mempromosikan sebahagian daripada kerja-kerja Jabatan Penerangan kepada orang ramai sebagai saluran dua hala bagi menyampaikan maklumat dalam bentuk pendidikan, penerangan dan hiburan.

Acara kemuncak Hari Penerangan pada hari tersebut ialah 'Taklimat Muhibah Penerangan' yang berupa Majlis Dialog antara para penduduk Mukim Berakas 'A' dan Mukim Berakas 'B' dengan perwakilan daripada beberapa buah kementerian serta jabatan kerajaan sejurus selepas majlis pelancaran.

Ianya berperanan dalam menjelaskan kewahaman mengenai isu-isu semasa dalam kerajaan yang diketengahkan oleh masyarakat dalam sama-sama menuju ke arah matlamat dan aspirasi negara.

Isu-isu yang akan ditimbulkan nanti akan dijawab secara langsung oleh pihak-pihak berkewenang dalam kerajaan yang akan sama-sama hadir dalam Taklimat Muhibah Penerangan itu nanti.

Dalam waktu yang sama akan diadakan juga Pameran Penerangan melalui gambar-gambar dan buku-buku terbitan Jabatan Penerangan, di samping pameran mempromosikan kerja-kerja dan aktiviti daripada bahagian-bahagian yang terdapat di jabatan ini. Pameran akan berlangsung hingga ke petang.

Di sebelah petang bermula jam 2.00 akan diadakan sukan ria. Ianya akan disertai oleh para pegawai serta kakitangan Jabatan Penerangan dengan para penduduk Mukim Berakas 'A' dan Mukim Berakas 'B'.

Penglibatan dan kehadiran para penduduk di Mukim Berakas 'A' dan Mukim Berakas 'B' untuk sama-sama menjayakan Hari Penerangan adalah amat bermakna dan menambahkan lagi seri majlis itu nanti.

SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN

Kejohanan Sepak Takraw Sekolah-sekolah ASEAN

ENAM negara anggota ASEAN yang terdiri dari Malaysia, Republik Singapura, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao dan Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah akan menyertai Kejohanan Sepak Takraw Sekolah-sekolah ASEAN Ke-15.

Kejohanan yang akan berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah itu akan bermula dari 9 hingga 16 Jun depan dengan mempertandingkan acara antara regu dan berpasukan.

Upacara pembukaan akan berlangsung pada 11 Jun dan selanjutnya dimulai dengan pertandingan berpasukan hingga 13 Jun, manakala perlawanan antara regu bermula dari 14 hingga 15 Jun.

Sebagai persiapan mengendalikan kejohanan ini, satu Jawatankuasa Tertinggi telah dibentuk dengan dipengerusikan oleh Pengarah Ko-Kurikulum. Orang ramai adalah dialu-alukan hadir untuk menyaksikan kejohanan tersebut dan selanjutnya memberikan sokongan kepada pasukan-pasukan yang bertanding.



MENUNGGU GILIRAN ... Para pemain siap sedia untuk beraksi bagi menjalani ujian pemilihan menyertai Akademi Bola Sepak DPMM di Stadium Mini Jerudong Park. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

PESTABARU anjur Kejohanan Sepak Takraw

PERSATUAN Sepak Takraw Brunei (PESTABARU) akan menganjurkan Kejohanan Sepak Takraw SUTRA merebut Piala PEPSI sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 dan Kejohanan Sepak Takraw Belia Bahaw 22 Tahun.

Kedua-dua kejohanan tersebut terbuka kepada penyertaan pertubuhan-pertubuhan, persatuan-persatuan, kelab-kelab dan jabatan-jabatan serta sektor swasta dari seluruh negara.

Bagi Kejohanan Sepak Takraw Sutra Piala PEPSI, borang penyertaan boleh didapat daripada Haji Abu Bakar bin Kassim, Jabatan Belia dan Sukan; Haji Aji bin Haji Osman, Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Ismail bin Atan, Kompleks Sukan Menglait, Gadong.

Kesemua penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat pada 1 Julai, 2001 dan diselajurkan dengan Mesyuarat Pengurus-pengurus Pasukan di Kompleks Sukan Menglait.

Sementara itu bagi kejohanan bahaw 22 tahun pula borang-borang penyertaan boleh didapat daripada Haji Abu Bakar bin Kassim, Jabatan Belia dan Sukan; Tarip bin Haji Ladis, Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Jalan Kota Batu; Ismail bin Atan, di Kompleks Sukan Menglait, Gadong dan Haji Aji bin Haji Osman, Jabatan Daerah Brunei-Muara.

Kesemua penyertaan bagi kejohanan bahaw umur 22 tahun hendaklah dihantar tidak lewat pada 17 Jun dan diselajurkan dengan Mesyuarat Pengurus-pengurus Pasukan.

Oleh Haji Ahat HI

Program Bola Sepak : BRUNEI AKAN MENJADI KUASA BOLA

NEGARA Brunei Darussalam mungkin akan muncul menjadi kuasa bola sepak di rantau ini sekiranya program-program dan skim-skim yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan pertubuhan bola sepak daerah-daerah dan kelab yang merancang pelbagai skim dan program latihan ketika ini mencapai matlamatnya.

Pandangan itu diluahkan oleh Pengendali Akademi Bola Sepak DPMM dari Republik Slovenia, Sand Sejdinovski, yang melihat kepada sambutan yang diberikan oleh pemain-pemain bola sepak remaja yang menyertai pemilihan Akademi Bola Sepak DPMM di Stadium Mini Jerudong Park minggu lepas.

Sand Sejdinovski, yang berpengalaman melatih pemain bahaw 18 dan 19 tahun Kebangsaan Slovenia dan juga Pengarah Akademi Bola Sepak di West Slovenia menyatakan, pemain-pemain yang menyertai skim dan program itu kebanyakannya mempunyai bakat dan potensi untuk menjadi pemain terbaik.

"Jadinya, bakat pemain-pemain muda ini perlu diasuh dan dibimbing selain memberikan mereka pendedahan dari masa ke semasa dan saya yakin dalam jangka masa tertentu mereka akan me-

Oleh
Haji Ahat Haji Ismail

ningkat," katanya.

Mengenai Program Pemilihan Akademi Bola Sepak DPMM beliau menyatakan bahawa pemilihan meliputi aspek skill, tendangan, hantaran, jaringan, kecerdasan serta persefahaman dan mereka yang terpilih itu akan menjalani pemilihan selanjutnya sebelum menyertai akademi.

Beliau menjelaskan, Akademi Bola Sepak DPMM itu merupakan projek jangka panjang ke arah mempertingkatkan mutu permainan bola sepak bagi Kelab Bola Sepak DPMM dan peringkat kebangsaan.

"Penyertaan ramai pemain ini amat menggembirakan dan kita berharap melalui program ini akan dapat melahirkan pemain-pemain berpotensi untuk diketengahkan," terangnya.

Sekat ini Jabatan Belia dan Sukan bersama Pertubuhan Bola Sepak Daerah telah melaksanakan skim bola sepak bagi umur 16 tahun ke bawah, 18 dan 19 tahun, pembangunan bola sepak BAFA dan Program



PEMAIN muda yang berbakat ini perlu diberikan bimbingan latihan dan pendedahan agar mereka mendapat pengalaman luas ... Sand Sejdinovski, Pengendali Akademi Bola Sepak DPMM. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Bola Sepak Ikan Pusu yang dikendalikan bersama oleh Jabatan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan; Jabatan Belia dan Sukan, BAFA dan Syarikat Perunding Sains Sukan Tempatan Tebuan.com.



MENDAFTAR Pemain yang berumur dalam lingkungan 16-18 tahun membuat pendaftaran menyertai Sesi Akademi Bola Sepak Duli Pengiran Muda Mahkota (DPMM). - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan bergambar rama bersama serombongan ahli-ahli Asia Pacific Regional Committee di bawah Pertubuhan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia (World Association of Girl Guides and Girl Scouts, WAGGGS). Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Ahli-ahli WAGGGS mengadap Kebawah DYMM Raja Isteri

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap serombongan ahli-ahli Asia Pacific Regional Committee di bawah Pertubuhan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia, (World Association of Girl Guides and Girl Scouts, WAGGGS) di Istana Nurul Iman.

Rombongan tersebut diketuai oleh Pengerusi Asia Pacific Regional Committee, Juseon Byun dari Republik Korea; Naib Pengerusi, Tracy People dari New Zealand dan ahli-ahlinya Hajah Fatimah Mohamed dari Malaysia, Janette Lockhar Gibson dari Australia, Marie Bador dari Vanuatu, Rehana Banoo dari Bangladesh dan Letty R. Aranilla selaku Eksekutif bagi Asia Pasifik.

Ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam pula terdiri daripada Datin Hajah Masni binti Haji Ali, Naib Yang Dipertua 1; Datin Paduka Hajah Zaharah binti Haji Idris Yang Dipertua 2; Datin Paduka Hajah Jusnani binti Haji Lawie, Yang Dipertua 3; Datin Paduka Hajah Norsiah binti Haji Mohd. Daud, Ketua Pesuruhjaya dan Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Mohd. Halim, Setiausaha Kerhomat.

Rombongan WAGGGS itu berada di negara ini bagi menghadiri Persidangan Serantau Asia Pasifik Ke-7 di Negara Brunei Darussalam mulai 27 Mei hingga 2 Jun, 2001.

Oleh Haji Ahat HI



Menerima mengadap Duta Besar Arab Saudi

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Tuan Ibrahim Mohamed Mosly, Duta Besar Arab Saudi yang baru ke Negara Brunei Darussalam di istiadat yang berlangsung di Istana Nurul Iman (gambar atas).

Di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia mengalau-alukan Tuan Yang Terutama Tuan Ibrahim Mohamed Mosly dan

BERAKAS, 26 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota

ITB mampu hasilkan tenaga mahir NEGARA PERLU TENAGA MANUSIA KEMBANGKAN EKONOMI BARU

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersabda, adalah mustahak bagi institusi pendidikan serta institusi pengajian tinggi dan teknikal membuat perancangan dan persiapan rapi dalam menyediakan tenaga manusia yang mempunyai daya maju dan daya saing di peringkat serantau dan antarabangsa.

Ke arah itu, Institut Teknologi Brunei (ITB), sabda Duli Yang Teramat Mulia, mampu menghasilkan tenaga mahir, khususnya dalam jurusan kejuruteraan perdagangan dan teknologi maklumat.

"Sesungguhnya negara kita menaruh harapan bahawa graduan-graduan berkenaan dapat memberikan sumbangan yang besar dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara serta memenuhi keperluan ekonomi baru dan global," sabda Duli Yang Teramat Mulia di Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei Ke-10 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda, betapa pentingnya usaha meningkatkan keupayaan tenaga manusia bagi memenuhi keperluan perkembangan ekonomi baru, yang telah ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam semasa baginda bertitah di Mesyuarat Peringkat Tinggi APEC mengenai 'Human Capacity Building' di Beijing baru-baru ini.

Duli Yang Teramat Mulia

Oleh Aliddin HM

percaya ITB mampu untuk meningkatkan kursus-kursus di bidang teknologi dan perdagangan bagi memajuk "human capacity" dalam pelbagai bidang yang diperlukan dalam ekonomi baru, terutama bidang teknologi maklumat dan komunikasi serta perdagangan dan kewangan.

Institut ini juga, sabda Duli Yang Teramat Mulia, perlu meneliti dan mengemaskinikan program akademik dan pengurusannya selaras dengan keperluan dan perkembangan semasa.

Ke arah itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia, latihan-latihan

semula atau "retraining" yang singkat dan bersesuaian bagi mempersiapkan para graduan dengan kemahiran yang diperlukan oleh pasaran kerja yakni "marketable skills" dapat memberikan nilai tambah kepada program latihan yang disediakan.

Perkara sedemikian, sabda Duli Yang Teramat Mulia, boleh dijalankan dengan kerjasama rapat di antara agensi-agensi latihan dan pendidikan serta pihak swasta yang berkaitan.

Duli Yang Teramat Mulia berharap semoga ITB akan sentiasa mencapai kemajuan serta meningkatkan namanya sebagai "centre of excellence" di bidang teknikal dan vokasional di negara ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan diploma kepada seorang lepasan Institut Teknologi Brunei (ITB) di Majlis Konvokesyen ITB Ke-10 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.

MAJU BANGSA SEJAHTERA NEGARA BERLANDASKAN AJARAN ISLAM

درييكتن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان مترى دان دچيقت اوله جباتن فرچيتن کراجأن، نکارا بروفي دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.